



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 8823]

USUL-USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 8859]
Anggaran Pembangunan, 1985—**

Jawatankuasa:

Maksud P. 51, P. 52, P. 53, P. 54, P. 55 dan P. 56 [Ruangan 8861]

Maksud P. 57, P. 58 dan P. 59 [Ruangan 8904]

Maksud P. 60 [Ruangan 8939]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985—

Jawatankuasa:

Jadual—

Maksud B. 51, B. 52, B. 53, B. 54, B. 55 dan B. 56 [Ruangan 8861]

Maksud B. 57, B. 58 dan B. 59 [Ruangan 8904]

Maksud B. 60 [Ruangan 8939]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kewangan, **TUAN DAIM ZAINUDDIN** (Kuala Muda).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).

- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok)
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).

Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).

- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.I.K.
(ULU NERUS).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.
(Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN,
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K., (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).

- Yang Berhormat** **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.**
(Balik Pulau).
- „ **TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).**
- „ **TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,**
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ **TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).**
- „ **TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).**
- „ **DR TAN SENG GIAW (Kepong).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- „ **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).**
- „ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).**
- „ **TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).**
- „ **DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.**
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 28hb November, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PERHIMPUNAN AWAM—
LARANGAN

1. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh mana keamanan telah dapat diwujudkan selepas undang-undang melarang syarahan dan perhimpunan awam dikenakan di empat buah negeri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa soalan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah sama atau hampir-hampir sama dengan soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, Ulu Nerus dan Kuala Nerus yang mana telah pun saya jawab pada 10hb dan 28hb Oktober 1984 yang lalu di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.

(Soalan No. 2 Y.B. Wan Najib bin Wan Mohamad tidak hadir).

INTEGRASI DAN PERPADUAN
NEGARA

3. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan tindakan yang telah dirangka menggalakkan integrasi dan perpaduan negara serantau dengan membawa masuk (accommodate) Sarawak dan Sabah ke dalam aliran arus politik, ekonomi, kebudayaan dan pelajaran hidup negara.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai objektif ini Kerajaan telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Integrasi Negeri-negeri Malaysia bagi mengeratkan dan memupuk perasaan kekitaan, kenegaraan serta menghapuskan perasaan kenegerian atau kedaerahan di kalangan rakyat di Sabah, Sarawak dan lain-lain negeri di Malaysia.

Kerajaan-kerajaan negeri Sabah dan Sarawak adalah diwakili di dalam Jawatankuasa itu yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan. Beberapa langkah telah dan sedang diambil untuk menggalakkan hubungan dan interaksi antara rakyat dari ketiga-tiga wilayah negeri. Antaranya ialah mengurangkan kos perjalanan dengan menurunkan tambang penerbangan Mas. Ketua-ketua masyarakat dari Sabah dan Sarawak digalakkan menyertai perayaan-perayaan kebangsaan di Kuala Lumpur untuk memberi peluang kepada mereka bertemu mesra dengan pemimpin-pemimpin di Semenanjung.

Pertukaran dan penempatan pegawai-pegawai Kerajaan ketiga-tiga wilayah secara yang lebih luas juga sedang dipertimbangkan. Bagi mengurangkan perbezaan harga jualan akhbar-akhbar nasional di Sabah dan Sarawak juga akan dikurangkan. Pihak RTM juga telah memperbanyakkan liputan peristiwa, berita dan fokus mengenai negeri Sabah dan negeri Sarawak.

Juga penggunaan Pasport Terhad Malaysia kepada penduduk-penduduk Semenanjung yang pergi ke Sabah dan Sarawak dan penggunaan dokumen bagi pelawat-pelawat dari Sabah dan Sarawak telah dihapuskan dan pengwujudan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah langkah ke matlamat ini.

Untuk meningkatkan lagi integrasi dan perpaduan negara dari segi kewilayahan, semua penduduk sama ada di Sabah atau di Sarawak mahupun di negeri-negeri Semenanjung Malaysia perlu mengikis fikiran dan sikap kewilayahan masing-masing dan menggantikannya dengan satu sikap kenegaraan Malaysia.

Perlu ditegaskan bahawa proses mencari jalan untuk meningkatkan lagi integrasi ketiga-tiga wilayah adalah proses jangka panjang dan berterusan. Dalam hal ini Kerajaan mempunyai sikap liberal dan terbuka untuk menerima cadangan-cadangan positif sama ada dari Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini ataupun daripada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, sukaiah saya menambah kepada jawapan ini iaitu sukaiah saya mengumumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengambil keputusan untuk melaksanakan projek Feri Malaysia iaitu suatu sistem perkhidmatan kapal laut di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pagi tadi telah memutuskan supaya Feri Malaysia itu dilaksanakan dengan serta-merta demi mempercepatkan proses integrasi nasional di antara tiga wilayah besar negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Kerajaan yakin bahawa dengan adanya Perkhidmatan Feri Malaysia itu rakyat jelata akan dapat bercampur gaul lebih kerap dan rapat berbanding dengan yang sudah-sudah. Feri Malaysia boleh membawa seramai 850 penumpang di samping lebih 100 kenderaan dan 40 trailer. Ianya akan memakan masa 26 jam belayar dari Kuantan ke Kuching dan lebih 20 jam dari Kuching ke Kota Kinabalu.

Tambang Feri Malaysia dijangka lebih kurang 70% daripada tambang kelas ekonomi MAS. Ini termasuklah sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam serta hiburan-hiburan yang akan ditentukan di atas feri itu serta tempat tidur dalam kapal semasa belayar. Dan tentulah 26 jam, 21 jam itu akan memberi peluang yang lebih panjang daripada naik kapal terbang untuk bertemu-ramah, kenal mengenal dan menjadi sahabat handai di kalangan rakyat negara ini apabila perkhidmatan ini telah dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya semua persediaan dapat dikendalikan dengan baik, Feri Malaysia akan dapat memulakan perkhidmatannya pada pertengahan tahun 1985.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Pertama, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa satu Jawatankuasa Integrasi telah ditubuhkan dan oleh kerana jawatankuasa itu tidak memainkan suatu peranan yang begitu penting atau aktif, adakah pihak Kerajaan bertujuan untuk menyusun semula komposisi jawatankuasa ini serta rancangan-rancangan jawatankuasa

itu supaya meningkatkan usaha untuk mengintegrasikan berbagai kawasan-kawasan negara kita?

Soalan yang kedua, oleh kerana pihak-pihak tertentu mempercayai bahawa integrasi sosio-ekonomi mestilah wujud sebelum integrasi politik dapat wujud juga, adakah pihak Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan sekali lagi pembangunan sosio-ekonomi di negeri Sarawak dan di negeri Sabah seperti menambah peruntukan untuk membuat jalanraya atau jambatan di kedua-dua negeri itu.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa untuk integrasi negeri-negeri Malaysia yang saya telah sebut itu adalah satu jawatankuasa yang telah ditubuhkan di masa beberapa lama yang di kebelakangan ini, mempunyai 16 ahli dan pada ketika ini mereka mempunyai banyak rancangan yang sedang diselidiki dan saya difahamkan bahawa objektif-objektif mereka untuk integrasi nasional itu akan diperhebatkan lagi pada tahun-tahun yang akan datang. Pada masa ini program-program itu sedang disusun dengan baik dan mereka mengadakan mesyuarat-mesyuarat bukan sahaja di sini tetapi juga di Sarawak dan di Sabah, barangkali belum pergi ke Sabah tetapi akan pergi ke Sabah supaya masalah-masalah integrasi di seluruh negara akan dapat ditinjau sebelum melaksanakan program-program mereka itu.

Mengenai dengan pembangunan sosio-ekonomi yang lebih lagi untuk memastikan supaya rakyat di Sarawak dan Sabah khususnya dan sebenarnya di seluruh negara amnya akan lebih lagi dapat di satupadukan, ini memang menjadi dasar utama Kerajaan terutama sekali yang mana terbukti di dalam rancangan-rancangan 5 tahun yang telah, sedang dan akan kita laksanakan di dalam negara ini.

Tujuan Kerajaan memang mempercepatkan proses pembangunan sosio-ekonomi seberapa yang boleh, tetapi Ahli Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa ini tertakluk kepada adanya peruntukan. Kalau kita meminjam wang terlalu banyak kita juga nanti yang menjerit apabila terpaksa membayar hutang-hutang itu.

Tuan Mutang Tagal: Soalan tambahan. Soalan pertama, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan tadi bahawa salah satu langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengintegrasikan Semenanjung, Sabah dan Sarawak ialah menempatkan pegawai-pegawai dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan di sebaliknya. Yang saya ingin tahu di sini ialah oleh kerana di Sabah/Sarawak ada beberapa orang yang berpendapat bahawa dengan datangnya begitu ramai pegawai dari Semenanjung maka susahlah bagi mereka untuk memegang jawatan dalam beberapa badan Kerajaan mahupun di bidang swasta dan kalau sedar tentang keraguan di antara rakyat di Sabah/Sarawak apakah langkah-langkah diambil supaya keraguan ini dapat dikikis dan dihapus integrasi nasional dapat dijalankan dengan licin.

Soalan yang kedua ialah salah satu masalah dalam integrasi nasional ialah dari segi sikap bukan sahaja sikap penduduk di Sabah/Sarawak tetapi sikap rakyat di Semenanjung. Saya menyentuh khususnya dalam bidang tourism di mana kalau saya tidak salah ada ramai rakyat di Semenanjung apabila mereka ingin untuk melawat tempat-tempat dalam percutian mereka Sabah dan Sarawak selalunya ditinggalkan ke belakang oleh kerana tidak

Timbalan Yang di-Pertua: Soalannya, Yang Berhormat?

Tuan Mutang Tagal: Adakah Menteri bercadang supaya memperlibatkan agensi-agensi tourism supaya memainkan peranan supaya menggalakkan lebih ramai lagi rakyat di Semenanjung mengambil cuti di Sabah/Sarawak dan sebaliknya.

Soalan yang ketiga ialah mengenai dengan feri. Saya ingin tahu sama ada keputusan jemaah Menteri untuk melaksanakan ataupun menjalankan Feri Malaysia dengan serta merta ialah sama ada keputusan itu diambil oleh kerana satu kajian yang dijalankan oleh PERNAS National Shipping Line. Saya difahamkan bahawa kajian yang telah dibuat oleh PERNAS National Shipping Line itu merupakan satu kajian yang menunjukkan bahawa satu Feri Malaysia itu adalah merupakan luxurious dan soalan saya

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk sebentar, Yang Berhormat.

Soalan yang ketiga, adakah keputusan itu berasaskan kajian PERNAS National Shipping Line?

Adakah soalan lagi, Yang Berhormat?

Tuan Mutang Tagal: Tidak ada soalan lain tetapi tambahan kepada soalan yang ketiga.

Jadi, oleh kerana jika keputusan ini diambil berdasarkan kajian tersebut ini akan menjejaskan kelicinan perkhidmatan Feri ini oleh kerana kos yang telah dikatakan tadi adalah merupakan 70% dari tambang ekonomi MAS. Jadi, kalau Feri itu tidak merupakan satu luxurious liner, saya dapat mengurangkan tambang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah mula berhujah. Sila.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama mengenai dengan pertukaran pegawai-pegawai Kerajaan di antara tiga

wilayah negara kita. Sebenarnya tidaklah benar kalau dikatakan terlalu banyak pegawai-pegawai yang ditukarkan ke Sabah dan Sarawak dari Semenanjung. Kebiasaannya mereka itu ditukarkan untuk memenuhi jawatan-jawatan yang belum dapat dipenuhi kerana taraf pangkat atau jawatan hakiki pegawai-pegawai tempatan itu belum ada. Jadi, untuk memenuhi kekosongan-kekosongan yang ada di peringkat atasan buat sementara pegawai-pegawai ditukarkan daripada sebelah sini ke sana.

Memang selalu didakwa bahawa ada pegawai-pegawai yang menutup peluang pegawai-pegawai di Sarawak dan di Sabah tetapi kalau ditinjau dari masa kita menubuhkan Malaysia 21 tahun dahulu sehingga sekarang kedudukan ini telah berubah dengan ketaranya sudah, iaitu bukan sahaja tempoh pegawai-pegawai dari Semenanjung berkhidmat di Sabah dan Sarawak itu telah memendek ataupun menjadi pendek akan tetapi pegawai-pegawai tempatan pun makin banyak yang telah naik ke tingkat-tingkat yang atasan.

Sebenarnya ada juga beberapa jawatan pengarah misalnya atau ketua sesuatu agensi itu dipegang oleh anak-anak tempatan di Sabah dan di Sarawak. Misal kata di Sarawak, Pesuruhjaya Polis adalah orang tempatan. Di Sabah Pengarah Perubatan, Jabatan Perubatan Negeri Sabah dan beberapa jawatan yang lain diketuai oleh anak-anak tempatan.

Saya ingin juga menambah bahawa, di sebaliknya, pegawai-pegawai daripada Sabah dan Sarawak itu digalakkan untuk datang ke Semenanjung untuk bertugas, untuk memegang jawatan-jawatan. Misalnya dalam tahun 60an pernah dihantar beberapa pegawai daripada Sabah untuk memegang jawatan Penolong Pegawai Daerah dan Pegawai Daerah

di sini dan juga ditukar Pegawai-pegawai Daerah daripada sini ke Sabah. Kebiasaannya pada keseluruhannya pegawai-pegawai dari Sabah dan Sarawak itu enggan, segan hendak menyeberang ke sini untuk berkhidmat di sini.

Walhal tujuan Kerajaan menghantar mereka berkhidmat di sini adalah semata-mata untuk mendapat pengalaman yang lebih luas supaya dengan itu mereka boleh kembali ke Sabah dan Sarawak untuk memegang jawatan yang lebih kanan termasuklah menjadi Timbalan Pengetua, ataupun Timbalan Pengarah dan Pengarah ataupun Ketua di sesuatu Bahagian Pentadbiran di negeri Sabah dan Sarawak itu.

Ini tidak menjadi masalah yang besar pada hemat saya dan lebih-lebih lagi sekarang kita mempunyai pusat-pusat latihan untuk pegawai-pegawai Kerajaan kita, terutama sekali INTAN di sini yang mana akan memberi latihan dan teknik-teknik pentadbiran yang lebih menyeluruh dan lebih nasional kepada pegawai-pegawai kita, tidak kira dari mana mereka, di sini, Sarawak ataupun Sabah sekarang dan di masa-masa yang akan datang. Sedangkan INTAN telah menubuhkan cawangan-cawangan wilayahnya di sini; dan di Sabah satu pusat latihan dinamakan SINAR yang juga bertujuan melatih pegawai-pegawai tempatan. SINAR sedang berbincang dengan INTAN untuk menyelaraskan program-program latihan bagi pegawai-pegawai kita.

Saya juga difahamkan Sarawak mempunyai satu Pusat Latihan yang sering berhubung dengan INTAN dan menyelaraskan program-programnya dengan cara-cara dan teknik-teknik menyampaikan kepakaran dalam pentadbiran kepada pegawai-pegawai di negeri Sarawak.

Mengenai dengan agensi-agensi yang sepatutnya lebih lagi melibatkan diri mereka untuk menggalakkan pecuti-pecuti daripada Semenanjung supaya melawat Sabah dan Sarawak, ini sebenarnya sedang berjalan sungguhpun boleh dipertingkatkan lagi. TDC sendiri memanglah menggalakkan segala jenis pelancongan di negara kita ini sungguhpun mereka boleh pertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti TDC di Sarawak dan di Sabah di masa-masa yang akan datang.

Dan satu daripada matlamat Feri Malaysia itu memanglah untuk menggalakkan perjalanan, percutian dan sebagainya di antara Semenanjung, Sarawak dan Sabah.

Dalam merancang Feri Malaysia ini sebenarnya pihak Kerajaan telah pun mengambil kira, mana hotel-hotel yang boleh digunakan untuk menginap oleh pelayar-pelayar, rakyat Malaysia yang akan menggunakan feri ini, di sini, di Sarawak dan di Sabah. Dan pihak agensi-agensi pelancongan dan juga empunya-empunya hotel di Kota Kinabalu, di Kuching dan juga di Kuantan di Semenanjung ini telah pun dihubungi untuk menentukan supaya penumpang-penumpang Feri Malaysia ini akan dapat memilih mana satu hotel-hotel penginapan, tempat-tempat penginapan yang mereka boleh membayar dengan mengikut keupayaan mereka dan juga tempat-tempat mereka akan melawat untuk melancong di ketiga-tiga wilayah negara kita apabila perkhidmatan ini dimulakan.

Yang ketiga, keputusan untuk mengadakan Feri Malaysia ini memang benar kajian yang telah dibuat itu adalah dikendalikan oleh PNSL (Perbadanan Nasional Shipping Line) dan mereka telah membuat kajian ini selama hampir dua tahun yang lalu dan telah diubah mengikut keupayaan, mengikut praktiknya Feri ini nanti. Tetapi sebenarnya tujuan

Feri Malaysia ini adalah untuk memberi peluang kepada rakyat biasa mempunyai satu lagi sistem perhubungan yang sederhana ongkosnya, harganya, supaya mereka dapat berulang alik dan berjalan melawat tempat-tempat di negara mereka sendiri.

Jadi dari segi itu memanglah kita tidak boleh menjangkakan yang Feri Malaysia ini adalah satu yang "luxurious" ataupun yang mahal dan sebagainya.

Apa yang saya telah sebut di dalam jawapan asal saya ialah makanan akan dibagi, sarapan pagi, makan tengahari, makan petang, tempat tidur dan tempat mandi supaya selesalah penumpang-penumpang kita di dalam Feri itu selama lebih 21 jam dan; mudah-mudahan selama 26 jam menyeberangi Laut China Selatan itu, mereka akan dapat berkenal-kenalan menjadi saudara mara di dalam negara kita.

"TUN"—PINGAT KEBESARAN UNTUK KAUM INDIA

4. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan apakah yang menyebabkan pihak Kerajaan tidak lagi mencadangkan nama dari masyarakat India Malaysia untuk pingat kebesaran "Tun", selepas mendiang Tun V.T. Sambanthan, bekas Presiden MIC Kebangsaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan tidak pernah mencadangkan seseorang itu untuk dianugerahkan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan atas dasar keturunan atau kaum tetapi adalah berdasarkan atas jasa-jasa cemerlang kepada negara untuk beberapa waktu dengan tanggungjawab dan pengaruh yang tertinggi sesuai dengan taraf kedudukannya. Selain daripada itu, jumlah mereka yang boleh

dikurniakan adalah terhad, terutamanya bagi Darjah Kebesaran yang membawa gelaran seperti Tun.

GRADUAN—BILANGAN PENGANGGUR

5. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) bilangan graduan universiti yang masih menganggur; dan
- (b) bilangan graduan yang telah mendapat pekerjaan menerusi usaha Jabatan-jabatan Tenaga Rakyat bagi tempoh 1982, 1983 dan 1984 masing-masing.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), jumlah graduan universiti dan lain-lain institusi pengajian tinggi yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat setakat 31hb Ogos, 1984 untuk mendapat pekerjaan adalah seramai 1,297 orang. Dari jumlah ini seramai 105 orang atau 8.1% telah bekerja tetapi mendaftar untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik.

Menjawab soalan (b), jumlah graduan yang telah mendapat pekerjaan menerusi usaha Jabatan Tenaga Rakyat bagi tahun 1982, 1983 dan setakat bulan Ogos, 1984 adalah seperti berikut:

1982	—	124 orang
1983	—	80 orang
1984	—	66 orang

(sehingga Ogos)

Berhubung dengan perkara pengangguran graduan, saya suka mengambil kesempatan untuk menggesa graduan-graduan supaya tidak bersikap terlalu memilih kerja memandangkan kepada keadaan ekonomi yang lembab. Saya juga menggesa pihak majikan supaya memainkan peranan mereka dengan

menawarkan pekerjaan-pekerjaan yang sesuai kepada graduan-graduan negara kita.

Dr Koh Tsu Koon: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah cara ataupun langkah dan prosedur di mana Jabatan Tenaga Rakyat membantu graduan-graduan untuk mencari pekerjaan, memandangkan bahawa dari segi peratusan yang telah mendapat pekerjaan melalui pejabat ini adalah rendah iaitu kurang daripada 10% yang mendapat pekerjaan melalui pejabat ini.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, kebiasannya apabila satu graduan telah didaftarkan di Pejabat Tenaga Rakyat, kami ambil kira apakah bidang kemahiran, dan kelulusan graduan itu dan selepas itu kami akan berhubung dengan bakal-bakal majikan di bidang itu supaya mendapatkan satu temuduga untuk bakal-bakal pencari kerja. Itu yang biasa caranya dan memang saya akui bilangan kejayaan ditempatkan oleh Jabatan Tenaga Rakyat adalah rendah oleh kerana bidang pekerjaan ini adalah kebanyakan berkehendakkan kemahiran dan majikan-majikan lebih suka menawarkan kekosongan-kekosongan ini secara langsung seperti di iklan-iklan suratkhbar. Saya fikir ini boleh dibuktikan tiap-tiap hari dan juga melalui lain-lain cara seperti agensi swasta pekerjaan juga, tetapi saya rasa tidak boleh dinafikan juga peranan yang dimainkan oleh Pejabat Tenaga Rakyat di atas perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian saya ini.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat berikan angka pecahan graduan-graduan yang menganggur mengikut kelulusan universiti-universiti. Dan yang keduanya, mengapakah terdapat sikap

di kalangan majikan swasta yang tidak berapa suka hendak mengambil bekerja graduan-graduan kelulusan daripada Universiti Kebangsaan? Terima kasih.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama, mengikut pendaftaran yang Kementerian ada pada sekarang ini adalah mengikut jenis kurang lebih pada bulan Ogos ada 69 jenis bidang. Oleh kerana bilangan yang begitu besar, susahlah saya dibacakan di sini. Bagaimanapun jikalau Yang Berhormat itu berminat, saya boleh memberi satu senarai kepada Yang Berhormat itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk William Lye Chee Hien: Terima kasih. Bagi soalan kedua, pada masa ini adalah apa-apa laporan bahawa majikan atau bakal majikan enggan mengambil graduan dari UKM.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Buruh, ada Kerajaan hantar pelajar-pelajar kita untuk belajar ke Jepun. Kemudian apabila mereka itu balik tidak ketentuan pekerjaan mereka, terpaksa mereka kena cari kerja sendiri. Dan apabila mereka minta kerja, diberi kerja yang tidak sejajar dengan apa yang mereka belajar dan dengan gaji-gaji yang tidak bersepatutan. Oleh yang demikian, saya ingin tahu apakah rangka-rangka Kerajaan apabila hantar rakyat Malaysia pergi belajar luar negeri dalam segi kemahiran, apakah ketentuan apabila mereka pulang ke tanahair kita?

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah soalan ini jatuh dalam bidang kuasa Kementerian Yang Berhormat ataupun di bawah Jabatan Perdana Menteri?

Datuk William Lye Chee Hien: Sebenarnya soalan ini bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Buruh.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari bilangan yang diberikan tadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bilangan-bilangan terdiri daripada kaum Cina, kaum India dan kaum Melayu dan adakah mereka meminta pekerjaan dengan Kerajaan? Kalau ada, berapanya tidak berjaya dari golongan yang tersebut?

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak mempunyai angka-angka mengikut kaum. Kami cuma ada rekod mengikut kemahiran atau ijazahnya dalam satu-satu bidang sahaja, tidak mengikut kaum tetapi mengikut jantina sahaja, lelaki atau perempuan.

Graduan-graduan ini memang mencari pekerjaan dengan Kerajaan. Ini ada masuk dalam senarai tadi. Tetapi kami tidak ada membagikan berapakah masuk Kerajaan, berapakah masuk swasta itu tidak.

PEKERJA INDONESIA DI MALAYSIA—BILANGAN

6. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pekerja-pekerja Indonesia yang dibawa ke Malaysia di bawah Perjanjian Buruh Malaysia—Indonesia dan sama ada beliau sedar meskipun wujud perjanjian tersebut, sebilangan besar pendatang-pendatang haram Indonesia masih memasuki Malaysia tanpa sebarang penurunan dalam kadar kemasukan mereka.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa soalan Yang Berhormat dari Kota Melaka

adalah sama atau hampir-hampir sama dengan soalan-soalan yang dibangkitkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini dan telah pun dijawab. Saya tidak bercadang untuk membuat sebarang pertambahan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini anggaran Kerajaan mengenai bilangan orang pendatang-pendatang haram Indonesia di-negara ini—1,000, 5,000, 10,000, 100,000, 200,000 atau apa-apa bilangan?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh memberi jawapan ini, sebab tidak ada angka yang di simpan oleh Kementerian.

BINATANG YANG PUPUS DI MALAYSIA

7. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (i) jenis-jenis ikan, serangga dan lain-lain haiwan yang telah pupus sama sekali, dan yang menghadapi bahaya pupus di negara ini. Apakah sebab-sebabnya dan bagaimana untuk menghindarkan keadaan bertambah buruk; dan
- (ii) apakah dan berapa banyak binatang-binatang seperti monyet dan lain-lain dieksport ke negara-negara asing bagi tujuan-tujuan eksperimen.

Setiausaha Parlimen Kementerian sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada sejenis binatang sahaja yang telah pupus sama sekali di Malaysia. Hal yang mengenai serangga di Malaysia telah dibawa kepada jagaan Jabatan Perlindungan

Hidupan Liar dan Taman Negara sejak tahun 1973. Setahu Kementerian, tidak ada jenis serangga yang pupus sama sekali. Mengenai ikan, ini adalah dalam jagaan Kementerian Pertanian.

Setahu Kementerian, Badak Jawa/Badak Raya adalah jenis binatang yang telah pupus sama sekali di mana spesimen yang paling terakhir telah ditembak mati di Malaysia pada tahun 1932 di Teluk Intan.

Antara beberapa jenis binatang, burung dan serangga yang sedang menghadapi bahaya pupus di Malaysia, nama-nama dan jenis-jenis mereka telah disenaraikan dalam jadual-jadual yang sedia ada di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca utama mengapa jenis-jenis binatang, burung dan serangga-serangga pupus atau sedang menghadapi bahaya kepupusan ialah kehilangan habitat, akibat daripada aktiviti-aktiviti manusia yang pesat seperti berikut:

- (a) Pembukaan hutan untuk pertanian.
- (b) Pembalakan.
- (c) Galian.
- (d) Empangan Hydro.
- (e) Pembangunan bandar termasuk perumahan.

Aktiviti-aktiviti yang lain seperti pemburuan haram, eksploitasi perdagangan yang berlebih-lebih dan pencemaran dari aktiviti-aktiviti perkilangan juga akan membawa kesan yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah untuk menghindari keadaan dari menjadi bertambah buruk.

Akta Perlindungan Hidupan Liar yang dikuatkuasakan pada tahun 1972 memberi perlindungan kepada binatang-binatang yang terancam ini di mana kesalahan-kesalahan pelanggaran Akta tersebut jika disabitkan, boleh didenda sehingga \$3,000 atau penjara selama dua tahun.

Di dalam tahun 1983, sebanyak 2,096 kes-kes kesalahan di bawah Akta tersebut telah dikesan dari mana 318 kes telah dihadapkan ke Mahkamah. Untuk mengukuhkan lagi penguatkuasaannya, beberapa pindaan untuk memberatkan lagi denda-denda yang sedia ada dan untuk mengemaskan peruntukan-peruntukan di bawah Akta ini sedang dibuat. Untuk maksud yang sama Akta Taman Negara 1980 telah juga dipinda dalam tahun 1983.

Selain daripada itu, Kementerian saya sedar bahawa kehidupan liar adalah sebagai satu harta yang penting dan bernilai untuk jenerasi-jenerasi yang akan mewarisinya. Oleh yang demikian, beberapa jenis program penyelidikan dan pemeliharaan telah dijalankan oleh Kementerian saya untuk memelihara jenis-jenis binatang, burung dan serangga yang sedia ada di Malaysia.

Program-program pengurusan dan pemuliharaan yang dijalankan sekarang termasuk program badak sumbu, seladang, badak, kerbau, harimau, tuntong, rusa, burung kuak dan lain-lain. Bagi langkah tempoh panjang Kementerian saya juga mengambil tindakan untuk menyedari orang ramai mengenai kepentingan pemuliharaan hidupan liar di Malaysia dari semasa ke semasa.

Untuk menjawab soalan (b), ingin saya memaklumkan bahawa saya telah memberi jawapan kepada soalan yang serupa kepada 2hb April 1984 dalam Dewan yang mulia ini. Untuk menjimatkan masa, saya hanya ingin memaklumkan bahawa hanya kera dan beruk sahaja yang dieksportkan

keluar negeri untuk tujuan penyelidikan. Seperti mana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan yang mulia ini mengekspornan kera dan beruk telah diharamkan mulai 15hb Jun 1984.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, benarkah binatang babi ini sejenis binatang yang mudah membiak dan jika sekiranya mudah membiak dan memandangkan pula babi ini menjadi halangan yang besar kepada petani-petani terutama di kawasan luar bandar, adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan binatang babi hutan ini daripada senarai binatang-binatang yang dilindungi di bawah Akta Perlindungan 1972.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar babi hutan ini adalah menjadi satu masalah di beberapa tempat yang tertentu oleh kerana kita hendak melindungi binatang harimau disebabkan yang babi hutan ini adalah menjadi sebagai makanan untuk harimau (*Ketawa*). Oleh kerana itu, Kementerian saya juga sedar pembiakan babi hutan begitu mudah tetapi Kementerian saya di bawah Undang-undang itu diadakan musim pukah, sesiapa yang berminat menembak babi hutan, sila berhubung dan mengambil lesen di masa itu (*Ketawa*).

PENGGUNAAN PEWARNA YANG DIHARAMKAN

8. Tuan Omar bin Haji Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada benar dakwaan Persatuan Pengguna-pengguna yang mendakwa bahawa pewarna merbahaya masih lagi digunakan dalam industri makanan dan minuman walaupun telah diharamkan. Berapa banyakkah tangkapan yang telah dibuat dan apakah tindakan tegas yang telah dan akan dilaksanakan untuk melindungi pengguna-pengguna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Yeoh Poh San): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan amat sedar ke atas penggunaan pewarna-pewarna yang diharamkan dalam makanan dan sentiasa mengesan makanan dan minuman yang dijual di pasaran dengan mengambil sampel-sampel makanan untuk dianalisa mana-mana yang disyaki, dan juga makanan-makanan yang baru masuk ke dalam pasaran secara "routine". Pengawasan juga dibuat terhadap kilang-kilang untuk menentukan ramuan-ramuan makanan digunakan itu selamat untuk dimakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun-tahun 1980 hingga 1983, data-data mengenai jumlah sampel yang telah diambil untuk dicerakinkan jumlah sampel yang didapati mengandungi pewarna yang ditegah, jumlah kes yang didakwa ke Mahkamah dan jumlah denda yang dikenakan adalah seperti berikut:

<i>Jumlah</i>	1980	1981	1982	1983
Jumlah kesemua sampel yang dianalisa	16,344	20,188	18,693	14,823
Jumlah sampel yang didapati mengandungi pewarna yang ditegah	689	404	510	433
Jumlah kes didakwa ke Mahkamah	174	81	176	206
Jumlah denda ..	\$47,637	\$18,185	\$45,545	\$52,463

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1984 sehingga bulan Jun sahaja dari jumlah 9,740 sampel yang telah diambil untuk berbagai jenis cerakinan, hanya 240 sampel (2.5%) didapati mengandungi pewarna yang diharamkan di bawah "Peraturan Jualan Makanan dan Dadah 1952". Sebanyak 68 kes telah didakwa ke Mahkamah dan sejumlah \$18,030 telah dikenakan sebagai denda.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa daripada barang-barang yang dapat atau kes yang telah dapat ditangkapkan itu adakah barang-barang itu dikeluarkan daripada kilang-kilang sahaja ataupun termasuk sebagai barang-barang tiruan dan berapa banyak barang-barang tiruan dan berapa banyak pula barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang.

Soalan yang kedua, selain daripada menjalankan kuatkuasa, adakah pihak Kementerian meminta supaya kilang-kilang yang mengeluarkan barang-barang ini mengadakan rundingan supaya dapat secara jujur dan bertanggungjawab untuk sama-sama membantu Kerajaan bagi menjayakan pelaksanaan Akta yang sedang berjalan sekarang.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya barang-barang yang diharamkan di bawah Akta yang berkenaan, semuanya dirampas selepas analisa telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan.

Untuk menjawab soalan yang kedua, Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa selalu mengadakan rundingan di antara kilang-kilang dan juga mereka yang menjual barang-barang yang menggunakan pewarna-pewarna di dalam pasaran.

LEMBAGA PEPERIKSAAN/MAJLIS PEPERIKSAAN

9. Tuan Mohamed Amin bin Haji Saud minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab mengapa perlunya ditubuhkan dua buah badan peperiksaan dalam Negara ini, iaitu Lembaga Peperiksaan Malaysia, sebuah Jabatan Kerajaan dan Majlis Peperiksaan Malaysia sebuah badan berkanun, oleh kerana fungsi kedua-duanya adalah sama iaitu menilai kebolehan calon-calon untuk tujuan-tujuan tertentu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, di antara beberapa sebab mengapa dua buah badan peperiksaan diperlukan ialah Akta Pelajaran 1961 dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 tidak meliputi peperiksaan Tingkatan VI. Oleh itu sewajarnya peperiksaan Tingkatan VI dikendalikan oleh sebuah badan baharu iaitu Majlis Peperiksaan Malaysia.

Yang kedua, Lembaga Peperiksaan mengendalikan berbagai jenis peperiksaan awam dan sekiranya terdapat beban tugas tambahan, kecekapan, kemampuan dan prestasi pengendaliannya akan terjejas.

Yang ketiga, dari segi masa pelaksanaan, Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dijalankan serentak dan juga kegiatan memproses keputusan yang melibatkan calon yang ramai. Keadaan ini tidak dapat dikendalikan oleh satu badan peperiksaan sahaja.

Suka saya menarik perhatian Yang Berhormat bahawa penubuhan Majlis Peperiksaan Malaysia telah dibuat di bawah Akta Majlis Peperiksaan Malaysia, 1979 yang telah dibincangkan secara terperinci oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dan

diluluskan penubuhannya. Soal mengapa perkara ini berlaku tidak seharusnya berbangkit lagi.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun kita sedar ada dua Akta yang mengawal kedua-dua Majlis dan Lembaga ini, adakah Kementerian bercadang akan mengkaji semula kedua-dua Akta ini supaya diselaraskan menjadi satu?

Yang keduanya, walaupun seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri yang satu itu menghadapi masalah oleh kerana melibatkan peperiksaan awam, adakah Kerajaan akan menyelaraskan supaya diadakan satu sahaja Akta dan diperbaiki organisasi ataupun peringkat pentadbiran sahaja kepada Lembaga ataupun Majlis yang berkenaan.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kedua-dua soalan itu, Kementerian Pelajaran akan mengambil perhatian dan boleh memberi pertimbangan mengenai penyelarasan kedua-dua perkara itu.

PUSAT KARYANEKA—KEMAJUAN

10. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pengunjung dan pelancong yang telah melawat Pusat KARYANEKA negeri di Jalan Tun Ismail sejak ianya dibuka untuk orang ramai;
- (b) berapakah jualan barang-barang yang telah dapat dipasarkan melalui pusat ini dan bagaimana suasana urusaniaga sejak ianya dibuka; dan
- (c) apakah langkah-langkah untuk memperluaskan konsep ini di kawasan itu sendiri dan kepada negeri-negeri lain juga.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak gerai-gerai dibuka di Pusat KARYANEKA, jumlah pengunjung-pengunjung tempatan dan pelancong luar negeri yang melawat Pusat itu telah bertambah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Pusat itu sekarang ini telah menjadi salah satu tempat yang menarik bagi pelancong luar dan dalam negeri kerana keunikannya.

Purata jumlah pengunjung dan pelancong yang melawat Pusat itu adalah di antara 300 hingga 700 orang sehari di mana di musim cuti sekolah jumlah itu meningkat antara 1,000 hingga 1,500 orang.

Semenjak Gerai-gerai Negeri dibuka, jumlah jualan telah meningkat. Sebelum bulan Ogos 1983 jumlah jualan purata bulanan adalah antara \$25,000 hingga \$40,000 sebulan. Setelah Gerai-gerai Negeri dibuka, jumlah jualan telah meningkat purata antara \$70,000 hingga \$100,000 sebulan. Jumlah jualan pada tahun 1983 adalah sebanyak \$596,247. Dalam tahun 1984 jumlah jualan telah meningkat dengan purata jualan bulanan \$100,000 hingga \$140,000. Sehingga bulan September 1984, jumlah jualan adalah sebanyak \$1,147,791.99 sen. Saya menjangkakan dalam tahun 1984, jumlah jualan boleh mencapai angka \$1.5 juta.

Dari angka-angka di atas, adalah jelas menunjukkan bahawa urusaniaga di Pusat itu adalah sungguh menggalakkan. Keadaan ini telah menimbulkan kesan kepada kurangnya bekalan barang-barang kraftangan dan Kementerian sedang berikhtiar untuk mengatasi masalah itu.

Buat masa sekarang Kementerian tidaklah bercadang untuk membuka Pusat-pusat KARYANEKA dengan konsep yang sama di negeri yang lain. Walau bagaimanapun, Kerajaan-kerajaan Negeri bolehlah membuka outlet lain di negeri masing-masing supaya barang-barang kraftangan mempunyai pasaran yang lebih luas. Kerajaan Negeri Melaka dan Pahang telah pun membina outlet untuk pasaran kraftangan di negeri masing-masing. Negeri Sarawak dan Pulau Pinang juga telah mengambil langkah yang sama.

PELAN STRUKTUR IBU NEGERI/BANDAR BESAR

11. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah pelan struktur bandar yang telah disediakan setakat ini dan berapakah yang akan disediakan dalam tempoh sekarang sehingga Rancangan Malaysia Keempat. Apakah bandar-bandar yang terlibat dan bilakah pelan-pelan itu dijangka siap. Apakah dasar pokok Kerajaan yang digunakan untuk semua pelan struktur ini sebagai garis panduan pada keseluruhannya.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, dalam jangka masa Rancangan Malaysia Keempat, 10 Pelan Struktur adalah di dalam penyediaan untuk Ibu-ibu Negeri dan bandar-bandar besar seperti berikut:

- (a) Kuala Lumpur
- (b) Seremban
- (c) Alor Setar
- (d) Kota Bharu
- (e) Ipoh
- (f) Johor Bahru
- (g) Kuala Terengganu
- (h) Kajang/Bangi
- (i) Kelang
- (j) Pulau Pinang

Pelan Struktur Kuala Lumpur telah ditawarkan untuk pelaksanaan pada Ogos 1984. Sembilan Pelan Struktur yang lainnya dijangkakan siap menjelang akhir tahun 1985. Dua lagi Pelan Struktur untuk Kangar dan Seberang Perai adalah dijangkakan bermula dalam tahun 1985.

Pelan-pelan Struktur adalah disediakan untuk meningkatkan dan menyesuaikan pembangunan bandar-bandar yang berkenaan mengikut kehendak-kehendak masa depan dalam aspek gunatanah, infrastruktur dan peluang-peluang ekonomi dan sosial. Aspek-aspek ini diambil kira dalam konteks Dasar Ekonomi Baru.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong tidak hadir).

INSTITUT SAINS KOMPUTER— KHIDMAT PERUNDING

13. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) benarkah pihak Universiti Teknologi Malaysia telah berjaya menubuhkan sebuah Institut Sains Komputer yang boleh memberi khidmat perunding dalam sistem menggunakan komputer. Jika benar, adakah Jabatan-jabatan Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan akan menggunakan perkhidmatan ISK ini selaras dengan kempen mengutamakan barang-barang atau perkhidmatan dalam negeri di samping menjimatkan perbelanjaan dan membina sistem komputer di jabatan masing-masing. Jika tidak mengapa; dan

(b) sehingga Julai, 1984 berapa jumlah perbelanjaan yang digunakan oleh Jabatan-jabatan atau agensi-agensi Kerajaan bagi mendapatkan khidmat perunding asing bagi menggunakan sistem komputer di negara ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa pihak Universiti Teknologi Malaysia telah menubuhkan sebuah Institut Sains Komputer pada 28hb Jun, 1984 dan Institut tersebut mempunyai taraf sebuah Fakulti seperti Institut Pengajian Lanjutan Universiti Malaya.

Di antara kemudahan-kemudahan penggunaan komputer yang terdapat di Institut Sains Komputer ialah menjalankan aktiviti perundingan dalam penggunaan komputer. Penubuhan dan penggunaan perkhidmatan perundingan Institut ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan pakar runding tempatan bagi menjimatkan perbelanjaan negara dan juga untuk meningkatkan taraf kepakaran pakar runding-pakar runding tempatan itu. Malah sebelum Institut ini ditubuhkan, perkhidmatan perunding komputer telah pun diberi oleh Universiti Teknologi Malaysia kepada beberapa agensi Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri seperti Jabatan Pendaftaran, Kementerian Pelajaran, KETENGAH, DARA dan lain-lain.

Sehingga Julai 1984, terdapat 3 Jabatan dan 5 Badan Berkanun Kerajaan yang telah menggunakan khidmat perunding asing untuk pembangunan sistem komputer di negara ini dan jumlah perbelanjaan mereka ialah kira-kira \$3.75 juta. Perkhidmatan yang diberi oleh perunding asing ini merangkumi aspek-aspek perkakasan dan isian

komputer serta merangka, membentuk dan melaksanakan sistem-sistem komputer, kajian kemungkinan komputer, penilaian teknikal komputer dan penggunaan masa komputer.

Dengan bertambahnya bilangan pakar runding-pakar runding tempatan di bidang itu, adalah dijangka bahawa penggunaan pakar runding luar negeri akan dapat dikurangkan di masa akan datang.

KONSEP ZON BEBAS DARI SENJATA NUKLEAR

14. Datuk Dr Hee Tien Lai minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) konsep ASEAN mengenai Zon Bebas dari Senjata Nuklear (NWF2) di Asia Tenggara sebagaimana yang dibincangkan dalam mesyuarat pertama Jawatankuasa Tetap ASEAN di Kuala Lumpur baru-baru ini;
- (b) pendirian Malaysia masa kini mengenai perjanjian senjata nuklear tidak berjana ruas yang mula berkuatkuasa pada tahun 1970; dan
- (c) pandangan Malaysia terhadap lintasan kapal-kapal perang berkuasa nuklear yang membawa senjata-senjata nuklear melalui Selat Melaka.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a) Konsep Zon Bebas dari Senjata-senjata Nuklear di Asia Tenggara yang telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap ASEAN di Kuala Lumpur pada 9hb September, 1984 sebenarnya bukanlah satu perkara yang baru kerana ianya terangkum di dalam konsep Zon Bebas, Aman dan Berkecuali (ZOPFAN) bagi Asia Tenggara itu sendiri.

Konsep ZOPFAN ini telah diisytiharkan oleh negara-negara ASEAN di Kuala Lumpur dalam tahun 1971. Oleh kerana ZOPFAN bertujuan untuk menjadikan rantau Asia Tenggara sebagai satu kawasan berkecuali dan bebas dari persaingan kuasa-kuasa besar, maka adalah lojik yang rantau ini juga turut dijadikan satu kawasan yang bebas dari senjata-senjata nuklear bagi kepentingan keselamatan dan kesejahteraan penduduk-penduduknya.

Menteri-menteri Luar ASEAN dalam mesyuaratnya di Jakarta dalam bulan Julai tahun ini telah membaharui keazaman mereka untuk meneruskan segala usaha-usaha yang mungkin ke arah menjadikan ZOPFAN di Asia Tenggara ini satu kenyataan. Untuk mencapai matlamat ini, mereka bersetuju bahawa kajian yang lebih mendalam dibuat terhadap berbagai aspek dan unsur-unsur ZOPFAN termasuk juga konsep zon bebas dari senjata-senjata nuklear bagi Asia Tenggara itu. Kajian-kajian ini akan menimbangakan semua cara-cara memajukan lagi konsep ZOPFAN dalam konteks keadaan di Asia Tenggara sekarang, terutama sekali kajian-kajian termasuk akan menghalusi lagi idea menjadikan Asia Tenggara ini satu zon bebas dari senjata-senjata nuklear dan ke arah ini pula menggubalkan satu landasan prinsip-prinsip yang akan ditandatangani di dalam konsep tersebut.

(b) Perjanjian yang melarang dari proliferasinya senjata-senjata nuklear atau yang digelar "Treaty on the non-proliferation of nuclear weapons" telah ditandatangani pada 1hb Julai, 1968 dan telah mula berkuatkuasa pada 5hb Mac, 1970. Malaysia adalah di antara 120 negara-negara yang telah menandatangani perjanjian NPT ini sebagai satu perjanjian yang berfaedah yang boleh menyekat pengluasan senjata-senjata nuklear.

Oleh yang demikian, kita telah mengambil kesempatan semasa persidangan-persidangan antarabangsa yang berkenaan untuk menggesa negara-negara yang belum lagi menandatangani perjanjian ini untuk berbuat demikian dan supaya peruntukan-peruntukan dalam perjanjian tersebut dipatuhi dengan rapi oleh semua negara demi untuk menjamin keselamatan dunia dari tercetusnya peperangan dan nuklear.

(c) Sebagaimana yang kita sedia maklum Selat Melaka telah digunakan oleh masyarakat antarabangsa sebagai jalan laut untuk melintasi Lautan Hindi ke Lautan China Selatan dan sebaliknya. Selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa yang diamalkan sekarang, kita mengiktiraf hak laluan ikhlas (right of innocent passage) melalui Selat Melaka bagi semua negara. Kapal-kapal yang melintasi Selat Melaka yang tidak melakukan tindakan yang boleh memudaratkan keamanan, kesejahteraan dan keselamatan negara kita, mempunyai hak laluan yang ikhlas. Oleh yang demikian, semua kapal termasuk kapal-kapal berkuasa nuklear dan kapal-kapal perang yang membawa senjata nuklear boleh menggunakan Selat Melaka untuk laluan ikhlas dengan syarat laluan tersebut tidak memudaratkan keamanan, kesejahteraan dan keselamatan negara kita.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria:
 Dalam jawapan Timbalan Menteri sebentar tadi, ada menyebutkan bahawa kerjasama dengan perundingan mesyuarat Menteri-menteri Negara ASEAN telah diwujudkan. Saya ingin tahu sejauh manakah setakat ini negara-negara ASEAN itu mematuhi ataupun betul-betul berkehendakkan supaya kawasan kita ini bebas dan selamat. Adakah benar, saya kurang pasti bahawa negara Singapura sendiri ada mempunyai senjata nuklear seperti

meriam, peluru berpandu yang diletakkan menghala ke Tambak Johor atau menghala ke Malaysia.

Yang kedua

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa untuk menyampaikan soalan sudah cukup. Saya benarkan jawapan sekarang.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memang usaha-usaha keenam buah negara ASEAN untuk memajukan segala persetujuan-persetujuan kita itu dijalankan sepanjang masa malah pada hari ini pun memang kita sedang mengadakan satu mesyuarat Pegawai-pegawai di peringkat tinggi di Wisma Putra, iaitu Pegawai-pegawai peringkat tinggi negara-negara ASEAN untuk mencari jalan untuk mempercepatkan segala persetujuan yang telah pun dicapai. Mengenai sama ada Singapura mempunyai senjata-senjata nuklear, saya difahamkan setakat yang saya tahu, tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 12, 15 dan 16 adalah diberi di bawah ini).

KAMPUCHEA—MENYELIA PERDAMAIAN

2. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Luar menyatakan apakah Malaysia dan Negara ASEAN lain bersetuju dengan cadangan Hanoi untuk mewujudkan satu Badan Berkecuali Menjaga Keamanan di Kampuchea (Creation of A Neutral International Peace Keeping in Kampuchea) yang dianggapkan bukan satu perkara baharu. Apakah perbincangan yang diadakan atau akan diadakan itu di

New York, akan mencapai hasil yang baik bagi keamanan di negara tersebut.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Untuk makluman, akhbar-akhbar tempatan telah melaporkan beberapa kenyataan yang dibuat oleh Menteri Luar Vietnam Encik Nguyen Co Thach berkaitan dengan soal Kampuchea baru-baru ini terutamanya sekali di saat-saat sebelum Persidangan Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu yang 39 dimulakan. Di antara kenyataan-kenyataan yang dilaporkan itu termasuklah cadangan mengenai satu kumpulan negara-negara berkecuali menyelia perdamaian di Kampuchea. Cadangan ini serta cadangan-cadangan yang lain yang dilaporkan itu bukanlah merupakan perkara-perkara yang baru. Mengenai cadangan penyeliaan keamanan di Kampuchea, pihak ASEAN sendiri terlebih dahulu telah menyarankan satu langkah yang praktikal iaitu supaya satu pasukan pengamanan antarabangsa ditubuhkan untuk menyelia keamanan di Kampuchea, menyelia pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea dan juga menyelia pilihanraya bebas di Kampuchea supaya dapat ditubuhkan sebuah Kerajaan dan negara yang bebas dan merdeka.

Dalam pertemuan Menteri Luar kita dengan Encik Co Thach di New York baru-baru ini, kita telah meminta beberapa penjelasan dari beliau mengenai cadangan-cadangan Vietnam yang dilaporkan itu dan dari apa yang telah dijelaskan oleh Encik Co Thach, adalah didapati pihak Vietnam mempunyai pandangan-pandangan yang amat berbeza dari ASEAN mengenai beberapa perkara di atas soal Kampuchea termasuklah cadangan penyeliaan damai di Kampuchea. Pendirian Vietnam pada hemat saya, nampaknya tidak berganjak daripada yang dahulu.

Banyak lagi perlu diberi penjelasan oleh Vietnam. Encik Co Thach menggunakan istilah-istilah yang sama diutarakan oleh ASEAN seperti pengunduran askar-askar Vietnam dari Kampuchea, pilihanrayanya, penentuan sendiri (self-determination), perdamaian negara (national reconciliation) dan Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa tetapi malangnya Encik Co Thach mempunyai interpretasi konsep-konsep ini yang berlainan daripada takrif dan makna yang difikirkan oleh ASEAN dan yang diiktiraf dan digunakan oleh masyarakat antarabangsa.

Walau bagaimanapun, kita dan ASEAN akan terus membuka pintu untuk rundingan-rundingan lanjut dengan Vietnam agar pandangan-pandangan Vietnam mengenai soal Kampuchea dapat diselaraskan dengan pandangan-pandangan ASEAN supaya satu penyelesaian politik ke atas soal Kampuchea ini dapat dicapai secara aman dan damai.

MEMBELI BARANG BUATAN MALAYSIA

12. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan yang dianjurkan oleh Kementerian supaya penduduk tempatan membeli barang-barang buatan Malaysia.

Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah: Soalan ini telah saya jawab di Dewan yang mulia ini semasa menjawab pertanyaan daripada Y.B. Encik Lee Lam Thye dari kawasan Kuala Lumpur pada 12 Oktober 1984 kerana soalan ini mempunyai pokok persoalan yang serupa.

SERANGAN RAKYAT THAI TERHADAP PEGAWAI PENCEGAH PENYELUDUPAN

15. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah Kerajaan telah mengambil tindakan untuk merujuk kepada pihak berkuasa Thai kejadian yang berlaku baru-baru ini di mana beberapa orang Thai yang telah masuk Padang Besar tanpa permit telah menyerang seorang Pegawai Imigresen dari Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) kita; jika ya, apakah hasil tindakan itu.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kejadian yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah berlaku di Padang Besar pada 28hb Ogos 1984, di mana beberapa orang rakyat Thai telah masuk secara haram ke Padang Besar dan memukul seorang pegawai Unit Pencegah Penyeludupan yang cuba hendak menangkap mereka. Mereka kemudiannya telah melarikan diri masuk ke kawasan Thailand.

Kejadian itu adalah dianggap sebagai suatu kejadian jenayah biasa, dari itu Kerajaan telah tidak merujukkannya kepada Kerajaan Thailand. Sungguh pun begitu di peringkat daerah, pihak polis Padang Besar telah pun memaklumkan perkara itu kepada pihak polis Thai di Pekan Siam serta meminta mereka mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap penyerang-penyerang tersebut. Pihak polis Thai telah berjanji untuk memberikan kerjasamanya.

Sementara itu rondaan-rondaan serta kawalan-kawalan yang lebih ketat dan teliti sedang dijalankan di kawasan lalulintas sempadan di sebelah Malaysia dengan tujuan untuk mencegah sebarang percubaan penyeludupan dan lain-lain kejadian yang tidak diinginkan.

BIASISWA PELAJARAN TINGGI

16. Dato' Dr Hee Tien Lai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) jumlah bilangan badan-badan yang masa kini memberi biasiswa untuk pelajaran tinggi di seberang laut dan jumlah yang dikeluarkan setiap tahun.
- (ii) (a) sama ada beliau sedar bantuan untuk pelajaran tinggi di seberang laut bagi keluarga yang berpendapatan kurang daripada \$300 sebulan—lebih kurang separuh daripada negara ini—hanya 12.3% iaitu anak-anak keluarga yang boleh dikatakan dari golongan kaya sedang menerima jumlah yang besar daripada biasiswa-basiswa itu sedangkan mereka yang tidak mempunyai wang nampaknya dinafikan peluang-peluang ini.
- (b) sama ada beliau sedar bahawa sistem kita memberi hadiah biasiswa untuk belajar di seberang laut adalah menghadapi beberapa masalah seperti penghasilan yang lebih hasil tidak setanding dengan keperluan, pemberian biasiswa yang bertindih, penuntut-penuntut yang keras kepala dan lain-lain lagi; jika sedar apakah garis panduan kelayakan mendapat hadiah-hadiah biasiswa ini,
- (iii) Sudahkah sampai masanya suatu dasar penunjuk kebangsaan mengenai pengeluaran biasiswa ini digubal. Jika tidak, kenapa?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:

- (i) Pada masa ini lebih daripada 30 badan-badan Kerajaan dan separuh Kerajaan yang memberi

biasiswa untuk pelajaran tinggi di seberang laut. Selain daripada itu terdapat juga beberapa badan swasta yang menghadihkan biasiswa untuk pelajaran tinggi di seberang laut. Jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh badan-badan Kerajaan dan separuh Kerajaan kepada pelajar-pelajar yang dihantar ke seberang laut untuk tahun 1980 ialah \$95.31 juta, tahun 1981 ialah \$178.935 juta tahun 1982 sebanyak \$265.36 juta.

- (ii) (a) Sebagai makluman Yang Berhormat, adalah tidak tepat kalau dikatakan bahawa sebahagian besar daripada pelajar-pelajar yang mendapat faedah biasiswa ini adalah dari golongan yang kaya. Pemberian biasiswa adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria tertentu yang merangkumi latarbelakang kedudukan ekonomi, prestasi pelajaran, kegiatan-kegiatan ko-kurikular dan lain-lain kriteria. Pelajar-pelajar yang memenuhi kriteria-kriteria ini, adalah dianugerahkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Bagaimanapun oleh kerana peruntukan biasiswa adalah terhad maka calon-calon yang berkelayakan terpaksa bersaing hebat untuk mendapat biasiswa ini.
- (b) Sepertimana yang dijelaskan tadi, kriteria-kriteria tersebut memang menjadi asas utama dalam pemberian sesuatu biasiswa oleh Kerajaan. Di samping itu, tingkah laku dan disiplin pelajar itu juga dinilai semasa temuduga. Ini adalah untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar yang benar-benar layak dari segi

akademik, perwatakan dan latarbelakang sosio-ekonomi dihadiahkan biasiswa.

Pemberian biasiswa juga dibuat berdasarkan perancangan tenaga manusia supaya sejajar dengan keperluan negara. Kementerian Pelajaran juga mempunyai sebuah Jawatankuasa Penyelaras untuk menentukan dasar pemberian biasiswa yang dijalankan oleh agensi-agensi lain dalam Kerajaan. Dengan ini soal pemberian biasiswa yang bertindih tidak timbul kerana perkara ini sentiasa diawasi dan diselaraskan oleh Jawatankuasa tersebut.

- (iii) Kerajaan pada masa ini memang sudah menggubal satu dasar penunjuk kebangsaan berhubung dengan pemberian biasiswa dan ianya kini sedang dikaji oleh badan-badan penganjur Kerajaan yang terlibat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah diluluskan dan perbahasan mengenai peruntukan Kementerian Kebajikan Masyarakat dimulakan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah diluluskan dan perbahasan mengenai peruntukan Kementerian Kebajikan Masyarakat dimulakan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan Anggaran Pembangunan, 1985 dalam Jawatankuasa sesebuah-buah Majlis" (Hari Keempatbelas).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 51, B. 52, B. 53, B. 54, B. 55 dan B. 56 (Jadual)—

Maksud P. 51, P. 52, P. 53, P. 54, P. 55 dan P. 56 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 51, B. 52, B. 53, B. 54, B. 55 dan B. 56 dan P. 51, P. 52, P. 53, P. 54, P. 55 dan P. 56 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka semula untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tampin.

3.37 ptg.

Tuan Omar bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat dari Matang kerana dalam ucapan beliau semalam walaupun beliau telah membidas pentadbiran Keretapi Tanah Melayu, tetapi dari segi maksudnya, sebenarnya beliau inginkan supaya pentadbiran ini diberi perhatian yang lebih demi kemajuan sistem pengangkutan negara. Walau bagaimanapun, saya tidak akan menumpukan kepada hal-hal pentadbiran keretapi ini oleh kerana saya bercadang untuk memperbincangkan mengenai perkara B. 51, Butiran 2.3, muka surat 244, iaitu mengenai Perancang dan Pembangunan Pengangkutan Darat.

Tuan Pengerusi, nampaknya pada tahun ini peruntukan telah ditambah kepada \$581,000 berbanding dengan \$238,000 pada tahun 1984. Saya mengalu-alukan tambahan peruntukan ini kerana negara memerlukan satu perancangan dan cara pembangunan sistem pengangkutan darat yang lebih baik.

Pada tahun yang lalu apabila menggulung perbincangan mengenai peruntukan Kementerian Pengangkutan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan pada

ketika itu ada menegaskan bahawa Dasar Pengangkutan Negara sedang dalam proses penyediaannya. Oleh kerana sehingga hari ini dasar tersebut masih belum lagi diumumkan, saya mengambil kesempatan ini untuk membuat beberapa cadangan untuk pertimbangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya dari segi dasar diwujudkan satu imbangan antara sistem pengangkutan jalan dan sistem pengangkutan rel. Imbangan ini ialah dari segi peranan, dari segi sumbangan kedua sistem kepada pembangunan ekonomi negara dan juga imbangan dari segi agihan pasaran (market share) dan yang lebih penting ialah imbangan sikap Kementerian sendiri dan pelaburan Kerajaan dan kos sebenar yang ditanggung oleh rakyat sebagai pembayar cukai bagi pembangunan kedua-dua sistem tersebut.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan perkara ini kerana pada hemat saya dan pada keyakinan saya sejak kita mencapai kemerdekaan, imbangan ini tidak pernah wujud. Kerajaan terlalu memberi kelebihan dalam kebanyakan aspek kepada sistem pengangkutan jalan raya dan tidak memberi perhatian yang sepatutnya kepada sistem pengangkutan rel sehingga dalam usianya satu abad sistem rel negara atau khususnya Keretapi Tanah Melayu adalah dalam keadaan yang teruk.

Tuan Pengerusi, keadaan teruk ini adalah dari segi mutu perkhidmatannya kepada orang ramai dan yang lebih teruk lagi ialah dari segi keupayaan Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu sendiri beroperasi bagi memenuhi kemahuan sebenar orang ramai dan rakyat keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju kepada usaha Kerajaan untuk mewujudkan satu rangkaian jalan raya

dan lebuhraya negara yang baik. Yang saya kurang bersetuju ialah usaha Kerajaan yang kurang untuk membaiki dan mempermodenkan, bukan mewujudkan sistem Keretapi yang telah sedia diwujudkan oleh Kerajaan penjajah British dahulu. Saya ingin mengemukakan beberapa perangkaan untuk membuktikan perkara yang saya sebutkan tadi.

Yang pertama, Tuan Pengerusi, perangkaan mengenai perbandingan pelaburan Kerajaan kepada kedua-dua sistem ini. Umpamanya di antara tahun 1976 hingga 1980 sistem jalan raya telah diperuntukkan lebih daripada \$1,299 juta sedangkan pelaburan Kerajaan kepada sistem pengangkutan rel cuma \$83.39 juta. Dan dari segi anggaran tahun 1981-1985 bagi sistem jalan raya Kerajaan telah memperuntukkan \$2,174.66 juta sedangkan pelaburan yang diperuntukkan kepada sistem rel cuma \$254.651 juta sahaja. Pada tahun 1984, Tuan Pengerusi, Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telah memohon peruntukan pembangunan sebanuak \$155.86 juta yang diluluskan cuma \$60 juta lebih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, perangkaan perbandingan bagi tahun 1973 hingga 1982 menunjukkan bahawa panjang landasan perjalanan (route kilometer) Keretapi Tanah Melayu merosot sebanyak 0.7%. Jumlah daya tarik lokomotif atau kepala keretapi itu Tuan Pengerusi, juga menurun sebanyak 32.9%. Jumlah gerabak bertambah kurang sebanyak 12% dan jumlah stesen keretapi berkurangan juga sebanyak 8.7%.

Sementara perangkaan perbandingan di antara 1971 hingga 1980 bagi jalan raya, Tuan Pengerusi, seperti berikut:

<i>Jalan raya</i>	<i>Pertambahan</i>
Jalan Persekutuan	30.6%
Jalan-jalan Negeri	34.8%
Jalan-jalan tempatan	105.2%

Sementara jumlah permit-permit lori pula yang dikeluarkan, Tuan Pengerusi, bagi permit A, B dan C bertambah seperti berikut:

	1973	1983
Lori	49,800	83,700
Lori-lori kecil dan van	72,200	180,900

Tuan Pengerusi, jelas sekali terdapat ketidak seimbangan seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, yang kedua ialah perangkaan mengenai market share ataupun agihan pasaran antara kedua-dua sistem ini. Untuk menjelaskan ketidak seimbangan, saya minta izin untuk merujuk kepada beberapa perangkaan. Pada tahun-tahun 1972 dan 1982 purata pertumbuhan GDP Semenanjung Malaysia, dengan izin, Tuan Pengerusi, ialah lebih kurang 7%. Tetapi dalam keadaan pertumbuhan ini peratus tonnage barangan yang dibawa oleh Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu atau sistem pengangkutan rel negara jatuh kepada paras perangkaan purata sebanyak 0.67%. Sementara sektor pengangkutan jalan raya mengalami kadar pertumbuhan purata 6.6%. Berat barangan paling tinggi yang dicapai oleh Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu ialah lebih kurang 4.19 juta tan pada tahun 1979. Angka ini cuma merupakan 2.5% dari jumlah 165 juta yang dibawa oleh lori-lori di negara kita ini.

Angka tonnage Keretapi Tanah Melayu atau sistem rel kita terus menurun kepada 16% pada tahun 1980 kepada paras purata 6% pada tahun 1981 dan 4.4% pada tahun 1982. Dan perangkaan ini dapat dilihat jelas ketidak seimbangannya jika kita meneliti dari segi share atau market share Keretapi Tanah Melayu atau sistem rel negara kita dalam pengangkutan komoditi-komoditi utama negara kita.

Misalnya bagi komoditi simen pada tahun 1973—49.38% dibawa oleh Keretapi Tanah Melayu. Pada tahun 1982 menurun kepada 25%.

Beras umpamanya daripada 12.96% pada tahun 1973 menurun kepada 6.28%.

Barang-barang petroleum umpamanya pada tahun 1973—77.4% menurun kepada 16.54%.

Bagi kelapa sawit pada tahun 1973 Keretapi Tanah Melayu membawa lebih kurang 8.39% daripada jumlah pasaran dan menurun kepada 2.15% pada tahun 1982.

Tuan Pengerusi, jelas sekali perbezaan ketidak seimbangan dari segi agihan pasaran.

Tuan Pengerusi, pelaburan Kerajaan di segi perbandingan yang diikuti ini kepada sistem jalan raya sebenarnya boleh ditafsirkan sebagai berikut:

- (1) Kerajaan memberi subsidi yang agak besar kepada syarikat-syarikat lori, bas, teksi dan sebagainya dan juga kepada pengguna jalan raya amnya kerana mereka tidak membiayai pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya.
- (2) Oleh kerana sumber wang Kerajaan adalah daripada rakyat atau pembayar cukai maka kos sebenarnya ialah kepada rakyat sendiri. Jadi begitu jugalah halnya kepada pelaburan dan subsidi Kerajaan yang diberikan kepada Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu.

Tuan Pengerusi, saya menyebut perkara ini untuk menerangkan dan menjelaskan bahawa dari segi ini juga wujud ketidak seimbangan.

Tuan Pengerusi, kedua-dua sistem menerima bantuan daripada Kerajaan, sama ada dalam bentuk grant, pinjaman atau subsidi langsung atau tidak langsung. Bagi sistem jalan raya selain daripada pembinaan jalan tradisi oleh JKR, umpamanya Kerajaan juga telah menubuhkan Lembaga Lebuhraya Malaysia yang membina lebuhraya tol yang dibiayai sama ada melalui grant, pinjaman atau subsidi Kerajaan ataupun daripada jaminan untuk meminjam daripada sumber-sumber luar negeri atas jaminan Kerajaan Pusat.

Pada permulaan Rancangan Malaysia Keempat, Lembaga Lebuhraya Malaysia telah diperuntukkan melalui belanjawan peruntukan grant permulaan sebanyak \$125.4 juta dan pinjaman sebanyak \$349.5 juta.

Di dalam nilai ringgit pada tahun 1983, Lembaga Lebuhraya Malaysia akan melabur sebanyak lebih kurang \$3.5 billion untuk lebuhraya Utara/Selatan yang akan dibiayai melalui kombinasi grant-grant pinjaman kerajaan dan pinjaman luar negeri yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan.

Sementara dalam Rancangan Malaysia Keempat, Keretapi Tanah Melayu telah diperuntukkan melalui belanjawan lebih kurang \$73 juta grant dan \$412.6 juta pinjaman. Peruntukan Keretapi Tanah Melayu ini merupakan anggaran yang dipinda dalam Kajian Separuh Penggal. Sementara Lembaga Lebuhraya Malaysia, Tuan Pengerusi, sedang meneruskan pembinaan lebuhraya yang memakan belanja purata \$800 juta setahun.

Tuan Pengerusi, saya baru menyebut tentang peruntukan Lembaga Lebuhraya Malaysia dan izinkan saya pula menyebut tentang peruntukan kepada JKR untuk jalan

raya tidak bertol. Estimate 1981-1984 memperuntukkan peruntukan sebanyak \$1,492.268 juta kepada JKR untuk urusan pembinaan jalan raya termasuk \$306.5 juta untuk maksud penyelenggaraan dan memperbaiki jalan-jalan raya. Sementara itu Lembaga Lebuhraya Malaysia diperuntukkan \$5 juta untuk penyelenggaraan, tidak termasuk \$70 juta yang telah pun digunakan untuk memperbaiki Lembaga Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, saya telah menyebut tentang angka-angka yang diperuntukkan untuk memperbaiki jalan raya-jalan raya, dan saya ingin menggiatkan dengan kenyataan demi kenyataan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya mengenai kerosakan jalan raya dan lebuhraya akibat oleh lori-lori yang merosakkannya. Ini adalah kerana kebanyakan daripada lori-lori ini melebihi muatan yang dibenarkan, walaupun terdapat pihak-pihak yang menafikan perkara ini, tetapi kenyataan membuktikannya.

Satu kajian Kuala Lumpur/Karak absolute survey yang dijalankan pada tahun 1978 menunjukkan bahawa dengan izin, frequency of overloading bagi komoditi-komoditi seperti berikut:

<i>Komoditi</i>	<i>Frequency</i>
Baja	78.9%
Simen	87.5%
Bahan binaan	86.6%
Minyak sawit	87.5%
Getah	72.7%

Lori-lori barang berat ini merosakkan jalan-jalan dan lebuhraya-lebuhraya kita yang menjadikan perbelanjaan awam meningkat. Yang demikian kita sebenarnya memberikan subsidi awam kepada syarikat-syarikat pengangkutan lori-lori kita.

Selain daripada subsidi tidak nyata ini, Kerajaan juga telah memberikan subsidi diesel kepada lori-lori sehinggalah ianya ditarik semula baru-baru ini. Sementara itu saya juga mengakui bahawa lori-lori kita juga memberikan pendapatan kepada negara dalam bentuk berbagai-bagai cukai, tetapi satu kajian yang telah dibuat oleh pakar perunding

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan Yang Berhormat ada 5 minit lagi untuk menyampaikan ucapan.

Tuan Omar bin Abdullah: Saya minta tambah 5 minit lagi, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Tuan Omar bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya telah menyebut tadi bahawa satu kajian yang dilakukan oleh pakar perunding yang membuktikan bahawa setelah kita mengambil kira semua faktor-faktor Kerajaan, sebenarnya masih lagi memberikan subsidi lebih kurang \$39.3 juta kepada sistem pengangkutan lori kita. Yang demikian, untuk mengurangkan subsidi yang tidak perlu ini dan kos-kos pembaikan jalan, dan untuk mengimbangi market share, saya suka mencadangkan Kementerian Pengangkutan merumuskan satu dasar yang termaktub dalam Dasar Pengangkutan Negara supaya barang-barang berat yang merosakkan jalan raya-jalan raya kita, membahayakan pengguna-pengguna jalan raya yang lain, barang-barang seperti getah, baja, petroleum, gas, balak, papan dan sebagainya diserahkan kepada sistem pengangkutan rel.

Satu perkara lagi Tuan Pengerusi, saya suka mencadangkan supaya di tiap-tiap Plaza Tol diperuntukkan dua laluan khas untuk lori-lori dan laluan-laluan ini hendaklah dibekalkan dengan alat timbang komputer bagi

maksud mengesan lebih muatan. Peruntukan undang-undang hendaklah juga dibuat bagi membolehkan pegawai-pegawai JPJ mengenakan kompaun serta-merta tanpa perlu dibawa ke mahkamah bagi lori-lori yang terbukti melebihi muatan, bagi jalan-jalan yang tidak bertol, peraturan lain perlulah dibuat untuk maksud yang sama.

Tuan Pengerusi, pengusaha-pengusaha lori tidak perlu bimbang atas usaha ini malah patut mengalu-alukannya. Kegiatan melebihi muatan ialah kerana persaingan yang hebat, yang menyebabkan tambang lori menjadi rendah dan tidak menguntungkan.

Dalam Dasar Pengangkutan Negara Kementerian perlulah memikirkan kadar tambang negara yang munasabah supaya pengusaha-pengusaha lori mendapat keuntungan yang sepatutnya dan tidak perlu lagi melebihi muatan (overload) lori masing-masing.

Tuan Pengerusi, saya telah menyebut tentang perangkaan yang menunjukkan keupayaan terbatas sistem pengangkutan rel kita tadi. Dan sekarang izinkan saya menjelaskan kenapakah keadaan itu berlaku? Saya telah menegaskan dan membuktikan dengan perangkaan bahawa pelaburan Kerajaan untuk mempermodernkan sistem pengangkutan rel kita adalah amat terhad. Peruntukan \$79 juta yang diperuntukkan melalui belanjawan untuk tahun 1985 adalah satu peruntukan yang tidak mencukupi. Jadi, kita patutlah menambahkan lagi peruntukan pembangunan untuk pentadbiran Keretapi Tanah Melayu supaya sistem pengangkutan rel ini merupakan satu pilihan yang terbuka, yang setaraf mutu khidmatnya jika dibandingkan dengan sistem pengangkutan jalan raya.

Tadi saya telah menyebut bahawa tugas kita sebagai pewaris kemerdekaan bukanlah untuk mewujudkan sistem keretapi, tetapi untuk mempermodernkan apa yang telah diberikan kepada kita oleh penjajah kita dahulu dan saya sangat berterima kasih kepada Kementerian, kepada Kerajaan kerana telah menjalankan satu kajian dan telah meminta pihak JKR menjalankan satu kajian untuk mempermodernkan Sistem Pengangkutan Rel Negara. Tetapi saya ingin menyebut sedikit tentang perkara ini kerana cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak JKR itu mungkin tidak dapat kita laksanakan memandangkan penglibatan kewangannya begitu tinggi lebihkurang \$11 billion lebih, dan memandangkan keadaan ekonomi negara yang tidak mengizinkan sekarang jika kita memberi ketumpuan kepada kajian oleh pihak Jepun ini, maka impian itu ataupun cadangan itu akan menjadi satu impian semata-mata. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan atau khususnya Kementerian Pengangkutan menjalankan satu kajian yang lebih terperinci supaya apa yang ada sekarang ini dijadikan asas untuk maksud pembangunan jangka panjang dan pembangunan jangka pendek, pentadbiran Keretapi Tanah Melayu yang ada sekarang.

Perlu juga kita mengingatkan bahawa bagi mewujudkan satu sistem perkeretapian yang moden dengan sekali gus, perkara ini mustahil kita lakukan, sebarang perancangan pembangunan keretapi haruslah dibuat secara berperingkat-peringkat berdasarkan apa yang ada sekarang ini, seperti telah saya sebutkan tadi, pihak Keretapi Tanah Melayu juga perlulah memperbaiki sistem yang ada sekarang ini supaya sistem yang ada sekarang ini boleh dijadikan asas untuk mewujudkan satu sistem yang lebih baik lagi.

Pihak Keretapi Tanah Melayu umpamanya tidak perlu menumpukan kepada rancangan untuk mewujudkan satu sistem keretapi elektrik bertolak standard (standard gauge) dalam masa dua dekad ini kerana apa yang perlu dicadangkan oleh Keretapi Tanah Melayu sebenarnya ialah perwujudan rangkaian landasan metergauge yang ada sekarang ini secara berkembar, kemudian peringkat demi peringkat mewujudkan standard gauge track, dengan pengwujudan apa yang disebut oleh orang-orang keretapi sebagai rel ketiga. Ini adalah sebenarnya yang dilakukan oleh banyak negara di dunia ini dan program electrification umpamanya pun harus juga kita timbang dengan terperinci kerana pelaburan untuk mewujudkan electrification ini memakan belanja yang banyak. Dan Kerajaan perlulah juga membuat keputusan ke arah perkara ini mulai dekad ini, kalau boleh mulai tahun ini kerana perkhidmatan keretapi yang moden, laju, selamat dan selesa adalah kehendak sebahagian besar daripada rakyat kita. Perkara ini telah terbukti di Dewan yang mulia ini di mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili rakyat kita di negara ini telah menyuarakan banyak kali dan rungutan-rungutan melalui mass-media mengenai service ataupun tahap perkhidmatan keretapi yang ada sekarang juga menunjukkan bahawa rakyat sebenarnya memerlukan satu sistem perkhidmatan rel yang baik, selaras dengan kemajuan teknologi keretapi yang ada di dunia ini.

Tuan Pengerusi, jikalau KTM dapat memainkan peranan yang saya sebutkan tadi, maka dari segi sistem pengangkutan udara juga umpamanya pihak MAS sudah tentu akan dapat menumpukan kepada perkhidmatan yang lebih menguntungkan kerana adalah nyata bahawa perkhidmatan dalam negeri ataupun perkhidmatan laluan pendek-pendek dalam negeri tidak menguntungkan pihak MAS dan

jika pihak Keretapi Tanah Melayu dapat mewujudkan satu sistem pengangkutan penumpang yang pendek masanya, maka kos ini bolehlah ditanggung oleh sistem pengangkutan rel. Inilah yang saya sebut sebagai Integrated Transport System ataupun Inter-Module Transport System.

Tuan Pengerusi, izinkan saya 2-3 minit lagi untuk menggulung. Sebelum itu saya ingin mencadangkan supaya Dasar Pengangkutan Negara kita ini menggalakkan apa yang saya sebutkan tadi sebagai inter-module system atau integrated system selaras dengan kemajuan sistem pengangkutan dunia sekarang ini di mana kita tidak lagi menumpukan kepada sistem pengangkutan conventional, lori-lori conventional dan sebagainya.

Sistem pengangkutan terbaru di dunia sekarang ini menumpukan kepada sistem "inter model" dengan penggunaan kotak-kotak kontena. Perkara ini adalah perlu supaya kita dapat menyediakan sistem pengangkutan rel kita untuk memberi atau menawarkan pengangkutan "door to door service", dengan izin, kerana punca utama yang menyebabkan kehilangan "market share" sistem pengangkutan rel kita ialah ketidak

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, bila saya mengingatkan saya harap mendapat perhatian supaya tidaklah terkasar saya potong ucapan di tengah-tengah ayat. Jadi, masa sudah terlalu berlarutan, saya harap Yang Berhormat gulung kerana kalau saya tidak berbuat demikian menunjukkan kelemahan saya dan bila kelihatan kelemahan ketara, kemampuan saya mengawal perjalanan Dewan ini dipersoalkan. Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Omar bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan menggulung perbahasan saya sekarang ini.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ingin merayu kepada pihak Kementerian supaya dapat memikirkan cadangan-cadangan saya tadi dalam menentukan Dasar Pengangkutan Negara kita dan saya ingin menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.02 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di Jabatan Penerbangan Awam, B. 54, Butiran 1, Pembayaran kepada Penerbangan Awam untuk Projek-projek Pembangunan.

Saya suka hendak menarik perhatian kepada peruntukan yang diberi bagi pembangunan sebanyak \$48,000,700 yang ditunjukkan projeknya di Lampiran F dan peruntukan ini kalau kita bandingkan dengan peruntukan tahun 1984 adalah sekali ganda kurangnya daripada tahun 1985.

Saya tidak tahu sama ada ini pihak Kerajaan atau pihak Kementerian tidak begitu tertarik dengan pembangun kepada Penerbangan Awam. Penerbangan awam yang saya maksudkan ini di dalam menjalankan penerbangan awam diserahkan kepada Malaysian Airline System (MAS). Yang kita tahu pada akhir-akhir ini perkembangannya tidak begitu menggalakkan walaupun kita berharap satu masa MAS ini akan mengadakan penerbangannya hingga ke Amerika Syarikat. Tetapi apabila kita memandang kepada peruntukan pembangunan yang diberi ini adalah kemampuan MAS untuk melaksanakan penerbangan yang lebih luas, lebih jauh adalah masih

diragukan. Oleh itu, saya minta kepada pihak Kementerian atau pihak Kerajaan seharusnya memberi penambahan modal yang lebih kepada MAS ini supaya mereka itu dapat meneruskan projek pembangunannya dan juga projek pengembangannya hingga ke negara-negara lain, walaupun kita tahu terdapat ada di antara setengah-setengah negara tidak begitu menerima tambahan penerbangan yang hendak dilakukan oleh negara kita.

Misalnya, sebagaimana yang kita tahu bahawa permintaan MAS untuk menambahkan penerbangan ke London telah ditolak oleh British Airways ataupun Kerajaan British. Ini kalau kita bandingkan dengan sebuah pulau, seperti Pulau Singapura yang mengadakan 7 atau 8 kali ke London dibandingkan dengan negara kita yang lebih luas, yang lebih sesuai, yang lebih ramai penumpangnya hendak menambah 4 ke 5 atau 6 tidak dibenarkan. Ini seharusnya pihak Kerajaan kita mesti membuat sesuatu supaya penambahan ini dapat diteruskan dan kalau sekiranya keadaan ini tidak diteruskan, ada sesuatu yang tidak kena yang harus kita bereskan di dalam pihak Kerajaan kita dengan pihak Kerajaan British supaya perkara ini dapat diselesaikan.

Selain daripada penambahan modal yang saya maksudkan tadi, saya suka juga untuk menyentuh kemudahan-kemudahan yang diberi kepada kakitangan. Saya tidak mahu mempersoalkan kemudahan yang diberi itu secara yang sepatutnya, tetapi ada keadaannya digunakan dengan secara yang tidak sepatutnya. Kita tahu bahawa pemberian sebanyak 10% kepada pekerja-pekerja dan juga kepada keluarganya untuk melancong atau ke luar negeri dengan tiket bayaran 10% ini adalah baik, tetapi yang tidak baiknya disalahgunakan penggunaan 10% ini. Misalnya, kalau suaminya seorang profesional ataupun seorang akitek, maka tiket 10% ini

digunakan untuk menjalankan business, untuk menjalankan pekerjaannya. Kalau suaminya seorang lawyer, misal kita kata, menggunakan ini untuk menghadiri sesuatu perbicaraan di tempat-tempat lain dengan menggunakan kemudahan 10% yang diberi kepada kakitangan MAS. Inilah satu perkara yang boleh merugikan MAS di dalam melaksanakan perniagaannya sebagai satu badan yang tunggal untuk melaksanakan penerbangan awam. Perkara ini patut dibuat kajian dan saya tidak mahu menuduh mana-mana pihak, tetapi keadaan ini berlaku dan saya dapat mengetahui daripada sumber yang boleh dipercayai. Kalau keadaan ini diteruskan, kalaulah setakat 10 kali setahun tak apa lagi, tetapi kalau beratus-ratus kali setahun digunakan kemudahan 10% ini, sudah tentu tidak sepatutnya.

Keadaan ini boleh pihak MAS sendiri menyasiat dan melihat apakah kata-kata saya ini sebagai satu perkara yang tidak benar, tetapi ini adalah sumber yang saya terima yang boleh dipercayai perkara ini berlaku. Jadi, saya minta kepada pihak Jabatan Penerbangan Awam dan juga pihak MAS menentukan bahawa perkara-perkara menyalahgunakan kemudahan ini dapat dielakkan dan dapat meninggikan keuntungan yang berlipat ganda kepada MAS.

Jadi, itulah sahaja di dalam saya menyokong peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pengangkutan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Silam.

4.08 ptg.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (Silam): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan peruntukan Kementerian Pengangkutan, saya akan menyentuh berkenaan B. 53, Butiran 3—Pelampung-pelampung, Lampu-lampu Isyarat, Alat-alat

Membantu Pelayaran. Saya juga akan menyentuh B. 53, Butiran 6—Keselamatan dan Pemeriksaan Kapal-kapal.

Tuan Pengerusi, seperti kita semua sedia maklum Negeri Sabah adalah sebuah negeri yang pesat membangun, di samping pembangunan dalam beberapa bidang. Di sini saya ingin menekankan iaitu dari segi pembangunan perkapalan di Negeri Sabah yang begitu pesat, kapal-kapal besar, tanker-tanker seringkali datang ke Negeri Sabah ini. Dengan ini, saya percaya tugas-tugas Jabatan Laut, khususnya di Negeri Sabah kian mendesak dan tugas-tugas mengawal keselamatan pelayaran dan kawasan-kawasan pelabuhan Negeri Sabah hendaklah diambil perhatian oleh Jabatan Laut ini oleh kerana bahaya pelanggaran kapal-kapal di perairan Sabah walaupun belum pernah terjadi, akan tetapi ada kemungkinan oleh kerana kesibukan kapal-kapal yang belayar di perairan ini, satu pelanggaran kemungkinan akan berlaku. Oleh yang demikian, adalah wajar sekiranya Kementerian, khususnya Jabatan Laut ini berusaha untuk mengawal dan mengadakan alat-alat bantuan pelayaran yang sesuai dan selamat untuk membantu kapal-kapal yang belayar di perairan Negeri Sabah ini.

Saya percaya, Tuan Pengerusi, kelengkapan dan bantuan-bantuan pelayaran bagi menentukan keselamatan semua kapal di negeri Sabah ini adalah tidak memuaskan. Oleh itu, saya ingin membuat saranan kepada Kementerian agar membuat suatu kajian yang menyeluruh untuk menambah dan membina rumah-rumah api, lampu-lampu panjang, boya-boya di sekitar Perairan Negeri Sabah supaya keselamatan kapal-kapal yang belayar di perairan ini akan dapat kita adakan.

Pembinaan pancang-pancang baru di sekitar negeri Sabah juga hendaklah

dilakukan oleh kerana ada didapati kebanyakan pancang-pancang yang telah dibina oleh Jabatan Laut di negeri Sabah telah pun rosak dan seringkali mengancam keselamatan kapal-kapal yang belayar di negeri ini.

Tuan Pengerusi, memandangkan perkembangan kegiatan-kegiatan perkapalan ini sukaiah saya menyeru supaya satu perancangan yang teliti seperti disebutkan awal-awal tadi hendaklah diadakan apabila kita melaksanakan kuasa, dengan izin, Domestic Licensing Act dan Cabotage Act yang didapati pendaftaran kapal-kapal di Labuan dengan terlaksananya Akta-akta ini telah kian bertambah. Dengan ini sudah tentu tugas dan tanggungjawab Kementerian ini juga bertambah. Di samping ini ia hendaklah mengadakan kelengkapan alat-alat bantuan pelayaran dan meninggikan tarafnya ke taraf yang kita cita-citakan ataupun yang kita kehendaki bagi menentukan keselamatan semua kapal-kapal yang belayar di Perairan Negeri Sabah khususnya kita terpaksa mengadakan kawalan-kawalan kapal dengan ketat. Untuk melaksanakan ini, kita hendaklah menjamin keselamatan dan pelaksanaan dasar-dasar dan undang-undang yang kita kuatkuasakan.

Saya ingin menyeru Kementerian berkenaan supaya menentukan semua kapal-kapal dan lanci-lanci yang berdaftar di bawah Bendera Malaysia, pelesen-pelesen negeri dan pelesen-pelesen kapal kecil hendaklah mematuhi keperluan undang-undang yang kita kuatkuasakan di negeri ini khususnya juga di negeri Sabah. Pemeriksaan terhadap kapal-kapal ini untuk menentukan mereka adalah sea-worthy, dengan izin, hendaklah dilaksanakan oleh kerana didapati beberapa kapal-kapal yang belayar di Perairan Negeri Sabah didapati kapal-kapal ini tidak sea-worthy, dan tidak sesuai dan merbahaya untuk digunakan di perairan. Di masa lalu pemeriksaan kapal-kapal ataupun

pemeriksaan kepada keperluan-keperluan undang-undang yang kita kuatkuasakan terlalu terhad. Ia dihadkan kepada coastal dan local trade ship sahaja, dengan izin. Saya berharap dengan bertambahnya pendaftaran home trade vessels di Labuan maka pemeriksaan juga harus dilakukan ke atas kapal-kapal, tanker-tanker dan seterusnya pelantar-pelantar minyak dan struktur-struktur di laut di Perairan Malaysia khususnya di Sabah. Ia hendaklah juga diperiksa dari segi keselamatan. Dengap ini wajarlah Jabatan Laut ataupun Kementerian menambah bot-bot peronda untuk melaksanakan tugas yang saya sebutkan tadi.

Selain dari itu, Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh P. 53, Butiran 17, Worksyop dan Kelengkapan bagi Labuan dan Sandakan di muka surat 255.

Perkhidmatan yang diberikan oleh worksyop-worksyop Jabatan Laut di kedua-dua worksyop ini, di Labuan dan Sandakan amatlah penting terutama sekali bagi memberikan perkhidmatan dan penyelenggaraan kapal-kapal terutama sekali kapal-kapal Kerajaan, Polis dan Angkatan Laut kita yang sering kali terdapat apabila kapal-kapal ini dihantar ke worksyop-worksyop ini seringkali kelambatan dalam pembaikan kapal-kapal ini terjadi. Dalam memberikan kemudahan-kemudahan ini adalah wajar kedua-dua worksyop ini akan dilengkapi dengan alat-alat yang moden dan juga jurutera-jurutera yang ditugaskan di worksyop-worksyop ini hendaklah diberi latihan yang tinggi supaya kepakaran mereka akan bertambah dan tahap perkhidmatan mereka akan juga bertambah.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan bagi Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

4.16 ptg.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentuh dua Kepala iaitu B. 51, Butiran 22, Perancangan dan Pembangunan Pengangkutan Udara dan B. 54

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya hendak kemukakan permintaan kepada Yang Berhormat agar kalau boleh berucap dalam masa kurang daripada 20 minit supaya dapat diagih-agihkan masa. Saya lihat ramai Ahli-ahli Yang Berhormat sungguh minat untuk berucap dalam masalah yang di hadapan kita sekarang ini. Kalau boleh saya minta daripada Yang Berhormat mengambil masa 10 minit cukuplah.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Pengerusi, itupun sudah murah hati, saya ringkas-ringkas sahaja.

Yang kedua, B. 54, Butiran 1, Perkhidmatan Penerbangan Awam dan saya rasa ada empat perkara di sini, saya hendak sebut ringkas-ringkas betul, dua tiga minit atas satu perkara. Tuan Pengerusi, saya rangkumkan sekali.

Perkara yang pertama saya hendak minta pihak Kementerian supaya menambahkan penerbangan Pesawat Boeing daripada Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu.

Tuan Pengerusi, bila Lapangan Terbang Kuala Terengganu diperbesarkan untuk membolehkan penerbangan Pesawat Boeing, kami di Terengganu mengharapkan bahawa kami akan mendapat perkhidmatan Boeing ini dengan sebaik-baiknya dan sepenuh-penuhnya tetapi pada masa ini saya mendapati daripada 28 penerbangan yang dibuat daripada Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu, 25 penerbangan masih lagi menggunakan Pesawat Fokker dan

hanya tiga penerbangan sahaja seminggu yang dibuat melalui Boeing 737. Jadi saya fikir ini adalah satu perkara yang pokok iaitu kalaulah justifikasi terhadap pembesaran Lapangan Terbang Kuala Terengganu ini pada masa itu ialah untuk membolehkan penerbangan Boeing dibuat ke Kuala Terengganu tetapi setelah disiapkan, setelah perbelanjaan berpuluh-puluh juta dibelanjakan penerbangan dan matlamat ini tidak tercapai, saya pun merasa hairan dan saya memintalah supaya dapat pihak MAS melihat kepada perkara ini.

Saya mendapat tahu, Tuan Pengerusi, bahawa pihak Kerajaan Negeri Terengganu telah pun meminta pihak MAS dan telah mengadakan perundingan supaya perkara ini dapat dipenuhi kalaulah tidak sepenuhnya penerbangan MAS Boeing 737 ini dibuat ke Kuala Terengganu, saya berharap dapat ditimbangkan juga apalah salahnya kalau ditambahkan lagi menjadikan dua penerbangan Boeing pada satu hari iaitu sebelah pagi dan sebelah malam dan pada tengah hari itu diteruskan penerbangan Fokker. Itu satu perkara, Tuan Pengerusi.

Perkara yang kedua, saya hendak meminta juga supaya ditimbangkan supaya pihak MAS mengkaji iaitu untuk menyambung penerbangan yang dibuat daripada Singapura ke Kuantan sekarang ini ke Kuala Terengganu dan juga sehingga ke Kota Bharu.

Tuan Pengerusi, saya mendapati penerbangan ini adalah berupa penerbangan bagi tujuan perdagangan, penumpang-penumpang, peniaga-peniaga dan setengah-setengahnya daripada pelancong-pelancong. Jadi saya berharap kami di negeri Terengganu dan di Kelantan kalau boleh saya bercakap bagi pihak negeri Kelantan, berharap supaya kami dapat berkongsi

faedah daripada rancangan yang baik yang telah dimulakan oleh pihak MAS ini.

Saya percaya bahawa penerbangan ke Kuala Terengganu itu sendiri kalau disambungkan terus daripada Kuantan akan mendatangkan faedah memandangkan negeri Terengganu, dengan izin, merupakan sebuah negeri yang sedang pesat membangun dan banyak urusan-urusan perniagaan yang hendak dibuat dengan Singapura. Jadi kalau dapat penerbangan yang seperti ini, tidak payahlah kami daripada Terengganu tatkala hendak ke Singapura terpaksa datang ke Kuala Lumpur dan terus pula ke Singapura, memakan masa dan memakan belanja. Jadi kami cuba hendak mendapatkan satu alternatif yang lebih ekonomikal dan lebih segera.

Yang ketiganya, Tuan Pengerusi, saya hendak meminta juga supaya pihak Kementerian menimbangkan kembali dan kalau boleh menimbangkan dengan lebih serius lagi untuk mewujudkan pintu masuk iaitu "point of entry" di lapangan terbang di sebelah Pantai Timur, sungguhpun perkara ini telah dilihat dan dikaji pada suatu masa dahulu beberapa kali dan pihak yang berkenaan mendapati bahawa belum sampai masanya tetapi saya meyakini dan saya merasa bahawa banyak justifikasi-justifikasi kalau boleh perkara ini dilaksanakan.

Oleh kerana, Tuan Pengerusi, yang pertamanya saya berpendapat kalau kita mengadakan "point of entry" di sebelah Pantai Timur kami di sebelah Pantai Timur tatkala hendak ke negara-negara luar tidak payah lagi ke Kuala Lumpur bermalam, dan memakan belanja sebagaimana juga halnya tadi dan begitu juga bagi kami orang-orang di Pantai Timur kembali daripada seberang laut, misalnya daripada Timur Jauh tidak payah ke Kuala Lumpur bermalam dan

seterusnya baharulah dapat kembali ke Pantai Timur. Begitu juga saya mendapati bahawa ramai sebenarnya penumpang daripada Timur Jauh daripada Korea, daripada Jepun, daripada Thailand, daripada Hong Kong, daripada Taiwan sebenarnya mempunyai perniagaan di sebelah Pantai Timur, di Pahang, di Terengganu dan di Kelantan. Tetapi mereka ini sebelum dapat ke negeri-negeri tersebut terpaksa dahulu ke Kuala Lumpur dan terpaksa mengambil "connecting flight".

Di samping itu juga saya percaya bahawa kalau dibuat begitu boleh merapatkan lagi hubungan kami di sebelah Pantai Timur dengan Sabah dan Sarawak. Jadi itulah permintaan saya dan saya berharap supaya perkara ini dapat diberikan perhatian.

Perkara yang keempat dan seterusnya, Tuan Pengerusi, saya hendak mencadangkan supaya MAS dalam pertimbangannya untuk mengswastakan kegiatan-kegiatan menimbangkan kemungkinan penerbangan dalam negeri itu diswastakan seluruhnya bukan sebahagian-bahagiannya. Saya memberikan pandangan begini kerana saya mahu supaya MAS menumpukan perhatiannya dan "resources", dengan izin, Tuan Pengerusi, sumber-sumbernya, saya teringat Tuan Pengerusi menyebut sumber-sumbernya, yang terhad itu, kapal-kapal terbang dan sebagainya kepada penerbangan ke luar-luar negeri oleh kerana sebenarnya saya berpendapat kita sebenarnya banyak kehilangan penumpang dalam negara kita sendiri dan penumpang yang terbang melalui negara kita daripada negara-negara jiran yang kita hilang, yang kita tidak dapat dan hilang kepada syarikat-syarikat penerbangan luar. Ini merupakan satu potensi mungkin satu pasaran yang boleh menyokong mengembangkan pasaran dan perniagaan MAS itu sendiri dan mungkin dengan cara yang macam itu

kita dapat memastikan bahawa perniagaan dan hasil operasi perniagaan MAS akan menjadi lebih "viable" lagi.

Saya mengatakan demikian juga, Tuan Pengerusi, kerana berdasarkan kepada hakikat bahawa penerbangan, sebagaimana yang dikatakan oleh sahabat saya daripada Tampin tadi, dalam negeri kita yang singkat-singkat itu pada masa ini menjadi punca kerugian kepada MAS. Saya berpendapat ini adalah kerana disebabkan oleh "overhead" yang tinggi bagi penerbangan di dalam negeri. Oleh kerana itu saya berpendapat mungkin "alternative" dan cara yang baik bagi negara dan bagi penumpang itu sendiri ialah untuk MAS menimbangkan supaya penerbangan dalam negeri ini dapat diswastakan, diserahkan kepada syarikat-syarikat penerbangan dalam negeri. Saya mendapati, Tuan Pengerusi, memang sudah ada pun syarikat-syarikat penerbangan swasta dalam negara kita dan kalaulah mereka dapat dibantu, disokong, dipastikan dapat dikembangkan mungkin mereka bersedia dan boleh menjadi satu "alternative" yang baik untuk rakyat negara kita mendapat perkhidmatan penerbangan yang lebih baik.

Tuan Pengerusi: Bolehkah Yang Berhormat simpulkan sekarang perkara 1, 2, 3 dan 4 itu dengan lengkap?

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya hendak mengucapkan terima kasih, rasanya tidak payahlah saya simpulkan kerana perkara ini sudah terlalu jelas. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan tahniah kerana begitu bijak menggunakan masa. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.26 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya juga hendak menjimatkan masa Dewan ini dan saya hanya menumpukan perhatian saya terhadap satu perkara sahaja iaitu saya hendak bercakap di bawah Butiran 1 Pentadbiran Am, Kementerian Pengangkutan dan tajuk yang saya ingin membahaskan ialah mengenai permintaan Syarikat Sistem Penerbangan Malaysia untuk membuat penerbangan kelima ke London. Saya hendak membahaskan perkara ini oleh kerana saya berpendapat bahawa perkara ini ialah satu perkara yang penting yang menyentuh kepentingan nasional Malaysia.

Adalah satu perkara yang amat mendukacitakan bahawa perbincangan antara MAS dan pihak berkuasa Penerbangan Awam British yang telah berlangsung selama masa yang panjang dan sehingga ke hari ini gagal menghasilkan sesuatu penyelesaian. Perbincangan-perbincangan antara pegawai-pegawai Kementerian Pengangkutan kita termasuk Menteri Pengangkutan kita dengan pihak berkuasa British termasuk Menteri Pengangkutan British sehingga ke hari ini gagal mengakhirkan jalan buntu dan sehingga kini pun kita masih belum nampak apa-apa cahaya yang boleh menerangi kebuntuan ini.

Semasa soal jawab di Dewan ini pada 31hb Oktober 1984, saya berpeluang membangkitkan perkara ini dan saya telah diberitahu oleh Timbalan Menteri berkenaan bahawa perundingan masih berjalan lagi antara pegawai-pegawai Kementerian dan pihak pengangkutan British mengenai perkara ini dan adalah diharap perkara ini akan diselesaikan kelak.

Semasa menjawab soalan tambahan saya di Dewan ini pada 11hb Oktober 1984, saya telah diberitahu bahawa

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan membincangkan perkara ini dengan pihak tertinggi British jika keperluan sebegini dikehendaki untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya merasa dukacita kerana sehingga ke hari ini belum ada apa-apa penyelesaian dan saya suka menggesa Kementerian berkenaan supaya memberi butir-butir lanjut di dalam Dewan ini mengenai halangan-halangan sebenar yang merintangai permintaan MAS untuk mendapatkan penerbangan kelima ke London supaya orang ramai akan mengetahui kedudukan sebenar.

Mengapakan pihak berkuasa Penerbangan British masih belum menunjukkan tanda merestui permintaan MAS untuk membuat penerbangan lima kali seminggu ke London meski pun permohonan telah dibuat lebih setahun lalu dengan bukti dan hujah-hujah untuk menyokong permintaan ini? Kenapa pihak British mempertikaikan tuntutan MAS yang menyatakan bahawa ianya telah melebihi "load factor", dengan izin, yang diizinkan kepada penerbangan tambahan menurut perjanjian lalulintas udara antara dua negara?

Menurut fahaman saya, Tuan Pengerusi, telah wujud satu memorandum, dengan izin, "Confidential Memorandum of Understanding" ditandatangani dalam bulan Mac, 1982 antara Malaysia dan British yang memberi pengenalan penerbangan kelima oleh kedua buah syarikat penerbangan itu. Peruntukan berkaitan di bawah "Confidential Memorandum of Understanding" itu ada mencatatkan bahawa kedua pihak, MAS dan British Airways, hendaklah dibenarkan mengadakan penerbangan kelima apabila, dengan izin, "joint pool seat factor" melebihi 67% dicapai antara Kuala Lumpur dan London oleh kedua-dua syarikat penerbangan untuk tempoh sekurang-kurangnya enam bulan.

Saya memahami bahawa pihak berkuasa Malaysia telah meminta penerbangan tambahan kelima oleh MAS atas alasan bahawa perangkaan lalulintas untuk tempoh enam bulan antara bulan April dan September tahun 1983 ada menunjukkan bahawa, dengan izin, "joint pool seat factor" untuk tempoh itu ialah 69.5% dan telah melebihi "joint pool seat factor", dengan izin, 67% yang dipersetujui yang dikehendaki untuk melaksanakan penerbangan kelima oleh kedua pihak syarikat penerbangan.

Pihak berkuasa British telah memberi pandangan bahawa 69.5% joint pool seat factor yang dicapai kerana kemasukkan sekali kiraan lalulintas dari Australia yang dilakukan oleh MAS. Pihak British berpendapat bahawa lalulintas dari Australia hendaklah ditolak dan dengan penolakan itu joint pool seat factor antara MAS dan British Airways tidak mencapai paras 67%.

Tetapi alasan Malaysia ialah bahawa Perjanjian Perdagangan antara kedua syarikat penerbangan terang-terang memperuntukkan untuk memasukkan jumlah lalulintas yang menasabah dari Australia yang dilakukan oleh MAS dalam menentukan joint pool seat factor ini.

Tuan Pengerusi, setelah menyentuh perkara-perkara di atas, saya berpendapat bahawa sesuatu mestilah dilakukan untuk membaharui usaha perundingan dengan tujuan untuk mencari jalan penyelesaian kepada jalan buntu itu. Jalan buntu ini tidak boleh dibiarkan berterusan.

Jika jalan buntu ini berterusan sahaja ia akan secara serius menjejaskan rancangan perkembangan MAS. Saya faham bahawa MAS telah membekukan buat sementara rancangan untuk memperluaskan penerbangannya sehingga masalah penerbangan tambahan ke London di selesaikan.

Menteri Pengangkutan kita mestilah mengambil daya usaha baru untuk mengkaji masalah keengganan British untuk membenarkan kita membuat penerbangan kelima dan langkah-langkah mestilah diambil untuk mengatasi masalah ini. Jika ini gagal maka saya rasa bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hendaklah berhubung dengan rakan sejawatnya di Britain untuk menyelesaikan masalah sini sekali jalan sahaja.

Saya menyedari bahawa permintaan MAS untuk mendapatkan tambahan penerbangan kelima adalah sah dan wajar dan berasaskan kepada perkara-perkara yang berikut:

- (1) Lalulintas antara Malaysia dan United Kingdom telah bertambah dengan pesat; terdapat pergerakan lalulintas yang tetap antara kedua negara kerana hubungan yang kian lama dalam bidang perdagangan, pelajaran dan pelancongan. Penerbangan yang baik antara kedua negara ini akan menambah pertumbuhan hubungan ini.
- (2) Bancian yang dijalankan oleh MAS menunjukkan bahawa terdapat jumlah penumpang yang berulang alik antara Malaysia—United Kingdom yang berjalan menerusi syarikat penerbangan lain dan melalui laluan lain. Ini adalah dianggar seramai lebih kurang 50,000 penumpang setahun.
- (3) Pihak MAS mencapai, dengan izin, "average all-on-board load factor" untuk perkhidmatan antara Kuala Lumpur—London sebanyak lebih kurang 80% semasa musim kemuncak iaitu musim perayaan dan cuti bulan; kedua pihak MAS dan British Airways telah mengendalikan load factor yang sangat tinggi dan sebenarnya telah menolak

penumpang-penumpang yang hendak berjalan antara Kuala Lumpur dan London. Penumpang-penumpang tersebut terpaksa berjalan menggunakan syarikat penerbangan lain.

- (4) MAS rasa bahawa terdapat keperluan menambah penerbangannya ke London berdasarkan kepada permintaan lalulintas yang ada sekarang dan ramalan perkembangan. Lalulintas antara Malaysia dan United Kingdom akan terus berpecah menerusi laluan lain melainkan penambahan itu dipenuhi. Pecahan ini akan hanya mengakibatkan kehilangan hasil kepada kedua-dua syarikat iaitu Syarikat MAS dan British Airways.

Setelah saya mengatakan perkara-perkara ini, saya suka sekali lagi menggesa Kementerian berkenaan supaya mengambil langkah-langkah yang wajar untuk mendapatkan pihak berkuasa British melihat alasan-alasan kita dan mengemukakan satu penyelesaian dengan MAS mengenai penerbangan kelima ke London supaya kedua syarikat penerbangan akan menerima faedah. Jika ini tidak boleh dilakukan, maka saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hendaklah campur tangan untuk membantu mencari satu penyelesaian dengan rakan sejawatnya di London.

Apa juga caranya, masalah ini mestilah diselesaikan supaya MAS boleh terus berkembang dan memperluaskan laluan seperti lain-lain syarikat penerbangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. 10 minit boleh?

4.35 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Pengerusi, saya akan memendekkan ucapan saya. Saya merujuk kepada B.54 dan P.54 mengenai Jabatan Penerbangan Awam, khasnya kepada projek kedua di bawah "Lampiran X" iaitu mengenai Lapangan terbang Kuala Lumpur iaitu Lapangan terbang Subang.

Saya ingin membangkitkan satu masalah yang telah saya perhatikan iaitu saya dapati bahawa susunan kawalan keselamatan di lapangan terbang itu adalah kurang sesuai kerana susunan "layout" yang kurang tepat dan sesuai. Mengikut pengetahuan saya di airport-airport yang lain kawasan penumpang-penumpang luar negeri dan juga kawasan penumpang-penumpang dalam negeri adalah berasingan, tetapi di Subang nampaknya tidak begitu. Sungguhpun ada satu Bahagian Selatan iaitu Pintu 1 hingga Pintu 6 ialah untuk penumpang-penumpang antarabangsa dan Bahagian Utara iaitu Pintu 8 hingga Pintu 14 ialah untuk penumpang-penumpang dalam negeri. Tetapi kedua-dua Bahagian itu tidak diasingkan dengan secara tepat dan ini bukan sahaja akan menimbulkan kekeliruan kepada pihak penumpang tetapi juga mungkin menjadi satu punca masalah keselamatan.

Biarlah saya memberi satu contoh, katakanlah, ada seorang penumpang dari luar negeri, katakan seorang pegganas ataupun pengedar dadah yang ingin masuk ke negara kita ini dengan mengelakkan pemeriksaan Imigresen dan selepas pesawatnya mendarat dia akan keluar dia akan keluar dari katakanlah Pintu 4 di Bahagian Selatan dan dia tidak akan turun ke bawah untuk diperiksa oleh Imigresen. Tetapi dia boleh masuk tandas buat 5-10 minit supaya terpisah daripada penumpang-penumpang

yang lain dan apabila beliau keluar, beliau boleh dapat berjalan terus kepada Bahagian Utara dan turun tangga ke Bahagian Baggage untuk penumpang-penumpang dalam negeri dan keluar dari sana. Begitu juga selepas dia habis urusannya dia akan masuk, dia akan beli tiket misalnya ke Bangkok, check in, tetapi masuk melalui pintu Balai B iaitu untuk penumpang-penumpang dalam negeri dan selepas itu pergilah terus ke Bahagian Luar Negeri untuk masuk ke pesawat.

Maka pada pendapat saya, ini adalah sesuatu yang harus dikaji semula supaya susunan dapat diubahsuai dan disusun semula untuk mengawal keselamatan. Maka dengan ini saya juga ingin menambah sedikit tentang walkalator ataupun lantai bergerak yang berada di airport iaitu satu feature ataupun ciri yang utama bagi airport yang moden dan cantik ini ialah "carridor" yang amat panjang tetapi nasib baik diadakan walkalator yang dapat membantu mereka, terutamanya orang-orang tua yang tidak boleh berjalan dengan begitu baik tetapi di antara Dewan Transit dalam negeri dan juga Pintu 10, pada pendapat saya diperlukan satu lagi walkalator kerana carridor di sana amat panjang.

Dan selain daripada itu, saya ingin mengesyorkan supaya diadakan kerusi-kerusi di sepanjang corridor itu untuk orang-orang tua yang tidak berani untuk menaiki walkalator dan juga untuk mereka yang membawa baggage yang berat dan sebagainya untuk berihat selepas berjalan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.56—Jabatan Pengangkutan Jalan, khasnya Butiran 1, 2 dan 6, dan ingin membangkitkan isu keperluan konduktor bagi bas sekolah dan bas kilang.

Mengikut peraturan yang sedia ada sekarang, Tuan Pengerusi, semua bas yang mempunyai lebih daripada 12

tempat duduk dikehendaki mengadakan seorang konduktor. Peraturan ini mungkin adalah sesuai bagi syarikat bas tetapi pada pendapat saya adalah kurang munasabah dan kurang adil bagi pemandu dan pemilik bas sekolah dan bas kilang yang hanya mempunyai sebuah bas, kerana kebanyakan daripada bas-bas sekolah dan kilang ini hanya mempunyai 16 hingga 24 tempat duduk. Mereka haruslah berulang-alik membawa dua hingga tiga kumpulan murid-murid ataupun pekerja tiap-tiap hari, dan pendapatan mereka sebulan adalah di lingkungan \$600 hingga \$800 sebulan dan kalau dikehendaki menggajikan seorang konduktor sebanyak \$200 hingga \$300 sebulan, ini merupakan satu beban kewangan yang tidak dapat ditanggung oleh mereka.

Dan saya berpendapat bahawa perkhidmatan bas sekolah ini tidaklah sama dengan perkhidmatan bas pengangkutan orang awam. Kerana bas ini tidaklah payah berhenti di perhentian bas yang biasa dan juga pemandu tidak payah mengutip tambang tiap-tiap kali penumpang menaikki bas. Bayarannya ialah mengikut cara bulanan. Maka selain daripada itu penumpang-penumpang adalah tetap kerana datangnya dari sebuah sekolah ataupun sebuah kilang dan mereka ini dibawa dari pintu rumah ke pintu sekolah atau ke pintu kilang. Dari sudut keselamatan juga tidak perlu diadakan konduktor pada pendapat saya kerana bagi bas sekolah, selalunya pemandu bas sekolah ini memastikan bahawa pintu bas itu ditutup sebelum berjalan dan tidak pernah setahu saya berlaku sesuatu yang tidak diingini kerana tidak adanya konduktor bagi bas sekolah. Bagi bas kilang pula, setahu saya sekurang-kurangnya untuk kilang di Pulau Pinang tiap-tiap kilang melantik seorang monitor untuk setiap bas kilang supaya mengawasi keadaan dalam bas dan mendaftar dan juga membantu pemandu bas dalam segala

perkara, maka ini sudahlah memadai pada pendapat saya.

Bagi bas yang besar, bas sekolah atau bas kilang yang besar yang mempunyai lebih daripada 30 buah tempat duduk mungkin mereka hendaklah dikehendaki memasang pintu automatik atau pintu mechanical yang dapat dikawal oleh pemandu sendiri. Sebenarnya, bas-bas penumpang biasa di negara-negara maju pun tidak mengutip tambang tetapi bas-bas ini mempunyai mesin-mesin mengutip tambang yang automatik. Maka dengan kemajuan yang akan dicapai dalam negara kita ini, pemasangan mesin-mesin ini pada pendapat saya tidaklah akan menjadi satu masalah. Sebab itu saya berpendapat bahawa peraturan yang sedia wujud ini harus dipinda supaya janganlah terlalu menyusah-payahkan para pemandu bas sekolah dan bas kilang.

Saya juga ingin merujuk kepada satu perkara lagi mengenai bas sekolah. Sekarang tambang bas sekolah di negara kita ini dibahagikan ke dalam dua kategori. Satunya untuk kawasan bandar dan satunya untuk kawasan luar bandar. Tetapi untuk Bandaraya Pulau Pinang dan juga khasnya bagi kawasan saya, anehnya telah dianggap sebagai kawasan luar bandar kerana dikenakan tambang yang minimum iaitu \$9.00 sebulan manakala di bandaraya yang lain misal Kuala Lumpur, Klang, Ipoh dan Johor Bahru, kadar yang minimum ialah \$14.00. Maka saya menganggap ini seperti sesuatu yang kurang adil kerana Pulau Pinang merupakan satu kawasan bandar dan bukan luar bandar dan sebuah bandaraya yang sangat besar. Saya pernah membangkitkan isu ini tetapi sehingga sekarang belum diambil apa-apa tindakan dan saya berharap bahawa anomali ini dapat dibetulkan dengan secepat mungkin.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan satu isu yang

berkaitan dengan bas sekolah dan bas kilang juga, iaitu sungguhpun bas sekolah dan bas kilang bolehlah di anggap sebagai satu jenis pengangkutan awam dan lazimnya diletak sepenuhnya di bawah jagaan atau pemerintahan Jabatan Pengangkutan Jalan, tetapi sebenarnya tidak, kerana untuk pendaftaran sebagai kenderaan sahaja diuruskan melalui JPJ. Tetapi untuk pelesenan pula dikehendaki mengurus dengan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan yang terletak di bawah Kementerian Perusahaan Awam dan juga ini meliputi permohonan untuk menukar bas dari yang kecil ke yang besar. Mereka yang datangnya dari Pulau Pinang dan Kedah misalnya haruslah datang ke Kuala Lumpur untuk menemui Lembaga tersebut supaya dapat diserahkan permohonan dan ini telah mendatangkan kesulitan kepada para pemandu. Selain daripada itu, bas-bas ini dikehendaki mendaftar sebagai perniagaan dan ini diletak di bawah Jabatan Pendaftaran Perniagaan iaitu di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Maka nampaknya pemandu bas ini dikehendaki mendaftar dengan tiga buah Kementerian. Pada pendapat saya, ini adalah bercanggah dengan konsep kecekapan pentadbiran. Saya ingin bercadang supaya fungsi-fungsi ini tidak haruslah dipisah-pisahkan dan kalau boleh disatukan di bawah satu "one stop agency", kalau tidak disatukan di bawah satu Kementerian. Saya berharap bahawa cadangan saya ini akan diambil perhatian oleh bukan sahaja Kementerian Pengangkutan tetapi kedua-dua Kementerian yang lain yang telah saya sebutkan tadi.

Dengan ini saya menyokong peruntukan untuk Kementerian Pengangkutan dan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan, saya berharap saya dimaafkan kalau

sekiranya saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab sekarang.

4.48 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Pengerusi, Bismillahir-rahmanir-rahim. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali yang telah sudi menerima jemputan Kementerian saya untuk melawat dan melihat dengan lebih dekat lagi aktiviti-aktiviti Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini dalam masa sidang Parlimen kali ini dan pada semalam lebihkurang 27 orang Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan ini dan Dewan Negara telah melawat Pelabohan Klang dan melihat masalah-masalah yang dihadapi dan kegiatannya. Minat Ahli-ahli Yang Berhormat itu saya bagi pihak Kementerian ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan gambaran serta pandangan yang telah Ahli-ahli Yang Berhormat lihat akan dapat saya harap Yang Berhormat menggunakan menangkis segala cerita-cerita, tohmahan-tohmahan dan berita-berita yang tidak sihat dan mengelirukan orang ramai yang dilemparkan oleh orang-orang tertentu kepada Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya ini.

Menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbincangan Belanjawan Kementerian pada hari ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan dengan itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Yang Berhormat dari Matang semalam telah membangkitkan mengenai Lembaga Pelabuhan Kelang. Yang pada hakikatnya perkara yang dibangkitkannya soalan itu terpecah kepada dua. Soalan

pertama ialah rancangan masa depan pembangunan dari segi perkhidmatan yang bertujuan untuk mengelakkan kesesakan dan kelewatan pada kapal-kapal. Pihak Pelabuhan telah mengadakan kajian (feasibility study) serta kajian reka bentuk kejuruteraan terhadap membangunkan Pulau Lumut. Fasa pertama pembangunan ini termasuklah dua Dermaga Dolphin untuk mengendalikan bahan-bahan petroleum di Pulau Lumut. Ini ditambah dengan 4 dermaga pukal yang akan dibina di tempat yang sama untuk menampung kapal-kapal membawa kargo-kargo am untuk menampung keperluan tambahan yang mungkin datang dari Pelabuhan Utara pada masa sekarang. Adalah dijangkakan, dengan adanya rancangan Kerajaan untuk mengutamakan penggunaan pelabuhan-pelabuhan di Malaysia kawasan ini akan mengendalikan lebih kurang 1.5 juta tan kargo untuk pelabuhan-pelabuhan di Malaysia.

Yang kedua, kajian ini telah pun dihantar kepada pihak Kerajaan untuk dipertimbangkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Adalah dijangka bahawa projek ini akan diluluskan untuk pembangunan dalam tahun 1986 dan pelabuhan ini bolehlah dimulakan perkhidmatannya jika semuanya selesai pada tahun 1989 atau tahun 1990. Projek ini akan menelan belanja sebanyak \$484 juta.

Bagi jangka masa pendek pula tindakan yang diambil adalah untuk mengurangkan kelewatan dan kesesakan-kesesakan dengan cara berikut.

Pihak Pengurusan sedang giat dalam peringkat perundingan untuk memperkenalkan sistem gang integrasi bagi perkhidmatan wharf dan di kapal. Sistem ini bukan sahaja akan menjimatkan belanja tetapi adalah juga dijangka akan mengurangkan kelewatan pengendalian di kapal-kapal. Tindakan telah pun diambil

untuk melantik pembekal dry bulk terminal equipment bagi membaik mulihkan kerosakan-kerosakan yang terdapat. Tindakan ini dijangka siap dalam bulan Jun dan Julai tahun 1985 dan selesainya kerja operasi tersebut akan diserahkan kepada pihak swasta bagi menentukan bahawa perkhidmatan ini adalah lebih berkesan lagi kepada pengimport-pengimport baja.

Pihak pelabuhan faham yang baja kimia adalah merupakan barang kawalan dan perlu bagi perusahaan tanaman dan usaha-usaha akan dibuat menentukan bahawa kosnya adalah rendah.

Crane container yang tertumbang akan diganti dan adalah akan mula digunakan pada bulan Disember 1985. Dengan adanya penggantian ini adalah dijangka bahawa operasi di bahagian container akan bertambah baik lagi.

Untuk memperbaiki lagi sistem operasi dan meninggikan lagi produktiviti di terminal container pihak pengurusan telah menyusun beberapa langkah sejajar dengan polisi Kerajaan supaya memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan kepada pengguna-pengguna pelabuhan.

Yang Berhormat juga ada menyebutkan masalah kakitangan yang terlatih dan rancangan latihan secara menyeluruh dan tertentu sedang dipertingkatkan untuk melatih kakitangan-kakitangan Lembaga untuk menjadi kakitangan yang cekap dan terlatih di dalam bidang operasi dan kejuruteraan. Ini adalah kerana di dalam jangka masa yang panjang pihak pelabuhan setiap masa menggunakan alat-alat jentera yang moden untuk meninggikan produktiviti. Pihak Lembaga mempunyai jabatan latihan yang dipertanggungjawabkan untuk melatih kakitangan dalam bidang kejuruteraan dan operasi serta menanamkan sifat tanggungjawab kepada semua

kakitangan yang bertujuan meningkatkan kecekapan dan kerumitan serta menanamkan sikap tanggungjawab dan didikasi.

Pihak Lembaga ada menghantar pegawai kanan dari masa ke semasa untuk menghadiri seminar dan persidangan dan juga latihan keluar negeri dalam bidang yang berkaitan dengan kerja-kerja yang dijalankan. Ini adalah untuk menambahkan lagi pengetahuan dan pengalaman mereka demi untuk kenaikan Lembaga ini. Di masa-masa yang lampau pegawai-pegawai yang dihantar untuk menghadiri kursus dan seminar adalah untuk meningkatkan produktiviti. Jika Yang Berhormat menyebut masalah pegawai-pegawai tinggi pihak pengurusan keluar negeri hanya untuk menghadiri seminar dan seperti mana Yang Berhormat difahamkan bahawa ada pegawai-pegawai yang berkenaan keluar negeri dalam masa beberapa bulan hanya untuk menghadiri kursus-kursus dan seminar-seminar itu, perkara ini juga sedang kita selidiki dan akan kita perbaiki.

Suatu kajian yang dijalankan oleh Lembaga Pelabuhan Kelang menunjukkan bahawa masalah operasi container di negara ini ialah disebabkan oleh kesesakan dan kegagalan untuk menghantar kotak-kotak container dalam jangka masa yang singkat. Kami percaya jika koodinasi ada dengan lebih baik lagi sistem haulage dapat diperbaiki dan mungkin dapat mengurangkan jika tidak dihapuskan semua sekali masalah ini. Tetapi cadangan Yang Berhormat semalam untuk menambahkan satu lagi syarikat untuk mengelolakan masalah ini, satu cadangan yang baik dan boleh kita kaji sama ada dia boleh menolong ataupun tidak dapat menyelesaikan masalah yang ada.

Yang Berhormat dari Tampin sebentar tadi telah mengemukakan beberapa cadangan supaya Dasar

Pengangkutan Negara yang sedang digubal oleh Kementerian Pengangkutan sekarang ini mengambil kira perseimbangan di antara sistem pengangkutan jalan dengan pengangkutan keretapi.

Sukalah saya maklumkan bahawa cadangan-cadangan yang sangat baik ini akan dimasukkan ke dalam Dasar Pengangkutan Negara yang sedang kita usahakan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tampin kerana menimbulkan perkara-perkara ini dan menunjukkan minatnya supaya Keretapi Tanah Melayu dengan tujuan untuk memodenkan perkhidmatan keretapi di negara kita ini. Kajian mempermodenkan keretapi yang telah dijalankan oleh pihak JICA (Japan International Co-operation Agency) telah mencadangkan pembangunan satu sistem keretapi yang baharu. Pihak Kerajaan sedang mempertimbangkan cadangan kajian tersebut dan kajian-kajian terperinci perlu dibuat seterusnya.

Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat, kita mungkin tidak perlu hendak menimbangkan 100% cadangan yang dibuat tetapi elok kita mengkaji keadaan bahan-bahan ataupun alat-alat yang sudah ada di dalam negeri ini supaya dapat kita mengurangkan perbelanjaan tetapi membaiki perjalanan keretapi kita.

Yang Berhormat dari Pasir Puteh ada menyebut tadi berkenaan dengan peruntukan pembangunan Penerbangan Awam kurang dari tahun 1984. Sebenarnya peruntukan itu ialah untuk MAS bagi penerbangan luar negeri. Peruntukan itu ialah bagi tahun yang akhir Rancangan Malaysia Keempat. Bagi seluruh Rancangan Malaysia Keempat, peruntukan memang banyak tetapi projek-projek itu telah pun selesai, ada setengahnya hampir selesai dibuat. Peruntukan ini ialah untuk projek-projek lapangan

terbang di bawah Jabatan Penerbangan Awam dan bukan untuk MAS.

Kerajaan telah melantik sebuah syarikat pakar perunding untuk mengkaji kemungkinan menswastakan MAS dengan tujuan menambah modal MAS supaya MAS dapat memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan. Kajian oleh syarikat pakar perunding sedang dijalankan, dia baru sahaja bermula pada bulan Oktober 1984.

Berhubung dengan salahguna tiket-tiket MAS ataupun rebate MAS tadi itu, pengurusan MAS sebenarnya sedar perkara ini dan mereka yang terlibat sedang diambil perhatian yang serius.

Yang Berhormat dari Silam menyebutkan beberapa masalah berhubung dengan keselamatan dan pemeriksaan kapal-kapal kerana pelabuhan di Labuan dan Sandakan sedang pesat membangun. Buat masa ini alat-alat bantuan pelayaran sentiasa diperiksa dari masa ke semasa. Jabatan Laut telah pun merancang untuk menambah dan mempermodernkan alat-alat tersebut. Alat-alat moden yang dimaksudkan di sini ialah alat-alat lampu yang dikuasakan oleh tenaga suria serta pembinaan struktur "tandarah suar" (beacon) dari bahan-bahan yang teguh dan tidak mudah berkarat seperti glass (reinforced plastic).

Kepada Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar saya mengucapkan terima kasih di atas minatnya dan agak ganjil bagi Parti Pembangkang mengemukakan satu syor yang begini baik kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, saya rasa memanglah Yang Berhormat ini lain daripada lain-lain Ahli DAP (*Tepuk*), dia nampaknya mahu bekerjasama dengan Kerajaan.

Usaha-usaha perundingan sedang dijalankan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh MAS di dalam usaha-usaha untuk mendapatkan tambahan penerbangan kelima ke United Kingdom. Kerajaan sebenarnya sedang mempergiatkan usaha-usaha ini supaya kita dapat mencapai matlamat itu. Saya tidak dapat menyatakan secara satu persatu, tetapi memadamailah saya katakan kita sedang benar-benar bergiat untuk mencapai matlamat itu.

Yang Berhormat dari Ulu Nerus minta tambah Boeing 737 ke Kuala Terengganu. Perkara ini sedang di dalam kajian, mungkin agaknya Yang Berhormat tidak puas hati kalau saya katakan "sedang dalam kajian", kerana Yang Berhormat mengatakan perkara ini sudah lama. Walau bagaimanapun, perkara ini memang kita perlu kaji kerana ini melibatkan penambahan kapal terbang dan juga kita perlu lihat daripada jumlah penumpang yang akan menaiki kapal terbang itu. Walaupun yang ada ini boleh menampung bilangannya tetapi kalau hendak ditambah lagi Boeing itu, rasa saya kita perlu memikirkan aspek-aspek yang lain. Ada Yang Berhormat sebutkan tadi berkenaan dengan usaha penerbangan daripada Singapura ke Kuantan dan ke Kuantan ini hendak diteruskan ke Terengganu dan dari Terengganu ke Kelantan. Ini memang satu cadangan yang baik tetapi ini merupakan satu sektor jarak udara yang terlalu pendek dan mungkin ini tidak dapat dipenuhi kerana ianya tidak begitu ekonomik kalau jarak udara yang terlalu pendek ini, tetapi perkara ini boleh diusahakan melalui penerbangan dalam negeri.

Perkara ketiga Yang Berhormat sebutkan

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun, beri jalan?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman:
Baik.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, cuma saya tidak faham, minta penjelasan. Daripada Singapura ke Kuantan itu saya anggap pendek, tetapi bila sampai ke Terengganu dan Kota Bharu itu bertambah panjang. Macam mana pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu? Makin jauh, sepatutnya makin bertambah batunya, sepatutnya makin lebih viable. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat, dekatkan sedikit.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Pengerusi, daripada Singapura ke Kuantan memakan masa 45 minit dan berhenti, dan ke Terengganu dan daripada Terengganu ke Kelantan. Tetapi kalau daripada Singapura terus ke Kelantan, itu jarak jauh dan itu perlu diberikan pertimbangan. Tetapi kalau berhenti satu tempat ke satu tempat dengan jarak yang pendek, ini tidak ekonomik.

Perkara ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ialah points of entry, dengan izin, ataupun pintu masuk ke Malaysia di Pantai Timur. Malaysia tidak boleh membuka terlalu banyak entry points, dengan izin. Kita ada perjanjian dua hala dengan negeri-negeri lain yang lebih baik kita hadkan dua atau tiga entry points dan dari tempat-tempat entry points itu penumpang-penumpang dibawa dengan penerbangan dalam negeri. Itu keadaan sekarang ini dan keadaan pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat dari Tanjung menyebutkan masalah Lapangan-terbang Subang. Kita sendiri sedar perkara ini tetapi langkah-langkah sedang diambil oleh pihak berkuasa Lapangan-terbang bagi menentukan tidak ada penumpang yang sesat, tidak ada penumpang yang

boleh masuk ke tempat-tempat lain, misalnya seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, ke bilik mandi untuk beberapa waktu dan kemudian terus masuk ke pintu masuk ke negara-negara lain, kerana keselamatan kita yang ada sekarang ini di Balai Domestik atau dalam negeri masih boleh memberikan jaminan. Walau bagaimanapun saya suka menyatakan, setelah adanya pendapat Yang Berhormat tadi, kita akan meningkatkan lagi dari segi keselamatan kita di Lapangan-terbang.

Yang Berhormat minta tambah "walkalator" ataupun Yang Berhormat berikan satu definisi dalam Bahasa Melayu "lantai bergerak"—sama ada ini Yang Berhormat sendiri atau orang lain berikan definisi itu, tetapi "walkalator" ini satu perkataan yang difahami. Sebenarnya hendak tambah ini tidak ada tempat lain, yang ada ini kita fikirkan cukup buat sementara ini. Kemungkinan kalau kita ada extension ataupun penambahan kawasan

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Pengerusi, saya minta memberi penjelasan sedikit itu "walkalator" yang saya cadangkan iaitu ialah untuk bahagian di antara pintu ke 10 dengan bilik ataupun dewan transit dalam negeri dan di sana tiada "walkalator" langsung dan nampaknya tempat itu masih luas dan boleh ditempatkan satu "walkalator", cuma untuk mereka yang memerlukan.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan "walkalator" yang ada sekarang ini, pada fikiran kita cukup. Tetapi jika kita dapat mengkaji perkara ini untuk menambahkan satu lagi, perlulah kita kaji dan insya Allah cadangan Yang Berhormat itu kita ambil perhatian.

Yang Berhormat ada menyebut berkenaan dengan kedudukan bas-bas kilang tadi, yang menyulitkan dari segi

pendaftaran dan sebagainya. Ini adalah satu cadangan yang baik dan saya harap Kementerian saya boleh memanggil Kementerian-kementerian lain untuk sama-sama kita berbincang supaya menyelesaikan dan tidak menyusahkan orang ramai. Terima Kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$9,525,500 untuk Maksud B. 51; \$8,920,100 untuk Maksud B. 52; \$14,218,900 untuk Maksud B. 53; \$10 untuk Maksud B. 54; \$30,153,200 untuk Maksud B. 55 dan \$47,010,000 untuk Maksud B. 56 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$9,525,500 untuk Maksud B. 51; \$8,920,100 untuk Maksud B. 52; \$14,218,900 untuk Maksud B. 53; \$10 untuk Maksud B. 54; \$30,153,200 untuk Maksud B. 55 dan \$47,010,000 untuk Maksud B. 56 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$182,553,520 yang disebutkan dalam Maksud P. 51; \$2,600,270 untuk Maksud P. 52; \$3,811,916 untuk Maksud P. 53; \$48,700,000 untuk Maksud P. 54; \$76,910,752 untuk Maksud P. 55; dan \$480,478 untuk Maksud P. 56 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$182,553,520 untuk Maksud P. 51; \$2,600,270 untuk Maksud P. 52; \$3,811,916 untuk Maksud P. 53; \$48,700,000 untuk Maksud P. 54; \$76,910,752 untuk Maksud P. 55; dan \$480,478 untuk Maksud P. 56 diluluskan jadi

sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

Maksud B. 57, B. 58 dan B. 59 (Jadual)—

Maksud P. 57, P. 58 dan P. 59 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan 57 dan Maksud Pembangunan 57—59 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Batang Padang.

5.13 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya bangun turut membahaskan dalam Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Maksud Bekalan 57, muka surat 265, Butiran 1— Pentadbiran Am, iaitu berkenaan dengan Tenaga Elektrik.

Sebagaimana yang dinyatakan di dalam Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1985, tujuan-tujuannya ialah menyelaraskan perancangan dan meninggikan mutu perkhidmatan terutamanya di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, bekalan elektrik di kawasan Perak, terutama kawasan Parlimen saya iaitu pada masa dahulu dikuasai oleh satu syarikat KED, Kinta Electric Distribution Company, dengan izin, sekarang telah beralih tangan kepada Lembaga Letrik Negara yang mana penyesuaian untuk hendak meninggikan prestasi ini masih terdapat kelemahan atau kelembapan di kawasan-kawasan yang telah berganti tangan ini, iaitu perkara-perkara ialah kerosakan ataupun api elektrik ini padam, lambat sangat dibaiki oleh Chageman-chageman yang bertukar kepada LLN ini jika dibandingkan dengan Chageman-chageman KED dahulu. Kadang-kadang memakan masa dua hari.

Maka peti ais meleleh airnya daripada peti ais itu membusukkan ikan-ikan dan sayur-sayuran.

Tuan Pengerusi, itu tidak menghairankan. Ada satu tempat namanya Chenderiang, 50 buah rumah di sekitar Pekan Chenderiang itu pada masa itu telah mengalami kerosakan peti TV dan juga peti sejuk mereka. Banyak lagi alat-alat elektrik mereka masing-masing disebabkan oleh gangguan kuasa elektrik yang dikatakan terlalu tinggi yang telah menyebabkan alat-alat ini semuanya menjadi rosak dan mereka membaiki memakan belanja di antara \$200-\$300 tiap-tiap satu keluarga. Peristiwa ini berlaku pada hari raya "Deepavali", iaitu pada 23-10-84 yang lalu lebih kurang pada jam 11.00 pagi. Pada ketika berlakunya, alat-alat ini berasap dan berbau terbakar. Yang saya sebutkan ini ialah surat rayuan daripada penghuni-penghuni rumah yang telah terbakar alat-alat peti sejuknya, alat-alat TVnya. Mereka telah menyatakan supaya mangsa-mangsa kerosakan alat-alat ini berasa amat kesal di atas kemalangan yang berlaku dan mahu pihak Lembaga Letrik Negara membuat perjumpaan dengan mereka untuk memberi penjelasan dan juga apa-apa bentuk bantuan yang boleh dapat diberikan bagi membaiki segala kerosakan alat-alat elektrik mereka yang saya sebutkan tadi. Mereka merasakan bernasib baik yang tiada kemalangan jiwa berlaku.

Tuan Pengerusi, di satu tempat pula namanya Jeram Mengkuang, tempat ini lampunya pula malap, antara nampak dan tidak nampak sahaja timbul. Saya telah menerima aduan daripada penduduk-penduduk ini iaitu bekalan tenaga elektrik untuk rumah-rumah di kampung ini sangat berkurangan. Katanya, di sepanjang masa rumah-rumah yang terlibat itu meliputi dari tiang, disebutkan dengan tiang No. 21, No. MR 12 hingga MR 38, sepanjang-panjang tiang itu

gelap, bukan gelap, tetapi kelabu, tidak berapa nampak. Membaiki kerosakan ini pula lambat. Akibat lambat inilah yang saya terangkan pada mula-mula tadi, selain daripada itu diharapkan pihak LLN mangkaji balik keadaan di tempat itu supaya suasana yang berlaku pada KED itu dapat diperolehi sebagaimana yang sudah itu kepada LLN sekarang ini.

Satu lagi perkara, sebagaimana dalam prestasi ini, terutama di kawasan luar bandar ialah meninggikan mutu perkhidmatan. Meninggikan mutu perkhidmatan ini, saya rasa sangsi sedikit. Apabila KED dahulu, bayar sahaja bil-bilnya, maka datanglah bil baru. Ini tidak, bil dibuat di Kampar, satu tempat yang jauh, ibu pejabat Perak Selatan. Bil dikutip oleh orang Tapah yang memotong orang Kampar. 10 hari selepas dibayar ada pula surat untuk pemotongan. "Sekiranya tuan tidak membayar, kuasa elektrik tuan akan dipotong". Tetapi resit sudah ada.

Apabila saya telah dikemukakan oleh rakyat di kawasan saya, jawab pihak Lembaga Letrik Negara—tidak susah, pendek kata orang kampung atau orang-orang yang telah membayar, tunjuk sahaja resit. Jadi, perkara tunjuk, hendak buat kerja tunjuk, hendak menunggu orang LLN pakai baju kuning naik motosikal pun orang sudah malu, kemudian bawa kertas merah-merah itu tayang, seolah-olah pakat-pakat jangan potong. Bukan baru bayar tetapi sudah bayar lama, 10 hari bezanya. Sampai satu masjid di sana hendak dipotong pula. Ada surat. Jadi inilah minta diperbaiki, bukannya apa-apa, tetapi minta diperbaiki lagi.

Jadi, Tuan Pengerusi, sangatlah pentingnya untuk orang ramai menikmati kemudahan-kemudahan seperti elektrik ini. Apabila satu taklimat diberi oleh Lembaga Letrik Negara, saya bertanya mengapakah

pihak LLN tidak seperti KED dahulu, iaitu pokok-pokok, ranting-ranting yang tersangkut kepada wayar-wayar ini dipotong. Ada gang patrol, dengan izin, Tuan Pengerusi. Jawabnya itu hendaklah orang ramai memberitahu kepada LLN. Jadi seolah-olah peniaga sudah sombong pula perniagaannya ini. Hendak, datang. Kalau tidak, tidak ada. Tuan Pengerusi, kalau kita suka mempunyai barang, orang yang melanggan mestilah mahu mendapatkan kemudahan-kemudahan. Kerana pokok ini terbakar, ada pokok manggis. Manggis tidaklah berharga sangat. Kadang-kadang jambu yang begitu merah, merah sahaja daunnya tidak boleh mengeluarkan hasil. Jadi biarlah macam KED dahulu, bukan saya hendak memuji saya hendak menyatakan sahaja—baik. Ada pula satu kumpulan, jalan buat rondaan, tengok mana-mana dahan-dahan yang perlu dipotong, dipotong. Sekarang ini orang ramai pula pergi menyuarkan kepada LLN bahawa di atas dahan-dahan pokok saya sudah panjang dan dia menyentuh talian elektrik. Jadi ini mesti diperbaikilah keadaan itu supaya dapat selesai orang kampung dengan mudah sahaja dan tidak payah bekerjasama tetapi adalah hak LLN menjalankan tugas mereka dengan sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, satu lagi berkenaan dengan dua pentadbiran berlaku saya katakan Kampar dan Tapah ini, Tuan Pengerusi. Tapah mengenakan bayaran 4 tiang \$200 lebih, lebih kurangnya, Tuan Pengerusi. Minta maaf, kalau saya tidak ingat angkanya. Tetapi apabila Kampar bagi order, dengan izin, \$4,000. Orang sudah hendak hari raya. Terpaksa rujuk, berpusing-pusinglah Wakil Rakyat ini menentukannya. Rupanya \$200 lebih, itu sahaja bayarannya, bukan \$4,000. Ini sangat menyedihkan. Harap pihak LLN bekerja dan menyaksikan serta menyelidik supaya dapat diperbaiki.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, dalam Kementerian ini saya hendak membangkitkan dalam muka surat 270, P. 59 berkenaan Jabatan Perkhidmatan Pos, Butiran 3—Kenderaan-kenderaan dan Kelengkapan. Kepada Pejabat Pos ini saya mengucapkan tahniahlah kerana memang baik perjalanannya, bukan hendak marah tetapi hendak menyatakan sahaja, ada perkara yang ketinggalan atau dikaji boleh jadi tidak cukup wang iaitu, Tuan Pengerusi, kenderaan.

Kenderaan ataupun Pos Bergerak ini di kampung-kampung banyak, ramai penduduk tidak dapat menikmati dengan sepenuhnya Pos Bergerak ini. Ada satu kampung bergaduh dengan derebar: "tolong berhenti, tolong berhenti di sini" kerana mereka hendak membayar bil elektrik, bil air, kanak-kanak pula hendak menyimpan wang sedikit-sebanyak dalam Pos Bergerak ini. Bila sahaja orang-orang kampung menahan, mereka sudah tahu, derebar dan kerani pos sudah tahu, mereka telah diarah tidak boleh berhenti, mereka menjalankan tugas. Betullah. Tetapi dengan mengeluarkan kata-kata, maklumlah ini Ketua Pejabat telah memberitahu jangan berhenti. Bila saya siasat, Tuan Pengerusi, ini adalah sebab kekurangan Pos Bergerak. Pos Bergerak ini berkurangan misalnya dia menempuh satu kampung terus balik.

Saya kata mengapa jadi demikian, kerana diarah tidak berhenti di tengah jalan kerana membawa wang kerana wang ini mestilah dimasukkan ke dalam Pejabat Pos tidak boleh lewat daripada pukul 3.00 petang. Itu memang benar. Diharap kalau dapat, Tuan Pengerusi, kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini dapat dibekalkan sebuah atau dua buah Pos Bergerak ini di Batang Padang sana. Bukan sahaja di tempat saya, sebelah kawasan Menteri Buruh kita pun yang banyak FELDA-FELDA itu telah

merungut mengatakan kami tidak ada kemudahan Pos. Saya kata, insya Allah, kita akan suarakan supaya pihak Kementerian kita mengambil perhatian sungguh-sungguh kerana kita hendak menggalakkan kanak-kanak dan belia-belia kita menyimpan wang dan membeli ASN, jadi mustahaklah Pejabat Pos Bergerak ini ditambah.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh permohonan yang diperuntukkan kepada Jabatan Perkhidmatan Pos.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pekan.

5.26 ptg.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud (Pekan): Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian, Tuan Pengerusi, kepada Maksud B. 58, Butiran 1, Kod Objektif Am 1000 dan Maksud Pembangunan P. 58 Butiran 1.

Pada masa ini zaman pembangunan, Kerajaan kita berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memberi bekalan air dan api serta juga kemudahan-kemudahan telefon di kawasan-kawasan luar bandar. Peranan yang dimainkan oleh Kementerian ini amat penting sekali bagi memberi faedah kepada penduduk-penduduk yang jauh dari pusat-pusat bandar.

Peranan alat perhubungan seperti telefon telah menjadi suatu kemudahan yang perlu, bukan lagi satu kemudahan luxury, dengan izin, atau alat mewah yang selalunya digunakan oleh masyarakat yang mewah dan berkemampuan. Akan tetapi ianya menjadi satu alat penghubung yang sentiasa diperlukan oleh semua masyarakat, terutama sekali orang miskin dan duduk di tempat-tempat yang terpencil di dalam negara kita.

Dengan tiadanya alat telefon ini menjadi kesulitan kepada agensi-agensi pembangunan juga seperti Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) di mana baru-baru ini sejak awal bulan September, semua kakitangan-kakitangannya daripada Pengurus Besar, Pegawai-pegawai Kerani, Juruteknik-juruteknik, Enjinir-enjinir dan seterusnya buruh-buruh kasar telah berpindah lock, stock and barrel, dengan izin, semuanya ke Bandar Mu'adzam Shah, sebuah bandar baru di kawasan Wilayah Pahang Tenggara yang jarak jauhnya dari ibu negeri Pahang iaitu Kuantan kira-kira satu setengah jam dengan menggunakan kemudahan kenderaan kereta lebih kurang 130 kilometer atau lebih kurang 80 batu. Jumlah kakitangan yang berpindah ini tidak kurang daripada 800 orang termasuk keluarga-keluarga mereka. Apa yang ada kemudahan alat telefon ialah sebanyak tiga atau empat talian sahaja yang beribu pesawatkan sebuah stesen VHF yang berpusat di Bukit Ibam, sukar bagi penduduk-penduduk untuk menghubungi pihak-pihak yang berkenaan keluar Bandar Mu'adzam Shah oleh kerana talian-talian ini seringkali menghadapi kerosakan dan begitu juga panggilan ke Ibu Pejabat DARA selalunya menghampakan sama ada talian itu "engage" atau pendengaran yang tidak jelas. Kawasan di sekitar Pahang Tenggara ini luasnya diibaratkan seluas Negeri Sembilan campur Melaka atau dengan lain-lain perkataan seluas negeri Kedah.

Satu projek stesen pemancar mikro Bukit Sembilan yang letaknya berhampiran dengan Bandar Mu'adzam Shah sudahpun siap dan dijangka boleh digunakan bagi menampung sebanyak 1,000 talian bagi penduduk seramai 40,000 orang meliputi kawasan-kawasan di sekitarnya terutama sekali kawasan-kawasan pembangunan rancangan tanah FELDA Gugusan Tun Razak.

Stesen mikro ini sepatutnya telah boleh digunakan pada bulan April, 1984, akan tetapi amat mendukacitakan sekali sehingga ini iaitu lebihkurang 6 bulan masih lagi belum boleh digunakan. Kadang-kadang dalam mesyuarat yang saya hadiri iaitu Mesyuarat Penyelarasan yang dianjurkan oleh DARA ada sahaja masalahnya, yang dibangkitkan terutamanya gangguan udara, gangguan pokok-pokok tinggi dan sebagainya sehingga masa ini masih lagi belum boleh digunakan.

Saya meminta penjelasan daripada Kementerian yang berkenaan apakah sebabnya projek ini lambat siap seperti yang dirancangan. Peluang ini saya ambil juga untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kementerian ini oleh kerana apa yang kita ketahui bahawa negara kita mempunyai alat kelengkapan telekomunikasi yang termoden di rantau Asia Pasifik ini, bolehlah dikatakan setanding dengan kemajuannya dan teknologinya dengan negara-negara seperti Eropah dan Amerika Syarikat. Rekod kemajuan ini kita amat berbangga sekali oleh kerana Kementerian ini mempunyai rancangan pemodenan yang baik dan sentiasa menggunakan alat-alat yang termoden iaitu up-to-date dan latest, dengan izin.

Sekarang saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi, di atas Maksud Bekalan 59, Butiran 1, 2 dan 3, Maksud Pembangunan 59 Butiran Projek 1. Apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah mengenai Pejabat Pos di Bandar Mua'dzam Shah di mana ianya mempunyai seorang pegawai, seorang dua kerani sahaja dan dua orang Posmen. Ini untuk menampung keperluan 40,000 penduduk di sekitar kawasan Pahang Tenggara, dengan keadaan yang demikian tentulah tidak memuaskan dan perkhidmatan penghantaran surat dan perkara berkaitan dengannya. Saya mencadangkan supaya

kakitangan-kakitangan di Pejabat Pos berkenaan ditambah lagi untuk memenuhi hasrat dan permintaan mereka yang amat memerlukan perkhidmatan ini, begitu juga di kawasan-kawasan di luar bandar perlulah keutamaan diberi oleh kerana kadang-kadang kelewatan penghantaran surat memakan masa sehingga satu minggu hingga ke 10 hari baru sahaja sampai di destinasiya.

Adalah dimaklumkan bahawa di Bandar 22 atau di FELDA Gugusan Tun Razak tidak mempunyai Pejabat Pos. Kawasan ini mendapat perkhidmatan pos dari luar negeri iaitu dari negeri Johor, dari bandar Segamat. Keadaan ini tidak memberi kepuasan kepada penduduk-penduduk di sana, bagi pihak mereka saya melahirkan perasaan dukacita yang amat sangat oleh kerana Bandar 22 ini penduduk dalam negeri Pahang, akan tetapi alamat posnya ialah wakil atau Pejabat Pos Segamat, Johor.

Saya menyeru kepada Kementerian ini agar alamat-alamat pos di mana-mana juga di dalam negeri atau sesebuah negeri hendaklah mencerminkan kedaerahan dan kenegerian di mana tempat itu berasal, bukanlah seperti ini di mana tempatnya di negeri Pahang, tetapi alamatkan di negeri Johor. Saya menyeru agar perkara ini diperbetulkan dengan segera.

Tuan Pengerusi, sukalah saya menarik perhatian mengenai dengan posmen-posmen kita di seluruh negara ini, dan juga kakitangan Kementerian ini mempunyai lebih kurang 30,000 orang. Apa yang saya perhatikan baru-baru ini posmen-posmen kita telah membuat satu kerja yang baik bagi seluruh masyarakat, tidak mengenal hujan, tidak mengenal ribut, akan tetapi kita lihat mereka ini dengan basikalnya pergi ke rumah-rumah dan kawasan-kawasan tertentu untuk menyampaikan surat. Ada setengah-setengah daripada mereka

ini digigit anjing dan sebagainya, kepada mereka yang beragama Islam terpaksa bersamak dan sebagainya.

Saya juga difahamkan ada kakitangan-kakitangan dan pihak perkeranian telah diberi imbuhan elaun khas sebanyak \$40 pada tiap-tiap bulan sejak tahun 1971, tetapi sehingga ini elaun-elaun gerakan ini tidak diberi lagi dan memandangkan dengan adanya penambahan kerja-kerja yang dibuat oleh Pejabat Pos sehingga diadakan Pusat Setempat di mana kita boleh membayar bil elektrik dan sebagainya, beban tanggungjawab mereka ini begitu tinggi sekali, perkara ini harus diberi perhatian oleh Kementerian terhadap mereka ini.

Suatu lagi perkara yang baru-baru ini saya lihat bahawa posmen-posmen kita mempunyai uniform yang baru. Saya difahamkan bahawa mereka menaiki basikal secara kumpulan keluar dari Pejabat Pos seramai 10-12 orang, maka begitu takjub saya melihatnya mereka ini dengan topi kasarnya, sekali imbas saya rasa seperti zaman Bintang Tiga, topinya begitu besar sekali, tetapi apa yang menarik perhatian saya mengenai dengan perkara ini juga tergambar semasa pemerintahan Jepun, Jepun menakluki Malaya ini, mereka datang daripada negeri Siam dengan menaiki basikal, itulah gambaran yang dapat kepada saya.

Saya juga menarik perhatian kepada ucapan dalam satu ceramah yang dibuat oleh Timbalan Menteri kita mengatakan bahawa negara kita telah maju, banyak jutawan-jutawan dari kaum bumiputera hasil dari Dasar Ekonomi Baru di mana kita lihat mereka ini menggunakan kereta-kereta besar seperti Rolls Royce, dengan driver dan sebagainya, tidak lagi singgah di gerai-gerai kecil untuk makan, tidak ada standard, terpaksa pergi ke Hotel Hilton, Regent dan sebagainya. Apa yang menarik perhatian saya di atas ucapan beliau

pada masa itu ialah beliau menyatakan bahawa sekarang ini orang tidak endah lagi melihat sesiapa yang membeli basikal baru, kalau dahulunya kita lihat di sebuah kampung ada basikal baru maka dikeropak lihat spokenya, begitu berkilat dan sebagainya.

Sekarang orang tidak endah lagi berkenaan basikal ini, inilah kaitannya, hasrat itu dan saya puji oleh kerana saya lihat posmen kita yang naik basikal itu sudah out-of-date, hendaklah diberi dengan Honda-honda supaya kita lihat di kawasan-kawasan begitu baik sekali mereka yang menghantar seperti surat-surat-khabar dicampak-campak dengan menggunakan Honda yang berkeupayaan 75cc dan sebagainya. Saya harap perkara ini dipertimbangkan oleh Kementerian supaya basikal-basikal buruk dibuang sahaja, dihapuskan dan digantikan dengan motosikal-motosikal Honda yang baru sepertimana yang dihasratkan oleh Timbalan Menteri itu dan saya juga berharap bahawa mereka ini boleh menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan lagi, oleh kerana kita lihat pagi-pagi hari apabila wakil-wakil surat-khabar kita menyampaikan akhbar-akhbar, mereka menggunakan kenderaan ini. Ini boleh menambahkan lagi pengeluaran mereka dan banyak lagi surat-surat boleh dihantar ke kawasan-kawasan yang tertentu

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat panjang lagikah?

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Sedikit lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Boleh menggulung kerana ada banyak lagi yang hendak berucap.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi.

Mengenai dengan bekalan elektrik, saya suka menyatakan di sini bagi

pihak penduduk-penduduk di luar bandar, bahawa sekarang kita mempunyai bekalan elektrik ke luar bandar selama 12 jam dan ada setengahnya tidak mendapat langsung. Saya berharap bahawa bekalan elektrik yang diadakan 12 jam itu ditinggikan kepada terus-menerus 24 jam dan yang tak ada itu diberi perhatian utama supaya mereka ini dapat menikmatinya.

Syarat-syarat yang dikenakan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, saya difahamkan bahawa nisbah hendak mengadakan bekalan elektrik ini ialah mesti ramai penduduk di satu kawasan ataupun harganya tidak begitu mahal, tetapi apa yang kita dapati pada hari ini bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri telah mendapat peruntukan geran-geran yang begitu banyak memandangkan berasas kepada kawasan-kawasan yang tidak maju, tidak lagi memberi geran atas nisbah penduduk yang banyak. Jadi, saya harap Kementerian ini memberi pertimbangan, salah satu daripada syarat ialah taburan penduduk disekitar kawasan luar bandar itu hendaklah diberi perhatian bukan dengan harga kos sahaja.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah. Di atas kesempatan yang diberi kepada saya, saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari SibU.

5.42 ptg.

Tuan Ling Sie Ming (Sibu): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos di bawah Maksud Pembangunan 57; Butiran 25; Maksud Pembangunan 58, Butiran 1; dan Maksud Pembangunan 59, Butiran 21.

Tuan Pengerusi, seperti yang dilakukan dalam tahun-tahun yang lepas, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah diberi peruntukan yang besar bagi tahun 1985 berjumlah sebanyak \$1,171.16 juta, 81% daripada peruntukan tersebut berjumlah sebanyak \$949.5 juta telah diperuntukkan untuk tujuan pembangunan. Perbelanjaan yang begitu besar adalah bukti tentang hasrat Kerajaan untuk menambah pelaburan dalam satu sektor yang akan memainkan peranan yang lebih penting untuk membekalkan perkhidmatan asas kepada rakyat keseluruhannya. Oleh kerana tenaga, pos dan telekom adalah keperluan asas rakyat, Kerajaan haruslah mengambil langkah-langkah yang wajar agar memperbaiki serta mengembangkan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

Memandangkan krisis tenaga atau "energy crisis", dengan izin, yang akan mengancam dunia pada masa depan yang disebabkan oleh kekurangan punca-punca minyak mentah, Kerajaan telah merancang satu pelan induk untuk mempelbagaikan sektor tenaga di Malaysia.

Tuan Pengerusi, pihak Kerajaan bertujuan juga untuk menggantikan minyak dengan elektrik hidro sebagai salah satu punca tenaga yang penting. Langkah ini adalah baik dan sesuai kerana air adalah sumber alam yang kaya di negara kita dan ianya merupakan satu punca tenaga yang lebih murah daripada punca-punca lain.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, saya ingin menyarankan sedikit sebanyak pandangan saya terhadap satu projek elektrik hidro terbesar yang dicadangkan untuk dibina di Bakun, Sarawak. Saya dimaklumkan bahawa suatu kajian kemungkinan juga telah dijalankan oleh pihak Kerajaan

terhadap kemungkinan membina projek itu yang akan menelan perbelanjaan sebanyak \$10 billion. Pada pendapat saya projek ini tidak diingini dan pelaksanaannya patutlah dikaji semula oleh pihak Kerajaan.

Pertama, negara kita tidak mempunyai wang dan perbekalan yang mencukupi untuk melancarkan projek itu, maka pihak Kerajaan akan terpaksa meminjam wang daripada sumber-sumber asing. Buat masa sekarang, negara kita masih menderita kesan-kesan buruk daripada kemelesetan ekonomi dunia. Defisit besar wujud di dalam mengimbang pembayaran perdagangan. Jumlah wang yang dipinjam oleh pihak Kerajaan berjumlah sebanyak \$57 billion dan khidmat pinjaman yang amat tinggi. Oleh yang demikian, kita tidak mampu melaksanakan projek elektrik hidro ini yang hanya akan mendapat pinjaman luar.

Yang kedua, sekiranya projek yang dicadangkan itu dilaksanakan, beribu-ribu orang Iban terpaksa dipindahkan dari tempat projek ini. Perpindahan beribu-ribu isi rumah itu

Tuan Justine anak Jinggut:
(*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Ling Sie Ming: Tak boleh.

Tuan Pengerusi: Tak boleh!

Tuan Ling Sie Ming: akan menyebabkan masalah sosial yang teruk kepada orang-orang yang terlibat. Masalah sosial yang serius telah timbul apabila beribu-ribu orang Iban berpindah apabila projek letrik hidro di Batang Ai, Bahagian Kedua, Sarawak dilaksanakan. Mereka terpaksa menyesuaikan diri dengan satu cara hidup yang baru. Mereka yang tidak pernah hidup di bawah "cash economy", dengan izin, dengan tiba-tiba perlu membuat bayaran untuk elektrik, air dan lain-lainnya.

Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan agar satu kajian sosial khas dijalankan ke dalam rancangan perpindahan di Batang Ai untuk menentukan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang yang terlibat supaya mengelakkan kesilapan yang sama berlaku pada masa depan.

Yang ketiga, projek elektrik hidro yang begitu besar akan mengancamimbangan "eco-system" di Bakun. Baru-baru ini pihak Kerajaan telah membatalkan satu projek elektrik hidro di Timpeling supaya mengelakkan alam sekitar dan hidupan liar daripada dirosak. 3 projek di Bakun dilaksanakan. Kebanjiran beribu-ribu ekar akan mengakibatkan kesan-kesan yang lebih luas serta buruk kepada semua jenis "flora" dan "fauna", dengan izin, dan satu kawasan yang paling indah akan dibunuh.

Yang keempat, Tuan Pengerusi, pihak Kerajaan juga mengkaji kemungkinan eksport tenaga elektrik yang dikeluarkan di Bakun melalui satu kabel di bawah laut yang menyambung terminal di Sarawak dengan terminal di Semenanjung Malaysia adalah dianggarkan bahawa kos untuk memasang kabel itu adalah sangat tinggi. Peruntukan ini ialah satu "lantar" bahawa pembinaan pelan induk hidro bukanlah dibuat demi kepentingan rakyat Sarawak, tetapi bagi kepentingan rakyat di Semenanjung Malaysia.

Yang kelima, beberapa projek yang besar telah menghadapi masalah-masalah yang disebabkan oleh mutu kerja yang rendah. Keretakan telah dihadapi di Pelabuhan Kuantan sejak projek itu siap dibina. Semasa di Pulau Pinang sebahagian jambatan telah jatuh ke dalam laut. Rakyat memang akan mendoakan sama ada kita berupaya menjalankan suatu projek raksaksa seumpama itu di Bakong tanpa berlakunya apa-apa bencana kerana Projek Bakong tidak akan dapat membekalkan elektrik kepada

kira-kira 5,000 kampung-kampung yang tersibar di seluruh negeri Sarawak kerana kos untuk membekalkan elektrik yang terbesar menyeberangi bukit-bukit, gunung-gunung, hutan dan sungai adalah terlalu tinggi.

Tuan Pengerusi, apa yang perlu ialah siri pelan-pelan hidro elektrik yang kecil yang menggunakan sumber-sumber air tempatan untuk memenuhi keperluan-keperluan tempatan.

Satu lagi sumber tenaga ialah tenaga solar (solar energy). Tenaga solar adalah sangat berguna untuk membekalkan elektrik kepada rumah-rumah panjang yang terletak di kampung-kampung. Kerajaan hendaklah menjalankan penyelidikan untuk membekalkan sel-sel solar yang murah dan berkesan yang sesuai digunakan dalam rumah-rumah panjang.

Tuan Pengerusi, begitu juga gas asli yang terdapat dengan banyaknya di Sarawak hendaklah digunakan dengan lebih banyak. Gas asli boleh diangkat ke rumah-rumah individu seperti air paip.

Saya juga ingin menyentuh mengenai penswastan Telekom. Nampaknya rancangan Kerajaan untuk menswastakan Telekom bukanlah untuk menggalakkan kepada syarikat-syarikat swasta tetapi untuk menjadikan Jabatan Telekom sebagai suatu Agensi Di Luar Belanjawan. Ini tidaklah diingini kerana sebab-sebab berikut:

- (1) Kerajaan masih terpaksa memberi peruntukan besar kepada agensi tersebut.
- (2) Kerajaan tidak boleh mengurus secara langsung dengan pentadbiran dan pengurusan agensi tersebut.
- (3) Apabila berlakunya kerugian Kerajaan terpaksa menanggung kerugian.

(4) Bagaimanakah firma perkhidmatan gaji dan pencen skim penswastannya.

(5) Tidak ada jaminan bahawa perkhidmatan telefon akan bertambah baik akibat penswastan.

Buat masa ini pun kita menghadapi berbagai masalah berkaitan dengan perkhidmatan Telekom. Kelambatan berlaku dalam membuat pembaikan atau dalam memproseskan permohonan untuk mendapatkan telefon. Kesemua ini adalah aduan-aduan yang sering dibuat.

Tuan Pengerusi, over billing, dengan izin, juga adalah satu lagi masalah serius. Bilangan pelanggan-pelanggan yang membayar \$50 sebulan tiba-tiba mendapati bil mereka melambung naik sehingga berpuluh-puluh ribu ringgit dan biasanya pelanggan berkenaan tidak dapat berbuat apa-apa. Beliau sama ada akan membayar bil yang diterimanya atau mendapati kemungkinan telefonnya itu dipotong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta gulungkan ucapan Yang Berhormat.

Tuan Ling Sie Ming: Ya, saya minta supaya diberi 2 minit.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Tuan Ling Sie Ming: Tuan Pengerusi, mengenai Perkhidmatan Pos, saya menyeru supaya perkhidmatan pos di luar bandar diperbaiki lagi dengan menyediakan Pejabat-pejabat Pos yang lebih serta melantik Wakil-wakil Pos yang lebih khusus khususnya di Sarawak.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada pengambilalihan Sarawak Electricity Supply Corporation (SESCO) oleh pihak Persekutuan. Langkah ini telah dicadangkan tetapi belum dilaksanakan. Saya meminta Yang

Berhormat Menteri apabila memberi jawapan untuk melaporkan kepada Dewan yang mulia ini apakah Kerajaan telah mencapai di dalam hal mengambilalih SESCO itu dan adakah pihak Persekutuan bersetuju untuk membayar wang ganti rugi yang dipohon oleh Kerajaan Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bandau.

5.57 ptg.

Tuan Newman Gaban (Bandau): Tuan Pengerusi, sebelum saya menyatakan sokongan saya terhadap Belanjawan bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, suka saya hendak menimbulkan beberapa perkara atau masalah-masalah dengan ringkas sahaja yang mana saya berharap Yang Berhormat Menteri akan memberi pertimbangan.

Yang pertama saya suka menyatakan bahawa masih banyak permintaan daripada orang ramai bagi perkembangan kemudahan-kemudahan telefon dan elektrik, kedua-dua di bandar dan luar bandar. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana memperluaskan kemudahan-kemudahan elektrik dan telefon beberapa tahun yang lalu. Bagaimanapun perkembangan kegiatan-kegiatan sosial dan ekonomi di Sabah dalam masa-masa yang lampau adalah sangat banyak. Adalah dirasai bahawa perkembangan dalam peruntukan bagi kemudahan atau pekhidmatan elektrik dan telefon di Sabah tidaklah begitu besar ataupun tidak seimbang dengan perkembangan kegiatan ekonomi. Oleh itu terdapat keperluan yang besar untuk memperuntukkan lebih banyak perkhidmatan telefon dan elektrik di Sabah khususnya lebih banyak perhatian dan pertimbangan hendaklah diberikan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Sejajar dengan perkembangannya, kemudahan

telefon dan elektrik di bandar-bandar, di kawasan luar, ini akan menggalakkan lebih giatnya perkembangan ekonomi di kawasan luar bandar yang diperlukan sangat.

Tuan Pengerusi, yang kedua di kebanyakan bahagian di Sabah terutama kawasan luar bandar mutu perkhidmatan telefon adalah menyedihkan. Masalah-masalah ini termasuklah kesulitan sambungan cross line dan sebagainya. Kemudahan-kemudahan telefon tidak akan berkesan sekiranya seseorang tidak dapat membuat perhubungan antara kawasan-kawasan bandar dan antara ibu negeri dengan kawasan-kawasan bandar. Dalam hal ini saya berharap Kementerian akan menentukan supaya kemudahan-kemudahan yang sedia ada akan terus diselenggarakan dengan baik untuk memberi perkhidmatan yang bermutu.

Yang ketiga, saya suka hendak menyuarakan kemungkinan mengadakan perkhidmatan telefon tanpa talian radiophone bagi kawasan-kawasan terpencil. Saya tidak maksudkan panggilan antara stesyen dengan stesyen. Mungkin orang-orang luar bandar yang mampu boleh dibekalkan dengan radiophone. Saya berharap Kementerian akan menimbangankan perkara ini dan kiranya cadangan ini menguntungkan, timbangkanlah dengan mendalam.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin menyatakan bahawa Jabatan Telekom di Sabah memerlukan ramai kakitangan perkeranian untuk mempercepatkan kerja-kerja perkeranian atau jabatan akibat perkembangan kerja-kerja di bawah Jabatan Telekom Sabah. Saya telah difahamkan bahawa masalah ini tidak dapat diselesaikan sehingga sekarang oleh kerana kekurangan peruntukan dari Kementerian. Untuk tujuan pengambilan perkeranian bagi pihak Telekom Sabah, saya berharap

Kementerian meneliti perkara ini supaya masalah dapat diatasi dengan segera.

Akhirnya saya menyokong Belanjawan bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos tahun 1985. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Baling.

6.00 ptg.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana kesudian Tuan Pengerusi untuk mengizinkan saya turut serta membahaskan Belanjawan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos secara Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap bagi Maksud Pembangunan 59, Jabatan Perkhidmatan Pos, Butiran 1, Pejabat Pos dan Rumah-rumah Kediaman anggaran sebanyak \$543,932 yang mana saya nampak begitu kecil sekali peruntukan ini.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini di atas kedudukan bangunan Pejabat Pos di Baling yang mana didirikan hampir 50 tahun lalu yang berumah kayu di tempat yang mana sekarang ini tidak sesuai lagi yang mana tidak mempunyai kawasan dan sentiasa terganggu dengan lalulintas dan bangunannya bukan sahaja lama bahkan didapati sangat sempit dan tidak lagi berpatutan.

Bangunan "Pos Office" yang daif ini menjadi tempat tumpuan seluruh rakyat Baling dalam bidang perhubungan juga seperti termaklum "post office" sekarang telah dipeluaskan bidang khidmat dan tugasnya yang mana semuanya menjadi tempat membayar bil-bil, menerima dan menghantar surat-surat bungkusan dan telegram, menerima wang-wang kiriman dan sebagainya.

Oleh itu, saya berharap pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dapat membina bangunan pos baharu dengan segera di pekan Baling kerana tapak baharu telah disediakan, hanya menunggu peruntukan bangunan sahaja. Untuk makluman Tuan Pengerusi, pada dua tahun yang lalu pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah memberitahu bahawa peruntukan untuk bangunan ini telah pun ada, hanya menunggu tapak sahaja untuk dibina. Alhamdulillah, pada masa sekarang tapak telah sedia ada dan diharap pihak Kementerian ini hendaklah membina dengan segera. Antara lain juga diharap rumah pegawai juga hendaklah didirikan untuk memudahkan pegawai mendapat tempat tinggal terutama sekali di daerah luar bandar yang mana rumah susah didapati untuk disewa.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, bagi tujuan dua projek iaitu membina bangunan pos dan rumah-rumah kediaman saya mencadangkan supaya ditambah peruntukan kerana didapati begitu sedikit sekali. Bahkan keperluannya adalah sangat dikehendaki.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menarik perhatian kepada Maksud Pembangunan 57—Rancangan Mini-Haidero muka surat 266. Saya berharap pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos hendaklah mengambil berat dan perhatian dan mengkaji dengan sesungguhnya dan sedalamnya supaya mana-mana satu projek mini-haidro yang hendak didirikan akan dapat berjalan dengan teratur dan akan menghasilkan buah dengan baik.

Di kawasan saya terdapat dua projek yang mana satu diantaranya gagal dan lambat disempurnakan dan satu lagi mengeluarkan bekalan api elektrik tidak berpatutan yang mana begitu kecil sekali jana kuasa yang boleh didapati daripada projek

tersebut. Projek gagal dan lambat disempurnakan itu ialah projek di Kampong Iboi Kupang. Projek ini telah menemui jalan buntu iaitu bangunan rumah untuk tujuan tersebut dibina di tempat yang tidak sesuai iaitu di bawah bukit yang mana boleh ditimpa oleh ketul-ketul batu yang mengakibatkan kerosakan binaan rumah tenaga tersebut dan juga dibina di kawasan rendah yang mana kemungkinan akan dilanda oleh banjir.

Dan satu projek lagi yang mengeluarkan janakuasa iaitu elektrik iaitu di rancangan di Kampung Asam Jawa, mukim Pulaui. Projek ini manakala siap hanya beberapa buah rumah sahaja dapat mengambil nikmat api dari projek tersebut bahkan di kawasan projek tersebut ada mempunyai lebih kurang 250 buah rumah. Tetapi apa yang didapati hanya 50 buah rumah sahaja akan mendapat nikmat daripada rancangan tersebut.

Oleh itu diharap pihak Kementerian akan mengkaji sedalam-dalamnya supaya tiap-tiap projek mini-haidro dibina bukan sahaja akan dapat dibina mengikut program, bahkan akan menjamin rakyat jelata mendapat nikmat daripada projek tersebut dengan erti kata yang sebenarnya dalam jangka masa yang berpatutan.

Buat mengakhirinya Tuan Pengerusi, saya berharap dalam bidang pembekalan elektrik LLN atau BELB dan bagi semua rancangan yang telah diluluskan di kawasan Baling sebanyak \$2.5 juta bagi beberapa buah kampung yang mana akan mendapat bekalan baharu dan ada di antaranya tiga buah kampung akan mendapat penuh khidmat daripada 12 jam kepada 24 jam hendaklah dilaksanakan segera kerana rakyat jelata khususnya rakyat Baling telah lama menunggu bertahun-tahun nikmat bekalan elektrik.

Tuan Pengerusi, buat mengakhirinya dalam bidang perkhidmatan telefon luar bandar, saya mengucapkan tahniah dan berterima kasih banyak kepada Kementerian yang mana telah sedar di atas keperluan ini yang mana telah meluluskan sebanyak 20 buah pondok telefon orang ramai di kawasan Baling yang dikenal sebagai kawasan pendalaman dan juga kawasan sempadan hanya menunggu pelaksanaannya sahaja. Oleh itu diharap dapat dibina dengan segera bagi projek tersebut. Sekian, saya menyokong Belanjawan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Lubok Antu.

6.07 ptg.

Tuan Andrew Janggi Muyang (Lubok Antu): Tuan Pengerusi, saya ingin menyetujui Maksud Pembangunan 57 muka surat 266 dan 267 Butiran 25 (ii), tajuk Batang Ai Haidero-Letrik dan butiran 25 (v) (b) bertajuk Rumah Panjang.

Akibat pembinaan projek Batang Air Haidero-Letrik di daerah Lubok Antu, Sarawak sejumlah 21 buah rumah panjang dan 5 buah sekolah rendah di kawasan "danger zone", dengan izin, yang akan ditenggelami air terpaksa dipindahkan ke kawasan penempatan semula (resettlement area), dengan izin. Pemandahan penduduk-penduduk dari 21 buah rumah panjang dan 5 buah sekolah rendah dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama mengandungi 10 buah rumah panjang dan 3 buah sekolah rendah yang sudah lama selesai dan peringkat kedua mengandungi 11 buah rumah panjang dan 2 buah sekolah rendah yang baharu sahaja selesai bulan lepas.

Tuan Pengerusi, kepada penduduk-penduduk daripada 11 buah rumah panjang yang dipindahkan dalam peringkat kedua mereka di saat ini

tidak mempunyai rumah oleh sebab rumah panjang mereka yang dibina di bawah jagaan Suruhanjaya Perumahan Negeri Sarawak belum siap dan mengikut jadual rumah-rumah ini sepatutnya siap dalam bulan Ogos atau September yang lalu.

Oleh hal yang demikian, penduduk-penduduk ini terpaksa membuat pondok-pondok sendiri sementara menunggu rumah-rumah mereka siap dibina dan begitu juga guru-guru dan murid-murid daripada 5 buah sekolah rendah ini terpaksa ditumpangkan kepada sekolah-sekolah di sekitar daerah Lubok Antu.

Tuan Pengerusi, perkara seperti ini seharusnya tidak berlaku jika pihak yang bertanggungjawab iaitu "Special Task Force Committee" yang ditugaskan untuk menjalankan tanggungjawab itu mengkaji secara mendalam akan akibatnya apabila penduduk-penduduk ini dipindahkan apabila ampangan Batang Air itu siap nanti.

Kelewatan membina rumah panjang mereka menjadikan mereka terpaksa membuat pondok-pondok sementara di sekitar kawasan penempatan semula, seolah-olah keadaan ini menjadikan kawasan penempatan orang-orang pelarian.

Tuan Pengerusi, saya ingin merayu kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri agar masalah-masalah yang saya sebutkan dapat diselesaikan dengan seberapa segera.

Saya juga ingin memberitahu Kementerian yang berkenaan dan Kerajaan Negeri agar wang pampasan dibayar dengan seberapa segera kepada penduduk-penduduk yang dipindahkan itu.

Tuan Pengerusi, saya telah pun difahamkan bahawa sebuah sekolah rendah yang baru di kawasan penempatan semula akan dibina dan mengikut jawapan daripada bekas Timbalan Menteri Pelajaran, Sekolah

Rendah Batang Air itu sepatutnya siap dibina dalam tahun ini juga. Tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, tapak pun belum disiapkan lagi, jangankan bangunan-bangunan sekolah itu sendiri.

Saya menggesa Kementerian berkenaan oleh sebab peruntukan membina sekolah itu sudahpun diluluskan, mengeluarkan arahan agar pembinaan dijalankan dengan secepat mungkin bagi mengelakkan guru-guru dan murid-murid yang ditumpangkan itu berpanjangan di sekolah-sekolah yang sempit dan tidak mempunyai kemudahan yang mencukupi.

Tuan Pengerusi, saya juga telah diberi tahu bahawa baru-baru ini Kementerian Pelajaran telah pun membelanjakan sebanyak \$100,000 untuk membina bangunan di Sekolah Rendah Kerajaan Lubok Antu dan projek itu dipanggil projek kilat yang dijalankan oleh anggota-anggota tentera dan Pasukan Polis Hutan kita. Saya bagi pihak Ibubapa dan Guru-guru di kawasan itu ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih saya kepada Kementerian Pelajaran, Angkatan Tentera dan Pasukan Polis Hutan yang terlibat di dalam projek kilat itu.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, kita bercakap di atas Kementerian Tenaga, Pos dan Telekom.

Tuan Andrew Janggi Muiyang:

Ya, Tuan Pengerusi, saya tahu tetapi saya ingin menyentuh sedikit sahaja.

Jadi sekarang kita beralih kepada muka surat 270, maksud Pembangunan P. 59—Jabatan Perkhidmatan Pos.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, jangan panjang sangat kerana selepas daripada ini saya akan minta Menteri menjawab.

Tuan Andrew Janggi Muyang: Saya ingat dua minit sahaja, Tuan Pengerusi. Butiran 21 Pejabat Pos dan Rumah-rumah Kediaman.

Tuan Pengerusi di dalam membahaskan Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) 1984 yang lalu, saya ada menyentuh beberapa perkara yang saya anggap penting kepada kawasan saya dan negeri Sarawak keseluruhannya.

Saya suka membangkitkan beberapa perkara yang bersangkutan dengan masalah dan keperluan perkhidmatan pos di kawasan pilihanraya saya khususnya dan juga mungkin sama di tempat-tempat lain umumnya. Yang pertama, saya berharap dengan kelulusan Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) 1984 yang lalu, Kementerian ini dapat membaiki dan mempertingkatkan lagi pembinaan bangunan-bangunan Pejabat Pos mana-mana yang masih belum memuaskan.

Pejabat Pos sepatutnya mempunyai bangunan-bangunannya sendiri di mana-mana sesuai sekalipun dalam bentuk pondok pos. Janganlah oleh kerana ketiadaan bangunan yang sesuai yang boleh disewa, Pejabat Pos diadakan di bahagian dapur pejabat lain sebagaimana Pejabat Pos Engklili di daerah Lubuk Antu. Ini menunjukkan, Tuan Pengerusi, imej yang tidak baik daripada jabatan itu sendiri dan juga tidak dapat memberikan perkhidmatan yang selesa kepada orang ramai. Oleh hal yang demikian, Tuan Pengerusi, saya ingin menyeru dan merayu sekali lagi kepada Kementerian ini agar bangunan untuk Pejabat Pos di Engklili itu dibina dengan secepat mungkin.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong angka perbelanjaan untuk Kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.28 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar): Tuan Pengerusi, awal-awal lagi saya mengambil peluang berterima kasih kepada semua yang mengambil bahagian seramai 6 orang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Walaupun saya perhatikan masih ada lagi yang berminat kepada Kementerian saya, tetapi oleh kerana masa pendek, saya akan ringkaskan juga ucapan saya sekarang untuk menepatkan masa.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada di antara cadangan-cadangan yang diberi itu boleh dibuat mengikut keadaan dan kemampuan; ada yang tidak boleh, mana yang tidak boleh memanglah dalam perancangan Kementerian saya juga berminat untuk memberi sebaik-baik mungkin perkhidmatan ke seluruh negara. Jadi adakalanya ada projek terlewat kerana peruntukan dan sebagainya.

Jadi saya juga maklum sebagaimana kita juga semua maklum bahawa keadaan kemelesetan ekonomi negara kita juga mempengaruhi peruntukan dan kemampuan Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang panjang bercerita membandingkan, pertamanya tentang Lembaga Letrik Negara yang sekarang ini telah mengambil alih satu khidmat daripada swasta dan banyak membandingkan masalah perkhidmatan antara swasta dahulunya dengan efisien dan sekarang ini apabila diambil alih oleh Lembaga Letrik Negara tidak begitu efisien.

Saya sendiri tidak dapat berhujah untuk berbanding tetapi segala yang dimaklumkan itu secara detilnya akan disiasat supaya kita sebaik-baik mungkin akan boleh setanding dengan yang terdahulu. Saya rasa walaupun

boleh dibahaskan yang mana lebih baik, pihak dahulu dan sekarang tetapi bolehlah kita mengambil maklum semuanya untuk diperbaiki.

Ada kawasan-kawasan alat-alat elektrik kerana voltan terlalu tinggi, saya rasa Chenderiang, salah satu yang disebutkan. Yang Berhormat mencadangkan satu perjumpaan harus diadakan dan ini akan saya arahkan dan sekiranya bersabit, ini adalah masalah kerana voltan terlalu tinggi hingga merosakkan. Mungkin dapat dirundingkan tentang pampasan atau ganti rugi pada kawasan itu.

Satu lagi perkara yang agak mengelirukan dibangkitkan juga tentang bayaran bil, iaitu Kampar dengan Tapah. Sebenarnya ada pengasingan dan ini pembahagian kerja dan ada masanya sudah bayar pun kerana tindakan untuk memotong datang daripada bandar yang satu lagi. Walau bagaimanapun ini diambil kira supaya perkara ini tidak terlalu kerap terjadi atau dihapuskan langsung. Ini adalah memperkemaskan perkhidmatan dan management sahaja. Insya Allah saya akan perhatikan ini. Sebenarnya perkara ini kerap juga berlaku di tempat-tempat lain dan sedang dalam perhatian pihak LLN untuk memperkemaskan.

Soalan satu lagi yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batang Padang ialah Pejabat Pos Bergerak tidak berhenti. Sebenarnya memang baru-baru ini kami juga membincangkan, kita dapati bahawa perkhidmatan jumlah kereta-kereta pos bergerak ini memang tidak cukup dan oleh kerana itu masih banyak kampung yang layak yang berhenti dan memberi perkhidmatan tidak dapat diselesaikan. Ini akan ditingkatkan dari masa ke semasa, mengikut kemampuan dan peruntukan diberi. Insya Allah akhirnya kita akan dapat sampai ke seluruh negara. Kalau tidak, Wakil Pos, Pos Bergerak atau Pejabat Pos

sendiri mengikut keadaan dan kemampuan perkembangan kita sekarang.

Saya pergi secara ringkas kepada Yang Berhormat dari Pekan. Panjang menceritakan tentang masalah talian talipon yang hanya ada tiga tempat sahaja di Bandar Mu'adzam Shah yang sekarang sudah menampung 800 pekerja daripada DARA dan juga ada jadi penduduk-penduduk lain di situ yang menimbulkan masalah perkhidmatan yang lebih cekap. Dan menanyakan mengapakah satu stesyen di Bukit Sembilan masih belum dapat dijalankan dan sepatutnya siap dan dapat dijalankan pada bulan empat tahun ini. Saya akan buat siasatan lanjut dalam perkara ini dan saya rasa memang ada satu masalah pokok dalam hal ini dan saya akan cuba selesaikan dengan cepat.

Tentang mengadakan Pejabat Pos

Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Ya, sila. Dia beri jalan.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Minta penjelasan. Apa juga masalah mengenai Bukit Sembilan ini, semuanya sudah siap. Apa yang saya fahamkan bahawa sistem micro, signal daripada Kuantan dan sebagainya kurang terang, tetapi ini makan masa begitu lama. Segala-galanya sudah siap. Itulah sebabnya mengapa saya hendakkan jawapan yang tepat.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar: Tuan Pengerusi, oleh kerana secara kasarnya semua sudah siap, masih tidak dapat dijalankan perkhidmatannya, itulah saya rasa tentu ada keterangan yang lebih teknikal, lebih mendalam dalam hal ini. Saya percaya kalau sekiranya semua siap, boleh jalan, tidak ada sebab perkara ini tidak berjalan. Tentulah ada kewibawaan yang lebih

besar yang masih rumit untuk diselesaikan oleh pihak Telekom. Saya mohon, Tuan Pengerusi, supaya perkara ini dapat disiasat oleh Kementerian saya untuk menyelesaikan dengan segera seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat dari Pekan tadi.

Sebenarnya satu lagi yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Pekan ialah tentang Pejabat Pos di Bandar Tun Razak, iaitu sebenarnya ada satu rancangan di bawah Rancangan Malaysia Ke-empat, memang ada untuk ditempatkan satu Pejabat Pos di Bandar Tun Razak. Tetapi oleh kerana keadaan meleset dan peruntukan tidak mencukupi ianya akan ditangguhkan kepada Rancangan Malaysia Ke-lima.

Satu lagi yang dibangkitkan juga berkenaan perkhidmatan pos di Pahang dan kalau ianya dalam Pahang, haruslah ia menggambarkan kedaerahan. Alamat surat itu tidaklah melalui Segamat, Johor. Sebenarnya di Pejabat Pos ini mempunyai satu sistem iaitu yang lebih praktiknya ialah kita gunakan pejabat-pejabat yang paling hampir dengan bandar yang hendak dijalankan khidmat sementara kita belum dapat membina Pejabat Pos ditempat tertentu. Jadi Bandar Tun Razak ini mengikut perkiraan dan pentadbiran Pejabat Pos lebih hampir dengan Segamat daripada bandar-bandar lain di Pahang. Jadi, itulah dipakai alamat Segamat dan ini bukan bererti bahawa Bandar Tun Razak sudah dikuasa oleh Johor atau dalam Daerah Segamat sebenarnya—tidak ada kait-mengait. Ini hanya dari segi praktikal operasi sahaja.

Satu lagi yang dibangkitkan juga ialah tentang keadaan posmen-posmen menggunakan basikal, dan ini agaknya tidak lagi mengikut zaman dan seharusnya macam zaman-zaman kita dijajah dahulu. Kementerian saya memang sedang berusaha untuk kalau boleh sekaligus menghilangkan

Perkhidmatan Pejabat Pos ini dengan basikal. Dan kali ini bolehlah saya sebutkan di sini sedang merangkakan satu perancangan supaya kita akan adakan satu sistem posmen-posmen boleh meminjam dengan satu "trust fund" atau "revolving fund", dengan izin, supaya meminjam untuk membeli kenderaan untuk perkhidmatan mereka dan segala perjalanan mereka itu dapat dituntut. Berbeza dengan sekarang ini kita terpaksa membeli dan hanya digunakan semasa hendak menghantar surat-surat sahaja. Jadi, ini saya kira ada banyak masalah dari segi maintenance, dengan izin, atau penyelenggaraan kenderaan itu dan masalah keselamatan kenderaan semasa tidak digunakan. Dan sekiranya kalau dapat posmen ini membeli dengan pinjaman daripada Pejabat Pos, ianya boleh digunakan selepas kerjanya untuk persendirian dan sekaligus dapat menjaga dengan baik. Dan kami kira dari segi ekonomi pun ini akan lebih mengurangkan dari segi penyelenggaraan kenderaan-kenderaan ini dan boleh juga dengan revolving fund tadi, dengan izin, menambahkan dengan lebih cepat lagi jumlah-jumlah kenderaan motor, tidak semestinya Honda. Ada motor-motor lain lagi yang lebih baik lagi barangkali daripada Honda itu dan ini terpulung kepada masing-masing dan kita akan specify tentang perkara itu.

Ada juga disebutkan tentang kelewatan surat-surat di Pekan sendiri. Jadi, ini saya rasa perkara biasa yang selalunya kalau dapat makluman kepada Pejabat Pos, kita akan siasat lebih mendalam supaya dapat kita perkemaskan.

Bandar Pekan juga diceritakan tentang bekalan elektrik 12 jam harus ditingkatkan dengan segera kepada 24 jam dan yang tiada diberi keutamaan supaya menyeluruh dan ini memanglah satu dasar Kementerian saya. Sebenarnya satu lagi yang hendak diingatkan dari segi pentadbiran, peruntukan-peruntukan

bagi bekalan elektrik luar bandar adalah dijaga oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Pihak LLN hanya menjalankan apa yang diputuskan, ditetapkan atau diberi kelulusan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sahaja. Setiap ada kelulusan, kita akan jalankan. Setakat hari ini kita dapat menjalankan dengan memuaskan apa yang telah ditetapkan oleh Kementerian ini.

Yang paling menarik dalam perbincangan ini ialah daripada Yang Berhormat dari Sibu yang dengan panjang lebar menceritakan perancangan elektrik di Bakun. Dia menyebutkan supaya Kerajaan satu ketika mengatakan harus mengkaji semula tetapi daripada ucapannya seolah-olah tidak usah langsung Kerajaan menjalankannya.

Sebenarnya masih dalam kajian dan kita akan mengkaji semua aspek dari segi ekonomi viabilitinya, dari segi social implication dan semua aspek-aspek lain, termasuk yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sibu tadi, tetapi di antara perbincangan yang paling menarik walaupun adakalanya saya kurang mengikuti kerana sebutannya tidak begitu tepat ialah ada satu perkataan—satu ayat yang menyatakan projek ini kalau dijalankan lebih menguntungkan pihak Semenanjung tetapi tidak kepada Sarawak. Dia sebut dalam kaitan dengan marine cable—satu talian di bawah dasar laut. Ini seolah-olah tergambar satu sikap Yang Berhormat sendiri seolah-olah Sarawak bukan sebahagian daripada Malaysia. Sebab kita membuat projek hydro ini di merata-rata negeri dalam Malaysia, di Perak, di Terengganu, di Pahang, Cameron Highlands dan sebagainya, saya tidak pernah dengar suara daripada mana-mana Yang Berhormat datang dari negeri-negeri tersebut mengatakan ini tidak menguntungkan negeri itu, banyak

disalurkan kepada grid line kepada negeri-negeri lain. Jadi ada satu sikap yang kurang menyenangkan kepada saya, itulah yang paling menarik, hujah-hujah lain itu memang dalam pengkajian kita dan sekiranya difikirkan termasuk pinjaman dan sebagainya termasuklah dari segi kemampuan Kerajaan meminjam dari segi deficit dan sebagainya, kita akan ambil kira semua sekiranya sesuai, memberi manfaat kepada negara ini, kita akan jalankan.

Satu lagi yang juga dibangkitkan tentang over billing ataupun tuntutan bayaran telefon yang berlebihan. Mengikut Jabatan Telekom, dari hasil kajian penyelidikan yang dibuat kebanyakan pelanggan-pelanggan menggunakan telefon ini secara langsung atau tidak, dan pelanggan dikehendaki membayarnya dahulu sebelum diselidik tentang komplek, tentang tuntutan bil itu terlalu tinggi. Sekiranya didapati benar barangkali dari segi kesilapan, dari segi meter dan sebagainya, kita akan mengurangkan mengikut apa yang kita dapat siasat. Walau bagaimanapun, tentang bil ini saya dari segi Kementerian masih sedang mengkaji supaya maklumat yang diberi itu lebih tepat dan lebih menyenangkan, sebagai satu keterangan kepada pelanggan-pelanggan. Kebanyakan kes yang saya temui adalah masalah memahami keadaan-keadaan billing dan sebagainya.

Satu perkara juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sibu tentang SESCO iaitu tentang pengambilalihan Kerajaan Persekutuan kepada Badan Elektrik Sarawak. Setakat ini rundingan masih lagi sedang berjalan di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri mengenai pembayaran pampasan atau ganti rugi di atas pengambilan alih SESCO dan berbagai-bagai aspek lagi. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Akta SESCO, Kerajaan Persekutuan akan

membayar pampasan itu sebaik-baik sahaja persetujuan di antara kedua pihak ini dapat dicapai. Dari segi kedudukannya, kita masih sebagai dituntut untuk mendapat kedudukan perkara ini, perkembangan ini kita masih dalam perundingan dalam aspek-aspek pembayaran ganti rugi dan berbagai-bagai lagi perkhidmatan, personnel dan sebagainya. Insya Allah, dalam masa awal tahun depan kita berkemungkinan besar dapat selesaikan perkara ini.

Yang Berhormat dari Bandau juga menyertai perbincangan ini, satu perkara dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bandau ialah tentang kurangnya perkhidmatan telefon. Ini memang menjadi hasrat Kementerian ini supaya di kawasan-kawasan seumpama Sabah yang masih berkehendakkan banyak perkhidmatan telefon akan ditingkatkan secepat mungkin dan sebaik mungkin.

Satu lagi perkara juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bandau ialah tentang radiophone atau yang kita pakai satu nama di pejabat telefon ialah ATUR (Automatic Telecommunication Using Radio) ringkasnya (acronym) Atur. Ini bolehlah saya umumkan di sini kita telah pun menjalankan projek ini dan transmission sudahpun siap, pada akhir tahun ini sebahagian besar Semenanjung akan dapat menggunakan radiophone ini dan pada akhir tahun 1985 seluruh negara, insya Allah, akan siap dan boleh digunakan di mana-mana sahaja. Ini bolehlah digunakan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu oleh orang-orang perseorangan yang mampu tetapi duduk berjauhan.

Yang Berhormat dari Baling juga menyertai perbincangan ini, satu perkara yang dibangkitkan ialah tentang keadaan bangunan Pejabat Pos yang uzur. Ini memanglah disedari sangat oleh Jabatan Pos dan juga

Kementerian, dan kita berharap benar supaya dapat kita bina semula yang baharu, lebih besar dan lebih moden di Rancangan Malaysia Kelima. Kita akan masukkan sekali kehendak Yang Berhormat tadi iaitu rumah kediaman pegawai berserta dengan projek tersebut.

Yang akhir sekali ialah Yang Berhormat dari Lubuk Antu. Sebenarnya dibangkitkan juga tentang masalah hydro di Batang Ai. Perkara ini sebenarnya adalah satu projek yang dijalankan oleh SESCO pada waktu dahulu dan sekarang ini masih merupakan projek itu projek badan Kerajaan Negeri iaitu SESCO itu. Masalah berkaitan penempatan semula penduduk di Batang Ai itu adalah merupakan urusan Kerajaan Negeri waktu ini. Jadi, Kerajaan Persekutuan masih belum dapat mencampuri dalam hal itu. Walau bagaimanapun, setakat yang diketahui pihak Kerajaan Negeri ada menubuhkan jawatankuasa pemandu bagi projek Hydro Batang Ai yang dianggotai oleh pegawai-pegawai negeri untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dibangkitkan.

Salah satu perkara juga dibangkitkan yang agak menarik oleh Yang Berhormat dari Lubuk Antu ialah tentang Pejabat Pos di Engkelili, saya rasa sudah dua kali saya dengar dalam Dewan yang mulia ini duduknya di bahagian dapur. Ada sekali saya pernah dengar dia kata bahagian jamban, dengan izin. Sebenarnya kita amat maklum dan kita bercadang supaya dapat kita jalankan pembinaannya di tahun hadapan, insya Allah.

Tuan Pengerusi, saya rasa setakat itu sahaja yang saya dapat menjawab, saya percaya ada di antara soalan-soalan itu yang dibangkitkan itu tidak dapat saya jawab. Walau bagaimanapun, saya sendiri ada nota-notanya, pegawai-pegawai saya juga ada dalam Dewan yang mulia ini dan

kita akan ambil kira semua dan mengambil nota untuk menjadi panduan dan perkiraan kita dalam perancangan kita masa depan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$75,891,100 untuk Maksud B. 57; \$10 untuk Maksud B. 58 dan \$145,731,300 untuk Maksud B. 59 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$75,891,100 untuk Maksud B. 57; \$10 untuk Maksud B. 58 dan \$145,731,300 untuk Maksud B. 59 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$364,896,313 yang disebutkan dalam Maksud P. 57; \$577,673,000 untuk Maksud P. 58 dan \$6,964,194 untuk Maksud P. 59 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$364,896,313 untuk Maksud P. 57, \$577,673,000 untuk Maksud P. 58 dan \$6,964,194 untuk Maksud P. 59 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

Maksud B. 60 (Jadual)—

Maksud P. 60 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B. 60 dan Maksud P. 60 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sungai Petani.

6.41 ptg.

Wan Zainab binti M.A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Maksud B. 60 Kementerian Kebajikan Masyarakat, muka surat 275, Butiran 1—Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, saya teliti di sini kalau tidak salah tidak ada tercatat Rumah Orang-orang Tua Bidong. Mungkin sebab namanya ditukar, saya pun terlupa nama rumah Orang-orang Tua itu. Jadi, Tuan Pengerusi, di Rumah ini ada mempunyai lebih dari 300 orang penghuni, mereka ini berbilang kaum iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Pentadbirannya adalah baik, tiap-tiap bulan ada mesyuarat Lembaga Rumah itu, Penguasa Kakitangan dan lawatan Lembaga adalah memuaskan, patutlah diberi kepujian.

Yang saya hendak bangkitkan di sini ialah masalah berkenaan dengan pembayaran kepada kematian. Kalau tidak salah saya, apabila seseorang mati, tidak kira apa bangsa, kalau tidak salah saya dibayar \$150 untuk pengebumian bagi sesuatu kematian. Sekarang kita semua tahu semua harga barang mahal. Bagi mayat orang Islam, kelengkapan bagi mayat adalah kain putih, keranda, gali liang, mandi mayat, kereta mayat. Jadi \$150 ini saya rasa tidaklah mencukupi kerana yang tidak kena bayar pun kalau beri orang biasa sembahyangkan mayat pun dibayar ataupun diberi sedekah, tetapi bagi orang-orang yang miskin daripada Rumah Orang-orang Tua tadi, sembahyang itu disedekah sahaja bagi orang ramai, tidak diminta bayaran. Sungguhpun begitu \$150 untuk menggali liang, kain putih, keranda, kereta mayat dan kelengkapan yang saya sebutkan tadi, tidaklah mencukupi. Jadi saya cadangkan patutlah dinaikkan pembayaran bagi seseorang yang mati, kalau boleh ke \$250 atau sekurang-kurangnya \$200.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, yang saya hendak cakapkan di sini ialah pembayaran elaun kepada janda-janda yang uzur, yang miskin, yang telah kematian suami dan yang berhak menerima, kadangkala orang lelaki pun yang telah tua dan lanjut umur tadi. Jadi saya rasa pembayaran itu tidak ditentukan oleh Jabatan-jabatan Kebajikan Masyarakat di Daerah-daerah.

Saya mencadangkan supaya Kementerian Kebajikan Masyarakat atau Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat dapat mengarahkan Jabatan-jabatan Kebajikan Masyarakat di Daerah-daerah supaya memberi tarikh dan masa yang tetap kerana penerima bantuan-bantuan ini adalah dari orang-orang yang miskin dan uzur. Apabila sampai di Pejabat Kebajikan ini, elaun tidak dibayar pada hari itu, terpaksa mereka ini datang pula esoknya. Ini akan merugikan mereka baikpun di segi tambang, di segi tenaga yang uzur tadi. Jadi kalaulah kita katakan tambang bas sekalipun \$1.00 pergi balik, bagi orang yang susah tadi wang \$1.00 itu besar kepadanya. Dengan \$1.00 itu ia boleh membeli gula dan telur dua biji (*Ketawa*), kerana telur murah, Tuan Pengerusi, 10 biji dapat harganya \$1.50 kadang-kadang itu, kalau masa murah pun 10 biji dapatlah harganya \$1.30. Jadi bagi orang-orang tua tadi kalau hendak beli ikan, daging adalah mahal, kalau hendak beli gula sekati kalau tidak salah 65 sen, dapat jugalah beli telur dua biji yang saya katakan tadi itu. Jadi saya rasa bagi orang-orang ini \$1.00 itu sungguh besar, bagi kita yang berada ini kita katakan \$1.00 itu, buat apalah \$1.00! Tetapi bagi orang yang susah tadi amatlah besar maknanya kepada mereka itu.

Saya tidak banyak hendak bercakap di sini, Tuan Pengerusi sebab saya tidak catit benda-benda itu, sebab Kementerian Kebajikan Masyarakat

ini kita tuju kepada orang-orang yang susah. Jadi saya rasa perkara mati adalah satu perkara yang besar dan juga bagi orang-orang yang susah tadi, saya minta mereka itu datang ke pejabat hendak dapat \$35 tetapi tidak dapat hari itu, terpaksa datang pula besok, yang setengahnya itu sakit kaki, hendak naik teksi beca roda tiga pun lagi mahal. Jadi saya rasa patutlah perkara yang macam ini diberi arahan tepat kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan supaya mereka itu tidak payah berulang-alik berkali-kali. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Parit.

6.46 ptg.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit): Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntukan bagi Kementerian Kebajikan Masyarakat, saya ingin menyentuh Maksud B. 60, Butiran 3 iaitu Perkhidmatan Pembangunan Sosial, Butiran 3.1 Perkhidmatan Perkembangan sosial dan Latihan Kemajuan Kerjaya, muka surat 276.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyuarakan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat iaitu sesuai dengan tugas untuk memberi kebajikan kepada masyarakat dalam negara ini iaitu kepada masyarakat yang memerlukan bantuan, maka saya berharap benar-benar supaya Kementerian ini mengambil tahu akan tiap-tiap masalah ataupun kesulitan-kesulitan hidup segolongan anggota masyarakat kita yang kurang bernasib baik terutamanya yang terdapat di kawasan-kawasan pendalaman ataupun di kampung-kampung yang jauh tertinggal di luar bandar.

Saya memang sedar bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat memang mempunyai tugas-tugas yang berat seperti untuk mengelolakan Pusat-pusat Pemulihan Dadah, mengelolakan Pusat Pemulihan

Orang-orang Cacat, Rumah Orang-orang Tua, Pusat Pemulihan Pengemis dan sebagainya, tetapi apa yang ternyata bantuan kepada orang-orang yang benar-benar daif hidupnya oleh kerana tekanan-tekanan kemiskinan yang terdapat di kawasan-kawasan perkampungan selalunya kurang mendapat perhatian, kurang mendapat bantuan bagi membantu penghidupan kepada mereka untuk terus menyara keluarganya. Ini termasuklah bantuan persekolahan anak-anak, membantu anak-anak yatim, kebajikan kepada orang-orang tua yang miskin dan tidak ada keluarga yang boleh membantu orang-orang tua yang miskin dan uzur ini untuk terus hidup.

Sebagai seorang Wakil Rakyat yang tinggal atau yang duduk di luar bandar yang sentiasa terlibat, sentiasa berdamping dengan masyarakat-masyarakat yang memerlukan bantuan ini, biasanya sentiasa berhadapan dengan masalah-masalah yang amat sulit untuk diselesaikan iaitu misalnya kesulitan mendapatkan bantuan-bantuan kepada golongan-golongan yang memerlukan sangat bantuan ini. Apabila berlakunya kemalangan-kemalangan misalnya seperti rumah terbakar ataupun lain-lain bencana alam, iaitu selain daripada kemiskinan yang saya sebutkan tadi, terdapat juga kejadian-kejadian yang menimpa satu-satu keluarga yang sudah tentulah tidak dapat hendak memulihkan semula tempat kediaman dan juga penghidupannya oleh kerana bencana yang saya sebutkan tadi. Selalunya peristiwa semacam ini amatlah susah untuk mendapatkan bantuan daripada Kebajikan Masyarakat.

Kelewatan atau kurang cekap pihak-pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat di peringkat Daerah-daerah untuk menyelesaikan masalah-masalah yang saya sebutkan tadi ternyata oleh kerana kekurangan, mungkin Yang Berhormat Menteri ataupun Setiausaha Parlimen berkata

kekurangan Peruntukan untuk memberikan bantuan ataupun juga pada pendapat saya oleh kerana kurangnya kakitangan di Pejabat-pejabat Kebajikan Masyarakat di peringkat Daerah. Kalaulah misalnya satu-satu daerah yang mempunyai Pejabat Kebajikan Masyarakat hanya disediakan seorang Pegawai dan satu dua orang Kerani, maka sudah tentulah akan berlaku kesulitan-kesulitan yang banyak untuk menyelesaikan masalah-masalah yang tidak putus-putus datang daripada masyarakat yang miskin dan juga kemalangan-kemalangan yang berlaku di kawasan-kawasan tersebut.

Satu-satu perkara atau satu-satu kes yang memerlukan bantuan seperti yang saya sebutkan tadi, biasanya bantuan yang diberikan selalu begitu lewat. Walaupun pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat ini telah pun pergi menyiasat sendiri akan keadaan yang berlaku dan telah pun mendapat sokongan daripada Ketua Kampung, misalnya, daripada Datuk Penghulu ataupun daripada Wakil-wakil Rakyat juga, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri telah menghantar beberapa kali wakil untuk melihat peristiwa atau kedudukan yang memerlukan bantuan ini, tangkap gambar berulang kali, isi borang dan sebagainya, tetapi biasanya bantuan amat lewat untuk disampaikan.

Ini sudah tentulah akan menimbulkan rasa kurang puas hati atau rasa kurang kepercayaan daripada orang-orang kampung yang perlukan bantuan ini kepada Jabatan ini dan juga kepada Kerajaan. Apatah lagi kalau sekiranya permohonan yang telah dikemukakan itu setelah menunggu beberapa lama, tiba-tiba jawapannya dukacita tidak dapat diluluskan. Mungkin alasannya kerosakan yang berlaku tidaklah seberapa dan keluarga itu masih boleh lagi duduk di dalam rumah yang mendapat kemalangan itu, ataupun bantuan tidak dapat diberikan kepada

orang yang miskin ini kerana menganggapkan masih boleh hidup dengan keadaan yang ada pada masa itu. Inilah biasa yang kita dapati jawapan-jawapan yang diterima daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh penduduk-penduduk di kawasan-kawasan pendalaman. Di sini saya menyerulah kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat supaya memperbaiki kelemahan-kelemahan yang berlaku untuk menjaga nama baik Kerajaan ataupun nama baik Kementerian Kebajikan Masyarakat sendiri.

Tuan Pengerusi, masalah bantuan Kebajikan Masyarakat yang telah pun disuarakan oleh Yang Berhormat dari Sungai Petani tadi, saya memberikan sokongan yang kuat kerana masalah itu adalah sama berlaku di kawasan-kawasan yang lain. Kepada orang-orang yang benar-benar daif dan benar-benar berkehendakkan bantuan, perlulah kita mengambil perhatian dan mengkaji dengan cara yang bersungguh-sungguh untuk menimbangankan permohonan-permohonan ataupun bantuan-bantuan yang akan diberi, kerana berlaku beberapa masalah, yang pertamanya, banyak permohonan-permohonan yang kita fikirkan layak dapat tetapi tidak mendapat bantuan. Mungkin jawapannya kerana kurang peruntukan, kerana bantuan-bantuan yang diberikan terlalu kecil misalnya \$20—\$30 untuk satu keluarga atau untuk seorang yang diluluskan. Kemudian cara pengkajian yang dibuat oleh Kementerian atau oleh Jabatan ini pun agak ketinggalan zaman, perlu diperbaharui.

Saya berikan contoh, tiap-tiap permohonan yang berkehendakkan bantuan Kebajikan Masyarakat ini akan diberikan borang. Di situ disediakan empat, lima muka soalan dan kadang-kadang pemohon-pemohon itu langsung tidak tahu apa

yang hendak buat dan dia datang mencari orang lain mengisikan. Kadang-kadang orang yang mengisi pun cara taruh sahaja. Kalau dia minta tolong kepada orang yang tidak bertanggungjawab, misalnya jiran-jiran sebelah rumah, hendak cepat isi, ada-ada tidak, kata orang kampung. Kalau dia jumpa Penghulu atau jumpa Ketua Kampung, mungkin dapat diisi dengan sempurna. Jadi borang yang disediakan itu tidak patut untuk diberi kepada orang-orang yang berkehendakkan bantuan ini.

Rasa saya buatlah cara ringkas sahaja, kerana antara yang disoal dalam borang itu, kadang-kadang menggelikan hati, dia tanya berapa buah TV ada di rumah, berapa buah radio ada, berapa ada meja, berapa ada kerusi, berapa ada bangku, almari, kemudian berapa ekor bela ayam, berapa ekor itik, kambing, ini semua disoal. Sudah tentulah perkara semacam ini begitu remeh dan rasanya tidak berapa kena pada tempatnya kalau kita hendak memberikan bantuan. Memadailah dengan mendapatkan bantuan atau sokongan, pengesahan daripada Ketua Kampung atau daripada Datuk Penghulu, kedudukan kemiskinan orang ini. Adakah benar-benar dia boleh diberi bantuan ataupun tidak, tidak payah diisi borang yang begitu detail.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu kalaulah kita fikirkan benar-benar, selama manakah agaknya kita harus memberikan bantuan-bantuan yang terlalu kecil jumlahnya antara \$20—\$30 kepada keluarga yang miskin ini. Kalaulah yang sudah tua atau yang telah uzur, mungkin bantuan itu akan diberi sehingga dia mati, selagi ada hayatnya. Tetapi kepada orang yang masih mempunyai tenaga, yang masih cergas tetapi amat sulit untuk mendapatkan pencarian hidup, ini banyak terjadi. Walaupun dia masih bertenaga, masih kuat, tetapi dia begitu sulit untuk mencari

penghidupan sedangkan tangungannya berat kerana biasanya orang-orang yang susah macam ini anaknya banyak, empat, lima, enam kadang-kadang sepuluh pun ada. Kesulitan mereka untuk mendapatkan pekerjaan ini mungkinlah kerana tiada harta pesaka yang ditinggalkan oleh keluarga atau ibubapa mereka, tiada tanah, tiada kawasan bercucuk tanam dan sebagainya ataupun tidak ada ilmu pengetahuan untuk mendapatkan pekerjaan sedangkan keluarganya besar.

Maka di sini saya ingin mengemukakan kepada pihak Kementerian mengapakah pihak Kementerian tidak boleh mengadakan satu skim atau satu cara yang boleh memulihkan penghidupan keluarga yang seperti ini. Mungkin kita boleh mengadakan skim pemulihan keluarga ataupun yang lain-lain iaitu dengan memberikan bantuan bagaimana boleh keluarga itu hidup berdikari akhirnya dengan bantuan yang disediakan oleh Kementerian Kebajikan Am ini.

Misalnya, memberikan modal untuk berniaga ataupun memberikan modal untuk bercucuk tanam. Masalah tanah ini kita boleh uruskan dengan Pejabat Tanah mungkin terdapat lagi tanah-tanah Kerajaan yang boleh dilesen, boleh kita buat kerjasama di antara Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan pihak Pejabat Tanah untuk memberi tanah-tanah yang sesuai untuk bercucuk tanam kepada keluarga ini. Pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat mengeluarkan sedikit modal untuk membolehkan keluarga tersebut sama ada berniaga, bercucuk tanah ataupun memelihara ternakan ayam itik. Jadi tidaklah

dengan mengeluarkan bantuan \$20—\$30 sebulan.

Kita memanglah sedar kepada keluarga yang miskin ini mereka boleh menjalankan kerja-kerja ini. Boleh berniaga, boleh bercucuk tanam tetapi mereka tidak ada modal, tidak ada tempat. Sekiranya kepada mereka ini kita bertanya mengapa tidak meminjam melalui MARA atau melalui bank. Siapa hendak berikan harta untuk sandaran, orang hendak menjaminkan tidak ada, tidak ada siapa berani jamin orang macam ini hendak pinjam dari bank. Jadi inilah tugas Kementerian Kebajikan Masyarakat membantu mereka mengadakan modal, menyediakan keperluan yang boleh memberikan keluarga ini bekerja untuk menyara kehidupan keluarganya. Maka sudah tentulah satu tugas yang mungkin berat kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk menjayakan ini. Sekiranya kalau kita dapat memulihkan dua tiga keluarga bagi satu-satu daerah dalam satu musim ini merupakan satu kejayaan yang boleh kita banggakan.

Tuan Pengerusi, itu sahajalah beberapa cadangan dan pandangan saya kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat dan saya mengakhirlah ucapan saya dengan memberikan sokongan kepada peruntukan yang diberikan kepada Kementerian ini. Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 29hb November, 1984.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.03 malam.